

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 61

Rabu

1 Disember 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2005

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.46	(Halaman 24)
Maksud B.48	(Halaman 37)
Maksud B.49	(Halaman 97)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2005

Jawatankuasa:-

Maksud P.46	(Halaman 24)
Maksud P.48	(Halaman 37)
Maksud P.49	(Halaman 97)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 1 Disember 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1 – Y.B. Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – tidak hadir]

1. **Tuan Richard Riot Jaem [Serian]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab kenapa masyarakat lebih menaruh keyakinan kepada hospital-hospital swasta dari hospital-hospital kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]:

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ingin menegaskan bahawa hospital-hospital kerajaan menyediakan perkhidmatan perubatan yang komprehensif dan mampu diperolehi oleh semua lapisan masyarakat. Hospital kerajaan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, peralatan canggih, pakar-pakar serta pegawai dan anggota yang terlatih untuk memberi rawatan kepada pesakit yang memerlukannya. Kementerian berpendapat ramai pesakit mempunyai keyakinan terhadap rawatan yang diberikan di hospital kerajaan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat rungutan dan aduan yang diterima mengenai masa menunggu yang lama serta layanan yang kurang baik. Ini mungkin disebabkan oleh kekurangan anggota untuk mengendalikan pesakit yang terlalu ramai. Sekian.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Berkenaan dengan hospital swasta, kita tidak menafikan bahawa hospital swasta ini mempunyai pakar-pakar yang dahulunya berkhidmat dengan kerajaan kemudian keluar ke perkhidmatan swasta. Persoalan saya adakah salah satu sebab kenapa masyarakat ataupun pesakit-pesakit lari kepada hospital swasta disebabkan oleh bilangan pakar yang banyak lari daripada hospital kerajaan kepada hospital

swasta dan mereka ini membawa imej yang baik semasa berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan? Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat iaitu memang kebanyakan pakar-pakar yang kita ada di hospital-hospital swasta adalah berasal daripada hospital kerajaan dan ini juga menunjukkan bahawa hospital-hospital kerajaan telah dapat bukan sahaja memberi perkhidmatan yang baik kepada orang ramai tetapi juga merupakan satu *training ground* supaya pakar-pakar ini dapat belajar dan dapat merawat pesakit-pesakit dengan peralatan yang kita ada dan juga dengan kemudahan yang terdapat di dalam sistem kerajaan ini. Sekian.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merasakan hospital-hospital kerajaan ini pun amat mengecewakan. Saya sendiri dalam bulan puasa yang lalu ketika melawat seorang pesakit, kebetulan keluarga saya, pesakit lelaki dan pesakit wanita diletakkan dalam satu wad. Saya hubungi Yang Berhormat, akhirnya dapat jugalah. Inilah masalahnya, bukan setakat kelengkapan dan kemudahan yang berkurangan. Maka sebab itu mereka pergi ke hospital swasta. Masalah hospital swasta ini mengambil kesempatan macam lintah darat. Mengenakan bayaran yang terlalu tinggi. Ahli-ahli Yang Berhormat tidak kena batang hidung sendiri tidak mengapalah, saya sudah kena. Di luar kemampuan bagi orang yang tidak mampu, pergi tidak beritahu berapa harga, tahu *charge* sahaja. Yang paling malang ada di kalangan hospital swasta ini adalah milik perbadanan-perbadanan kerajaan negeri, Johor sebagai contohnya. Ada. Soalan saya apakah Kementerian Kesihatan hendak membiarkan perkara ini begitu sahaja dengan tidak mengadakan satu akta mengawal rawatan perubatan. Ini berapa itu berapa. Tuan Yang di-Pertua mungkin arif tentang ini kerana Tuan Yang di-Pertua adalah seorang doktor yang mendapat kepujian di kawasan Sipitang, saya tahu. Macam Batu Pahat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalan pendek juga Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itulah soalan saya, apakah Kementerian Kesihatan hendak membiarkan perkara ini berlarutan? Sudahlah nama kawasan Larut. Jadi apakah Kementerian Kesihatan melihat supaya mengadakan satu kawalan ke atas senarai rawatan perubatan sebagaimana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengenakan ke

atas barang-barang kawalan yang lain. Ini amat mustahak dan penting dan saya sendiri membawa perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri. Terima kasihlah Yang Berhormat Menteri Kesihatan, walaupun sibuk dapat melayan panggilan telefon, itu pun kita kena beritahu siapa yang memanggilnya. Saya sudah dapat menghubungi Timbalan Menteri Kesihatan, dia bagus juga walaupun ia berada di Madinah ketika itu, dia menjawab telefon. Yang Berhormat pun begitu juga, jadi minta sedikit penjelasan tentang seriusnya perkara ini supaya tidak ada pengurusan hospital swasta, pusat pakar swasta ini mengambil untung berlebihan di kalangan masyarakat kita yang begitu memerlukan rawatan kesihatan dari segi apa juga yang mereka hadapi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan Malaysia memang sedar berkaitan dengan *charge* yang telah *dicharge* ke atas pesakit yang agak tinggi dan tidak terkawal dan Kementerian sedang menggubal *regulation* atau peraturan fi. Pada masa sekarang peraturan ini ada di *AG Chambers* dan apabila dia diluluskan kita akan gazetkan peraturan fi ini dan kita harap selepas itu kita tidak ada masalah lagilah berkaitan dengan *charge* yang telah dikenakan oleh hospital-hospital swasta. Sekian.

2. **Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah peluang pekerjaan yang telah dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2003 dan berapakah jumlah pekerja asing yang diambil.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, menurut rekod kementerian ini, sebanyak 96,918 jawatan kosong telah dilaporkan dan diiklankan oleh majikan melalui sistem Penjodohan Kerja (JCS), *Job Clearing System*, dan juga *Electronic Labour Exchange* (ELX) pada tahun 2003. Daripada jumlah tersebut sebanyak 16,267 pencari kerja telah berjaya ditempatkan dalam sektor pekerjaan. Bagi pencari kerja yang ingin mendapatkan pekerjaan, mereka boleh mendaftarkan dengan sistem Penjodohan Kerja secara *on-line* atau hadir di pejabat Jabatan Tenaga Kerja merata tempat yang berdekatan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 1 September 2004, seramai 1,282,090 orang pekerja asing telah didapati bekerja di negara ini. Pekerja asing ini diambil untuk

bekerja di Malaysia khususnya di sektor perladangan, pembinaan, perkhidmatan, pembuatan yang kurang diminati oleh pekerja tempatan. Sekian. terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Soalan tambahan, bolehkah pihak kementerian ataupun Timbalan Menteri menjelaskan: (a) jumlah peluang pekerjaan bagi sektor-sektor dan (b) apakah usaha-usaha promosi oleh kerajaan bagi menarik belia-belia ini atau iklan besar-besaran bagi memenuhi pekerjaan bagi mengurangkan pekerja-pekerja asing, (c)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, dia (b) sahaja Yang Berhormat. *[Ketawa]* Ya, Timbalan Menteri.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Di antara peluang-peluang pekerjaan yang banyak terbuka kepada rakyat Malaysia, tetapi banyak dimonopoli oleh warga asing ialah pertama untuk perladangan dan juga pertanian, kedua untuk pembinaan, ketiga pembuatan, keempat perkhidmatan. Peluang-peluang ini memang luas terbuka khususnya kepada rakyat Malaysia dan di samping itu ada juga peluang-peluang pekerjaan yang lain yang begitu luas sekali terutama dalam bidang-bidang pentadbiran pengurusan yang ada.

Soalan kedua, bagi menarik golongan belia ini pertamanya kita memberikan latihan-latihan industri kepada belia-belia di seluruh negara. Terdapat 20 kursus-kursus diploma yang ditawarkan dan 34 kursus-kursus persijilan yang ditawarkan.

Keduanya kita juga mengadakan Pesta Pekerjaan dari masa ke semasa. Bagi tahun 2003, umpamanya kita mengadakan Pesta Pekerjaan di beberapa tempat iaitu di Melaka, Alor Setar, Negeri Sembilan, Seberang Perai dan di Kota Bharu. Selain dari itu juga, beberapa kempen kesedaran dibuat dan juga iklan-iklan di buat dalam radio, di kain-kain rentang pemedang dan sebagainya.

Usaha-usaha peluang-peluang pekerjaan ini terus diberitahu kepada rakyat Malaysia khususnya golongan belia ini melalui perjumpaan-perjumpaan, dialog-dialog dan juga usaha-usaha diambil oleh pihak-pihak Jabatan Tenaga Kerja di semua negeri yang ada di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah satu sahaja Yang Berhormat. Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Sebentar tadi pihak kementerian menjawab mengenai Pesta Pekerjaan. Apakah pihak

kementerian ini memberi penjelasan sedikit hasil daripada Pesta Pekerjaan yang dilancarkan di beberapa negeri termasuk di Kelantan dan berapa peratus sebenarnya selepas Pesta Pekerjaan dilancarkan di Kota Bharu tahun lepas dengan waktu kempen pesta tersebut pihak penganjur mengatakan setiap orang yang hadir ke pesta tersebut akan dijamin mendapat pekerjaan terutama sekali di kalangan ahli-ahli UMNO?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Walaupun kita membuka peluang untuk pencari kerja melalui pesta ini, mereka tidak diberi jaminan 100% bahawa pencari-pencari kerja ini akan mendapat pekerjaan kerana ia banyak bergantung kepada keupayaan dan juga kelayakan pencari-pencari kerja itu sendiri. Sebagai tambahan, sepanjang tahun 2003, Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia telah berjaya menempatkan sebanyak 15,470 orang pencari kerja di pelbagai industri. Dari jumlah tersebut seramai 6,432 pencari kerja telah ditempatkan di industri pembuatan, 2,872 pencari kerja di dalam industri perniagaan borong, runcit, restoran dan hotel dan 2,163 orang pencari kerja di industri perkhidmatan yang lain.

Secara keseluruhannya kita berkeupayaan membantu menempatkan pencari kerja sebanyak 43.3% dari jumlah kekosongan yang ditawarkan oleh majikan dalam pelbagai industri bagi tahun 2003. Bagi tahun 2004, proses itu diteruskan dan kita jangkakan peningkatannya lebih daripada 50% pencari-pencari kerja berhasil untuk ditempatkan. Terima kasih.

4. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis untuk menjaga keselamatan orang ramai memandangkan kejadian-kejadian jenayah seperti membunuh, meragut dan merogol semakin meningkat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gopeng yang mengemukakan soalan.

Bagi menjawab soalan tersebut, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil bahagian pelbagai langkah positif dalam usaha untuk menjaga keselamatan orang ramai daripada menjadi mangsa jenayah seperti bunuh, ragut dan rogol. Di antara langkah-langkah positif yang diambil adalah seperti mengenal pasti, memantau, mengambil tindakan terutamanya terhadap kegiatan jenayah bersindiket yang menjurus kepada kes jenayah kekerasan dan pembunuhan. Ini termasuk

pembanterasannya, gengsterisme, machine slot, cetak rompak, meminjam wang, penyeludupan senjata api dan lain-lain kegiatan sindiket.

Pihak PDRM meningkatkan rondaan bagi mencegah jenayah dengan memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai indeks jenayah yang tinggi seperti di rumah kongsi pekerja asing, pusat-pusat hiburan dan sebagainya. Pencegahan kegiatan penyeludupan senjata api dan pendatang tanpa izin akan dipertingkatkan terutamanya di sempadan negara.

Bagi mengatasi kes-kes ragut pula, pihak PDRM melaksanakan strategi-strategi seperti berikut:-

- (i) melaksanakan pencegahan jenayah secara bersepadu, dengan menggembeng tenaga anggota polis daripada beberapa cawangan dalam pasukan polis, terdiri daripada Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Simpanan Persekutuan dan Pasukan Gerakan Am;
- (ii) menubuhkan pasukan khas ragut ataupun, dengan izin, *task force* bagi menjalankan *Ops Python* bertujuan menangani jenayah ragut;
- (iii) mendakwa penjenayah-penjenayah kes ragut di bawah peruntukan undang-undang yang membawa hukuman berat seperti peruntukan di bawah Seksyen 392 ataupun 394 Kanun Keseksaan yang ada berkaitan dengan kesalahan merompak;
- (iv) menugaskan anggota-anggota polis berpakaian preman di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai kerapnya berlaku jenayah ragut;
- (v) melakukan sekatan jalan raya kerana pihak polis mendapati bahawa jenayah ragut biasanya dilakukan oleh penjenayah yang menggunakan motosikal ataupun kereta curi;
- (vi) meningkatkan rondaan *mobile patrol vehicle*, dengan izin, dan anggota '*beat*' di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai;
- (vii) menjalankan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dalam usaha mencegah jenayah, sebagai contoh pemantauan pihak polis melalui kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan tertentu;

- (viii) mengadakan kerjasama dengan persatuan penduduk di kawasan tertentu dan badan-badan sukarela dalam usaha-usaha mencegah jenayah;
- (ix) mempergiatkan lagi penglibatan polis sukarela ataupun PVR dalam menjayakan usaha-usaha pencegahan jenayah.

Secara amnya, ternyata langkah-langkah yang sedang giat dilaksanakan oleh pihak polis telah berjaya mengurangkan kadar kes-kes jenayah ragut yang berlaku di negara ini. Mengikut perangkaan kes ragut bagi Januari hingga Oktober 2003 terdapat sebanyak 13,549 kes. Bagi bulan yang sama bagi tahun 2004 pula terdapat sebanyak 9,999 kes, ini terdapat penurunan kes ragut sebanyak 3,550 kes iaitu penurunan sebanyak 26.2%.

Bagi menangani jenayah yang membabitkan keselamatan orang awam dalam jenayah keganasan terhadap kaum wanita yang melibatkan kes rogol, tindakan yang dilaksanakan oleh pihak PDRM ialah mengadakan rondaan pencegahan jenayah dan rondaan sektor dari masa ke semasa.

Di samping itu, pihak PDRM juga mengadakan kerjasama dengan pihak swasta menerusi ceramah, bengkel, seminar, mengedarkan risalah-risalah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai jenayah keganasan terhadap wanita, terutamanya rogol.

Bagi pihak anggota PDRM pula, semua pegawai yang terlibat dalam pengendalian kes-kes seperti ini, diberi kursus-kursus yang membolehkan mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam mengendalikan kes-kes keganasan terhadap wanita seperti kes-kes yang melibatkan jenayah rogol. Sekian, terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, ekoran daripada isu peningkatan jenayah khususnya jenayah ragut, kementerian pernah mengumumkan *exercise* untuk mengambil berpuluh ribu anggota polis yang baru. Saya hendak tahu adakah *exercise* mengambil anggota yang baru ini telah selesai dan jika tidak, bila akan *exercise recruitment* itu selesai. Sekian.

Datuk Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. berkaitan dengan pengambilan untuk menambah anggota-anggota polis pada tahun ini belum dilaksanakan, rancangan akan dibuat mungkin dalam tahun hadapan untuk meningkatkan lagi keanggotaan polis ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dan pengakuan daripada Datuk Setiausaha Parlimen selain daripada kekurangan anggota pasukan polis, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kekurangan alat-alat kelengkapan adalah satu faktor yang menyebabkan kelewatan untuk bertindak pasukan polis menghadapi sesuatu perkara jenayah yang berlaku.

Jadi, apakah pihak kementerian akan memastikan bahawa kelengkapan-kelengkapan *walkie talkie* kadang-kadang *distancenya* tidak jauh, kemudian zaman sekarang ini *walkie talkie* ini kalau sudah *special branch* bubuh *walkie talkie* dalam poket, masuk kedai kopi, satu kedai dengar. Jadi, macam mana hendak dikatakan dia itu *special branch*, sepatutnya orang tidak mengenali dia. Itu yang pertama.

Jadi, kelengkapan ini bagi saya *totally out*, kita kena *updatekan* kelengkapan kita.

Yang keduanya, apakah pihak kerajaan ingin memastikan bahawa polis bantuan ini, kerana kita tahu kekurangan, kita gunakan polis *volunteer reserve* ini, bagi mereka *full training*, macam askar mereka menggunakan *territorial army*, askar wataniah, *mobilisekan* mereka jadi *full force*, dan kita ada RELA, trainkan RELA ini, jadi biar semua ini menjadi mata, telinga kerajaan membantu pasukan polis.

Jadi, adakah pihak kementerian akan membuat pandangan, cadangan saya ini kerana ini untuk kebaikan kita bersama. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, tidak payah contohlah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Satu sahaja. Kemalangan berlaku di Gurun memakan masa dua jam apabila polis di Sungai Petani hendak mai di kawasan saya di Gurun, dua jam baru selesai. Kalau orang mati di Gurun tidak tahulah macam mana. Saya juga hendak kena turun pergi *investigate*, jadi tak kena.

[Tepuk]

Terima kasih. [Ketawa]

Datuk Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak kementerian tidak menafikanlah bahawa ada kekurangan daripada kelengkapan tetapi tidaklah begitu menyedihkan sebagaimana yang seolah-olah Yang Berhormat mengatakan tadi, kelengkapan ini begitu kekurangan sangat. Bagi pihak polis, polis sentiasa dari masa ke semasa mempertingkatkan lagi tahap kualiti kelengkapan-

kelengkapan yang digunakan oleh pihak polis untuk membanteras kes-kes jenayah yang berlaku di negara kita.

Berkaitan dengan pengambilan PVR, malahan dalam kita menangani masalah ragut, kita menggunakan anggota PVR untuk bersama-sama dalam menjalankan tugas-tugas dalam membanteras. Dan dari masa ke semasa pihak polis sentiasa mengenal pasti keperluan dan akan mengambil anggota-anggota PVR ini. Berkaitan dengan RELA, RELA bukanlah sebahagian daripada anggota dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia dan mereka tidak mempunyai kuasa-kuasa polis untuk melaksanakan tanggungjawab dalam mengatasi masalah-masalah yang berlaku di dalam negara kita. Terima kasih.

5. Datuk Haji Mohd. Said bin Haji Yusof [Jasin] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa kemerosotan disiplin ponteng sekolah di kalangan pelajar semakin meningkat terutama di luar bandar dan sudahkah kementerian mempunyai formula yang berkesan untuk menyelesaikannya.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 2003 mengenai masalah sosial pelajar khususnya di kawasan FELDA, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan salah laku termasuk ponteng di kalangan pelajar.

Antaranya adalah berpunca daripada:

- (i) Faktor diri pelajar itu sendiri;
- (ii) Faktor ibu bapa serta keluarga;
- (iii) Pengaruh rakan sebaya;
- (iv)** Faktor masyarakat dan persekitaran.

Dan juga Kementerian Pelajaran sememangnya memandang serius kes-kes ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah.

Sehubungan dengan itu, pihak kementerian telah mengambil pelbagai inisiatif bagi mengatasi masalah ini, antaranya ialah:

- (i) Menyediakan saluran terus aduan awam;
- (ii) Membentuk Jawatankuasa Petugas Khas menangani gejala salah laku murid;

- (iii) Menubuhkan, dengan izin, *flying squad*, yang ditugaskan memantau ke sekolah-sekolah berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Jawatankuasa Petugas Khas;
- (iv) Mewujudkan sekretariat tetap;
- (v) Menggerakkan kerjasama yang lebih erat dengan Pasukan Polis Diraja;
- (vi) Memantapkan program sekolah selamat;
- (vii) Membentuk kerjasama antara pihak sekolah dengan ibu bapa, guru, komuniti dan serta juga agensi kerajaan yang lain;
- (viii) Memberikan nasihat dan kaunseling individu.

Dengan usaha-usaha tersebut, kementerian yakin masalah disiplin termasuk masalah ponteng di kalangan pelajar dapat ditangani. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Haji Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan, tetapi kita lihat dengan begitu yang telah disenaraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, terhadap apa yang akan dilakukan oleh kementerian kita dapati bahawa masalah ini berterusan, adakah disebabkan bahawa kementerian pada hari ini gagal untuk menyediakan kakitangan ataupun guru-guru yang boleh menarik anak-anak kita terus bersekolah, kadangkala kita lihat daripada temu bual kita dengan murid-murid yang ponteng sekolah ini, mereka tidak suka kepada guru. Oleh kerana tidak suka guru, mereka ponteng sekolah dan adakah *Parent Teachers Association* (PTA) ini berkesan dalam usaha untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih Dato'.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Sebenarnya masalah ponteng ini memang berterusan, cuma apa yang kita perkatakan di sini sama ada kita dapat mengawal selia ataupun tidak.

Baru-baru ini saya telah membuat kenyataan yang mana saya dapat banyak *respond* mengenai dengan kenyataan saya berasaskan perkara ponteng yang mana saya sebenarnya merujuk kepada perkara itu di sebuah negeri iaitu di negeri Terengganu yang mana telah dikeluarkan dalam akhbar mengenai ponteng.

Bagi jawapan itu, saya telah mengatakan kadangkala yang kita lihat peningkatan ponteng ini kadang kala bermusim. Maksud saya 'bermusim' macam inilah iaitu musim sesudah sekolah itu baru sahaja habis peperiksaan. Masa itu ramai

yang ponteng, itu yang kita dapati di sesetengah tempat tetapi sesetengah tempat tidak berlaku.

Oleh yang demikian, kenyataan saya ialah bagaimana, saya minta salah satu daripada perkara yang saya minta kepada sesetengah sekolah, bukan semua sekolah hanya beberapa buah sekolah yang disalahtakrifkan iaitu saya minta supaya di kalangan kita antara guru lebih berkreatif. 'Kreatif' maksud saya ialah kita boleh mengadakan pelbagai aktiviti-aktiviti yang lain bagi menarik murid-murid ini datang ke sekolah. Itu sahaja yang saya bangkitkan.

Saya tidak membuat tuduhan kepada mana-mana pihak. Memang seperti mana yang telah saya jelaskan tadi, punca-punca ponteng ini banyak puncanya yang kalau kita hendak sebutkan di sini satu persatu mengambil masa yang lama. Oleh yang demikian, setelah saya senaraikan tadi saya rasa itu mencukupi.

Untuk mengatakan sama ada kita telah gagal ataupun tidak, saya masih berkeyakinan bahawa pihak sekolah kita melakukan sebaik mungkin untuk perkara ini tidak berlaku dan pohon kerjasama daripada ibu bapa untuk anak-anak dia itu tidak ke sekolah. Begitu juga dengan peranan PIBG baru-baru ini telah pun kita bawa di satu Jawatankuasa Induk yang telah diusahakan oleh pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita supaya satu jawatankuasa ini kita akan keluarkan kenyataan di hujung tahun ini bagi mengatasi masalah salah laku termasuk ponteng iaitu di mana saya juga diberikan tanggungjawab untuk bagaimana kita hendak meningkatkan lagi peranan PIBG di sekolah-sekolah kita. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, walaupun kita tahu gerakan atau kaedah-kaedah bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ponteng sekolah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Mambong.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Bunyi 'mbong' – Dungun, dah Dungunlah dulu [Dewan riuh] Separuh jalan dah ini, Tuan Yang di-Pertua. Boleh izin Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak. Mambong, bagi Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Saya memang dengar hujung-hujung itu 'mbong' Mambong tetapi apa boleh buatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan. Teruskan Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Tentang masalah kemerosotan disiplin pelajar. Faktor-faktor yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada empat faktor dan juga tindakan-tindakan yang telah diambil dan dilaksanakan oleh pihak kementerian tadi.

Saya ingin bertanya, adakah kementerian mengkaji dengan sedalam-dalamnya perisian faktor-faktor tersebut dan seterusnya membuat *correlation* ataupun pertalian di antara perisian faktor-faktor tersebut dengan tindakan-tindakan yang diambil kerana kalau tidak maka tindakan yang diambil berasingan daripada faktor-faktor yang telah digariskan tadi.

Jika begitu, maka tindakan tidak berkesan. Soalan tambahan saya, adakah kementerian mengkaji dengan sedalam-dalamnya faktor-faktor dan tindakan yang diambil dari segi *correlation*? Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat bercakap dari segi statistik, jawapan daripada statistik. Sebenarnya kajian ini telah dilakukan begitu terperinci malah perincian salah laku termasuk ponteng tadi, kita telah senaraikan ataupun kita kategorikan di dalam beberapa kategori.

Antara lain kita telah pun membuat kod-kod tertentu untuk kita dapat jawapan yang tepat seperti mana yang dicakapkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan *correlation* dia. Antaranya saya sebutkan di sini macam kategori kesalahan. Umpamanya ponteng juga kita letak banyak jenis-jenis ponteng. Umpamanya ponteng peperiksaan kita masuk. Ponteng *private study*, dengan izin, pun kita masuk. Ponteng asrama pun kita masuk, jadi klasifikasi macam ponteng.

Begitu juga kenakalan atau dengan izin, *hooliganism* juga kita masuk. Begitu dengan kes-kes salah laku lagi seperti umpamanya saya ambil ini berjudi, mencuri, melawan guru, melawan pengawas, peras ugut, buli, kongsi gelap, salah guna dadah, bawa senjata, cabul kehormatan, ancam murid, ceroboh, tunjuk perasaan, bertaruh dan sebagainya. Termasuk juga tingkah laku lucah seperti bercumbuan, berkhawat, bawa bahan lucah, itu juga kita kategorikan.

Misalnya kita hendakkan *correlation* tadi, kita ambillah punca kesalahan tadi adakah punca diri, punca persekitaran, punca keluarga ataupun punca sekolah. Saya berharaplah tanggungjawab jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Yang Berhormat

Menteri Pelajaran baru-baru ini akan dapat lebih berkesan dari segi tindakan yang kita hendak lakukan.

Saya ambil contoh di sini, pendekatan yang saya ambil baru-baru ini ialah pendekatan *psychology* dan pendekatan untuk kita wujudkan, orang kata dengan izin, *preventive measures*. Itu bukan sahaja benda itu berlaku, bagaimana hendak mengurang serta hendakkan untuk *preventive* supaya ia tidak berlaku. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dungun, soalan mustahak sangatkah Dungun?

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Mustahak sangat ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana hendak merakamkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Kerajaan Malaysia. Bagi rakyat Terengganu, sebelum soalan tambahan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: kerana pencapaian UPSR baru-baru ini, Terengganu telah mencapai status yang tertinggi sekali melebihi daripada paras nasional. Terima kasih khusus kepada kementerian. Soalan tambahan saya ialah terima kasih, oleh kerana kita sudah tahu semua punca dan kaedah-kaedah ini, ringkas sahaja, apakah kementerian atau kerajaan ataupun sekolah mempunyai kuasa-kuasa tertentu dalam undang-undang kerana kita tahu kalau kita tidak mengambil tindakan undang-undang kepada sama ada ibu bapa ataupun daripada punca yang menyebabkan ponteng itu, saya pasti masalah ini akan terheret walaupun kita akan menggunakan kaedah psikologi atau kaedah pelbagai seperti mesra pelajar, mesra ibu bapa dan sebagainya.

Saya hendak tahu adakah bentuk undang-undang yang boleh diambil oleh kementerian kerana ini akan merugikan bukan sahaja pelajar itu sendiri tetapi keseluruhan komuniti dalam seluruh sistem yang ada dalam sistem pendidikan itu sendiri. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Macam dalam kes Terengganu, saya rasa Terengganu oleh kerana langkah-langkah yang diambil oleh pihak Barisan Nasional, sebab itu buat suatu masa dia di bawah pemerintahan PAS tetapi pihak Barisan Nasional khususnya UMNO mengambil langkah yang begitu positif sehingga pencapaian dia begitu membanggakan. Malah saya katakan pihak parti PAS telah membuat tuntutan bahawa merekalah yang melakukannya. Ini tidak benar. Sebenarnya pihak UMNOlah yang mengambil usaha

inisiatif sebagai gerakan sosial. Janganlah membebel tak ada apa. Ini Terengganu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah. Jawab soalan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Hendak jawablah soalan sebab Yang Berhormat sana tanya. Saya juga boleh mengatakan di sini, baru-baru ini mengenai dengan ponteng berlaku begitu besar-besaran, telah saya katakan ponteng itu kadang bermusim, umpamanya selepas sahaja peperiksaan berlakulah ponteng tadi besar-besaran. Yang setengah kata tidak ada kerja di sekolah, dia pun tidak pergi.

Ini juga kita sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengadakan undang-undang. Kita sudah ada peraturan sekolah. Peraturan sekolah bermacam-macam peraturan kita ada iaitu termasuk soal ponteng. Oleh yang demikian, seperti mana yang saya katakan tadi, tidak perlulah kita mengadakan undang-undang yang khusus mengambil tindakan ke atas ibu bapa. Cuma apa yang boleh kita lakukan ialah dengan usaha PIBG tadi yang mana dapat disalurkan maklumat ini kepada pihak ibu bapa.

Selain daripada itu ingin juga saya tegaskan di sini apabila kita dapat kerjasama daripada pihak Jabatan Polis, orang telah memandang serong terhadap kita iaitu apabila polis membuat rondaan, kita kata menasihati murid-murid ini dan menghantar balik ke sekolah, orang menuduh pihak polis hendak menangkap. Itu juga kita kena ambil kira.

Akhir kata, saya rasa PIBG sekali lagi kita akan tekankan peranan mereka terhadap perkara ponteng ini. Terima kasih.

6. Tan Sri Dato' K.S. Nijhar [Subang] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah rancangan kementerian dalam memelihara kegiatan pasar malam diadakan di kawasan-kawasan perumahan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Akta Kerajaan Tempatan merupakan undang-undang yang digubal bagi tujuan kawalan ke atas Pihak Berkuasa Tempatan di negara ini. Melalui akta tersebut, Pihak Berkuasa Tempatan di negara ini diberi kuasa untuk menggubal undang-undang kecil bagi mengawal setiap aktiviti perniagaan

di dalam kawasan masing-masing termasuk aktiviti pasar malam yang dikawal di bawah Undang-undang Kecil Penjaja.

Di bawah Undang-undang Kecil tersebut, hanya penjaja yang berlesen sahaja dibenarkan berniaga di pasar malam termasuklah di kawasan-kawasan perumahan. Pelesenan ini adalah bagi tujuan pengawalan dan penguatkuasaan. Di samping itu, Pihak Berkuasa Tempatan akan meminta pandangan daripada penduduk-penduduk tempatan sebelum pasar-pasar malam diadakan di kawasan-kawasan perumahan.

Peniaga pasar malam juga perlu mematuhi lain-lain syarat tambahan yang dikenakan oleh PBT seperti menjaga kebersihan dan mematuhi masa perniagaan yang telah ditetapkan. Tindakan penguatkuasaan boleh diambil oleh PBT ke atas peniaga pasar malam yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' K.S. Nijhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada pihak kementerian atas jawapan tadi. Subang tidak menafikan bahawa pihak kementerian dan pihak PBT telah mengambil beberapa langkah yang baik untuk mengawal masalah-masalah yang timbul bila pasar malam ada di kawasan-kawasan perumahan. Tindakan ini telah membawa sedikit hasil yang baik.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat tindakan-tindakan ini masih tidak mencukupi dan saya berharap pihak kementerian perlu campur tangan dalam masalah ini secara langsung. Ini kerana masih terdapat banyak aduan dan ketidakpuasan daripada penduduk-penduduk dan persatuan penduduk tentang masalah-masalah yang timbul bila pasar malam diadakan di kawasan perumahan seperti masalah tentang trafik, sampah, kebersihan, kesihatan dan sebagainya.

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak kementerian masuk campur dalam masalah ini mengarahkan PBT menempatkan semula peniaga-peniaga pasar malam ini di suatu kawasan strategik yang jauh dari kawasan perumahan di mana mereka tidak mengganggu penduduk-penduduk dan pada masa yang sama peniaga-peniaga berkenaan dapat menjalankan perniagaan mereka tanpa sebarang masalah kepada para penduduk di sekitarnya. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pandangan penduduk-penduduk kawasan selalu diberi perhatian semasa dan sebelum mewujudkan satu tapak pasar malam. Di kebanyakan tempat, pasar-pasar malam ini diuruskan juga oleh pemimpin-pemimpin tempatan juga seperti Jawatankuasa Keselamatan Kampung, Persatuan

Penduduk dan sebagainya. Ada yang memungut sewa tapak dan memantau tahap kebersihan di kawasan itu termasuk masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan trafik dan sebagainya.

Kalau mengenai aduan-aduan yang tertentu itu boleh dikemukakan kepada PBT yang berkenaan untuk tindakan diambil di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja dan kalau tidak berpuas hati ke atas tindakan yang diambil oleh PBT, maka bolehlah merujuk kepada kementerian supaya kementerian secara dasar boleh menasihatkan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan dengan ini.

Di dalam hal undang-undang kecil ini, kuasa untuk melaksana dan memantau terpulang kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Tugas kementerian ialah untuk mewujudkan dasar dan selain daripada itu memang kita tidak menyentuh hal-hal yang tertentu seperti pasar malam dan sebagainya. Tetapi pihak kementerian memang boleh menyalurkan nasihat kepada Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan dengan masalah-masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apa yang dijelaskan oleh Setiausaha Parlimen itu tadi saya minta sedikit penjelasan iaitu apakah dasar pihak kementerian untuk memberi kuasa kepada PBT untuk memantau peniaga-peniaga kecil yang bukan warganegara kita yang sedang menjalankan perniagaan mereka di pasar-pasar malam, yang mana telah menjejaskan perniagaan warganegara tempatan. Jadi, apakah tindakan yang boleh dibuat untuk mengatasi masalah ini?

Dr. S. Subramaniam: Hal berkenaan dengan peniaga-peniaga warganegara asing yang menjalankan perniagaan di pasar-pasar malam dan sebagai penjaja-penjaja di lain-lain tempat adalah di bawah pihak keselamatan dalam negeri dan Kementerian Dalam Negeri. Ini adalah di luar kawasan kerajaan tempatan. Memanglah pihak berkuasa sentiasa prihatin kepada masalah ini dan mengambil tindakan dari masa ke semasa mengenai soal ini.

7. Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta Menteri Pelajaran menyatakan rasionalnya kemungkinan Kerajaan akan menggunakan ISA terhadap pelajar yang terlibat dalam kongsi gelap. Adakah peraturan atau akta lain, kaedah pengajaran dan bimbingan guru-guru terlatih itu tidak berkesan untuk menangani masalah disiplin dan sosial tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana soalan ini berkaitan dengan soalan No. (5) tadi. Saya lanjutkan. Kementerian Pelajaran menyedari terdapat kes-kes salah laku termasuk kes-kes jenayah yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah. Walau bagaimanapun, kementerian berkeyakinan kita boleh mengatasi masalah-masalah tersebut di peringkat sekolah. Jika terdapat kes-kes yang melibatkan jenayah dan tidak dapat diselesaikan di peringkat sekolah, kes tersebut akan dirujuk kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

Bagi mengenakan ISA itu bukanlah bidang kuasa Kementerian Pelajaran sebab itu adalah hak pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, sama ada di peringkat sekolah ataupun di luar sekolah kita tertakluk kepada undang-undang negara.

Dalam membanteras kegiatan kes-kes berbentuk jenayah seperti kongsi gelap, peraturan-peraturan serta surat-surat pekeliling berhubung perkara tersebut telah dikeluarkan dari masa ke semasa. Sudah banyak kita keluarkan dan ada bermacam-macam surat pekeliling. Di antaranya seperti surat pekeliling lapor kepada polis mengenai salah laku, surat mengenai dengan masalah ponteng, tatacara mengenakan tindakan dan hukuman terhadap pelajar-pelajar sekolah termasuk seperti merotan tadi, surat pekeliling mengenai kuasa disiplin dan hukuman di sekolah, mengenai dengan kegiatan gengster di sekolah, penubuhan kelab pencegahan jenayah di sekolah dan menangani masalah keselamatan dadah dan gengster di sekolah. Itu pun sudah berapa banyak yang kita telah keluarkan. Memang kita berterima kasih kepada pihak yang memberi *response* kepada kita.

Dalam hubungan ini juga kerjasama dari semua pihak anggota masyarakat adalah bagi memastikan tiada pelajar yang terlibat dalam kes-kes salah laku khususnya perbuatan jenayah. Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga di atas jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri berkaitan dengan tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian dan kerajaan untuk mengatasi masalah kongsi gelap di dalam sekolah.

Di dalam jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri mengatakan bahawa banyak surat pekeliling yang telah dikeluarkan. Ini hanyalah secara *formality*, Timbalan Menteri. Apa yang kita hendak lihat ialah apakah tindakan yang praktikal

untuk mengelakkan pelajar-pelajar sekolah kita tidak terjerumus di dalam kegiatan kongsi gelap ini. Apakah ada tindakan lain yang lebih praktikal dan positif supaya anak-anak kita tidak dikongkong? Apakah pihak kerajaan dapat mencari sumbernya, *the source of the problem* dalam hal ini? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Janganlah kita katakan bahawa surat pekeliling itu sekadar *fomality* sahaja, tidak. Sebenarnya ia memberi kesan yang mana kita sentiasa mengingatkan pihak sekolah supaya berhati-hati dalam kes-kes, walaupun sekecil mana kes itu kita akan mengambil tindakan.

Mengenai dengan langkah-langkah yang praktikal dan positif yang Yang Berhormat maksudkan, boleh saya katakan – bukanlah hendak mengangkat sangat Menteri Pelajaran ini - beliau sendiri turun beberapa kali, misalnya baru-baru ini, termasuk pergi menyerbu ke dalam Cyber Café umpamanya, untuk mengetahui sebenarnya perkara itu. Sebenarnya tidak dilakukan oleh Menteri, tetapi Menteri begitu praktikal sekali dalam hal ini dan mengambil langkah-langkah yang tertentu iaitu bagaimana kita dapat bekerjasama dengan pihak polis. Gengsterisme tadi berlakunya ialah di luar sekolah yang mana kita tidak mahu pihak-pihak tertentu untuk “rekrut” murid-murid sekolah kita untuk menyertai kumpulan gengster tadi.

Jadi, ini telah pun kita ambil dan positifnya ialah bekerjasama dengan pihak polis. Kita berterima kasih kepada Jabatan Polis yang khususnya IGP sendiri yang mengambil langkah-langkah membanteras perkara ini sekiranya ia berlaku. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Kita dapat mendengar bahawa antara faktor yang menyumbang kepada kemerosotan disiplin yang menjurus kepada kegiatan pelajar dalam gengsterisme, penyalahgunaan dadah dan sebagainya tadi adalah antara pelajar itu sendiri, ibu bapa, keluarga dan alam sekitar. Kita tidak dapat lihat ada beberapa faktor yang melibatkan pihak kementerian atau pun sekolah.

Sedar ataupun tidak pihak kementerian bahawa di dalam 7,207 orang pengetua di antaranya adalah 2,175 pengetua perempuan, iaitu hampir kepada 40% dan seramai 1,899 orang guru besar, 815 adalah guru besar perempuan. Dengan sifat kewanitaan yang begitu *accommodative*, manja, lemah lembut dan longlai ini mungkin boleh sedikit sebanyak menyumbang kepada sikap pelajar yang mungkin. “Ah! Biarkan Cikgu ini. Dia tidak akan marahkan kita” dan sebagainya.

Apa komen kementerian dengan penambahan bilangan guru besar wanita ini menyumbang kepada peningkatan masalah disiplin pelajar yang menjurus kepada penglibatan pelajar ke arah kejadian negatif ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Susah juga hendak menjawab ini [*Ketawa*] Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya berterima kasihlah kerana Yang Berhormat saya rasa membuat penelitian (*home work*) yang begitu mendalam dan cuba dapatkan jawapan daripada saya sama ada saya sedar ataupun tidak. Jawapan pertama, secara objektif, saya sedar, kementerian sedar, kami semua sedar. Kita bukan tidur. Kami tidak tidur.

Mengenai dengan angka-angka yang diberi mengenai guru besar dan pengetua yang terdiri daripada wanita, memang kalau sekali imbas secara am kita boleh buat satu andaian bahawa kerana wanitalah kes-kes salah laku ini meningkat, katanya. Ini *hypothetical question*, dengan izin. Saya boleh katakan di sini, ini bukan soal *gender* untuk membuat tuduhan bahawa kerana ramai wanita, maka benda ini berlaku.

Saya boleh bagi beberapa kes yang tertentu di mana sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh guru besar dan pengetua perempuan tadi lebih berkurangan kes-kes daripada Yang Berhormat sebutkan tadi. [*Tepuk*]

Jadi soal *gender* di sini tidak timbul [*Ketawa*]. Dan saya dapati ada juga sekolah-sekolah yang mana guru besar dan pengetua lelaki di situ banyak berlaku kes-kes salah laku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukup, Yang Berhormat. Jawapan sudah diberi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya rasa soal *gender* di sini tidak boleh kita bangkitkan sebagai penyebab kepada peningkatan salah laku murid-murid. Sekian, terima kasih.

8. Dato' Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan nama dan bilangan IPTA dan IPTS yang terdapat di Malaysia. Adakah IPTA dan IPTS tersebut mempunyai tenaga pengajar dan kemudahan-kemudahan bertaraf antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini terdapat 17 IPTA telah ditubuhkan di Malaysia iaitu:

- (i) Universiti Malaya (UM)
- (ii) Universiti Sains Malaysia (USM)
- (iii) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- (iv) Universiti Pertanian Malaysia (UPM)
- (v) Universiti Utara Malaysia (UUM)
- (vi) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- (vii) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- (viii) Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- (ix) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- (x) Universiti Teknologi MARA Malaysia (UiTM)
- (xi) KUITO
- (xii) Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)
- (xiii) Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)
- (xiv) Kolej Universiti Teknologi Kebangsaan Malaysia, Melaka (KUTKM)

- (xv) Kolej Universiti Teknologi Kebangsaan Malaysia, Pahang (KUTKM)
- (xvi) Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia, Perlis (KUKUM)

Bagi IPTA yang telah lama ditubuhkan seperti Universiti Malaya, USM, UKM, UPM dan UTM, penyediaan infrastruktur dan tenaga pengajar lazimnya mencukupi dan memenuhi spesifikasi yang diperlukan di peringkat antarabangsa. Malahan berdasarkan kajian universiti terbaik yang disiarkan dalam *The Times Higher Education Supplement* pada awal November baru-baru ini Universiti Malaya telah menduduki di tangga ke-89 daripada 100 universiti terbaik di dunia dan ke-12 dalam universiti terbaik di Asia. Manakala USM pula telah menduduki tempat ke 14 daripada 23 universiti terbaik di Asia. Kriteria pemilihan termasuk reputasi sebuah universiti itu mempunyai pensyarah dan juga pelajar bertaraf antarabangsa.

Bagi penyediaan infrastruktur dan tenaga pengajar di kolej-kolej universiti yang baru ditubuhkan Kementerian Pengajian Tinggi akan terus berusaha untuk meningkatkan kemudahan dan prasarana bagi keperluan para pelajar dan setakat ini kolej universiti mendapat khidmat tenaga pelajar yang dipinjam daripada IPTA yang telah lama tertubuh di samping tenaga pengajar dari luar negara.

Di peringkat IPTA seramai 868 orang pengajar bertaraf warganegara asing mengajar di IPTA manakala hingga Jun 2004 terdapat 21 buah IPTS bertaraf universiti dengan bilangan pelajar seramai 36,993 orang dan 525 buah IPTS yang bukan bertaraf universiti dengan bilangan pelajar 278,251 orang. Ada 546 nama IPTS yang Perlu saya sebutkan di sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah.

Datuk Dr. Adham bin Baba: IPTS yang bertaraf universiti mempunyai tenaga pengajar dan kemudahan-kemudahan antarabangsa dan daripada IPTS tersebut seramai 958 pengajar warganegara asing mengajar di IPTS. Pada hari ini, kita mempunyai 26,313 pelajar asing dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang bergembira kerana ada begitu banyak IPTA dan IPTS di dalam negara kita ini dan dengan hasrat kita akan menjadikan negara kita ini sebagai pusat pendidikan cemerlang terutamanya di rantau ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan peranan LAN untuk memantau semua ini termasuk semua kemudahan, pakar, pensyarah dan profesor di dalam IPTS dan juga kementerian untuk memantau semua profesor dan pensyarah yang mencapai taraf yang tinggi dan juga kemudahan untuk penyelidikan? Adakah pihak kementerian sudah membuat kajian yang penuh teliti untuk mengetahui tahap yang dicapai oleh IPTS di negara ini dan bilakah kita boleh mencapai satu senarai universiti yang terbaik – mungkin nombor satu atau nombor dua dan bukan nombor dua belas atau empat belas - memandangkan kita sudah pun mencurahkan begitu banyak wang untuk pendidikan.

Datuk Dr. Adham Baba: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kepong. Saya pun gembira juga apabila Yang Berhormat gembira kerana negara kita mencapai kejayaan untuk mengantarabangsakan universiti-universiti negara kita. Sebenarnya dalam menjamin kualiti pendidikan negara di peringkat IPTA, kita mempunyai Jabatan Jaminan Kualiti yang memantau, menyelia dan juga memastikan bahawa kualiti pendidikan negara kita bukan sahaja bertaraf *homegrown degree* tetapi juga mempunyai kekuatan di antarabangsa dan di peringkat IPTS, kita mempunyai Lembaga Akreditasi Negara yang memainkan peranan untuk memastikan bahawa penubuhan IPTS-IPTS sama ada dalam negara ataupun mempunyai *twin* program di luar negara mendapat pengiktirafan dan pengakreditasi di peringkat dunia.

Kita sudah pun membuat kajian bahawa peringkat antarabangsa negara kita antara yang dilakukan ialah langkah-langkah memastikan ramai pelajar antarabangsa menerima IPTA dan IPTS kita seperti menubuhkan empat pejabat promosi pendidikan Malaysia di Dubai, di Beijing, di Ho Ching Ming, Vietnam dan Jakarta dan mendapatkan pengiktirafan pendidikan Malaysia oleh negara lain seperti di Timur Tengah pada waktu ini yang ramai ingin datang ke negara kita, melonggarkan prosedur dan syarat-syarat kemasukan pelajar asing ke Malaysia seperti mengurangkan pembayaran visa dan juga membenarkan pelajar membawa keluarga di samping menyertai pameran antarabangsa di luar negeri dan kita juga menubuhkan jawatankuasa promosi dan persaingan peringkat tertinggi negara dan kita meningkatkan aktiviti susulan selepas promosi dan misi 'fact finding' supaya negara yang menghantar pelajar-pelajar ke negara kita ini mempunyai keyakinan yang tinggi.

Jadi, bilakah kita akan mendapat tempat nombor satu, saya mengharapkan kerjasama Yang Berhormat untuk bersama-sama mempromosikan pendidikan negara kita. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana memberikan jawapan-jawapan yang relevan. Soalan tambahan saya mengenai dasar pendidikan negara yang berkaitan dengan wawasan 2020, di mana kita hendak membina negara ini sebagai satu negara maju, maka soalan tambahan saya ialah apakah kriteria pengawalseliaan daripada kementerian mengenai kursus-kursus yang ditawarkan di IPTS khasnya kita tidak hendak nanti terlalu banyak ada kursus yang ditawarkan di IPTS ini dalam kursus sastera dan kita mengabaikan kursus-kursus yang berkaitan dengan sains dan sebagainya. Apakah dasar Kementerian Pengajian Tinggi mengenai pengawalseliaan kursus-kursus yang ditawarkan di IPTS ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Kita perlu mewujudkan satu dasar pendidikan negara yang lebih memainkan peranan agar pada tahun 2010 nanti sebelum sampai 2020, mewujudkan 1.6 juta tempat pengajian tinggi, memastikan bahawa 40% 'cohort' 17 hingga 23 tahun berpeluang untuk mengikuti pengajian peringkat tinggi. Kriteria kawal selia memang telah pun ditetapkan di peringkat IPTA melalui Jabatan Jaminan Kualiti dan di peringkat IPTS yang mempunyai 546 IPTS dan 21 pada masa ini bertaraf universiti, ada di antaranya yang universiti cawangan dalam negara kita dan antaranya ada yang membuat kerjasama dengan universiti luar. Jadi, Lembaga Akreditasi

Negara bertanggungjawab untuk memastikan penubuhan dan juga kelayakan minimum satu-satu kursus dan juga universiti yang ditubuhkan itu mempunyai kriteria-kriteria yang telah pun ditetapkan untuk penubuhan dan kriteria tersebut memanglah mempunyai asas untuk kita menjadikan Malaysia sebagai negara yang akan menjadikan ilmu pengetahuan sebagai pusat kecemerlangan.

9. **Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memperbaiki selekoh-selekoh maut di Jalan Raya Pan-Borneo serta bilangan kes kemalangan yang berlaku di jalan raya tersebut pada tahun lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoon Seng]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat setakat ini sebanyak sembilan lokasi telah dikenal pasti sebagai selekoh maut di Jalan Raya Pan-Borneo, iaitu di Bahagian Serikai dan Bahagian Sibul. Lokasi-lokasi tersebut adalah seperti berikut di antara kilometer 427 ke 428, di antara kilometer 428 ke 430, di antara kilometer 430 ke 431, di antara kilometer 431 ke 432, di antara kilometer 433 ke 434, di antara kilometer 435 ke 436, di antara kilometer 532 ke 533, di antara kilometer 542 ke 543 dan di antara kilometer 549 ke 550.

Selanjutnya JKR Sarawak dalam proses untuk mengenal pasti lokasi-lokasi berbahaya di bahagian-bahagian lain di sepanjang jalan raya tersebut.

Usaha-usaha JKR adalah berpandukan kepada data kemalangan yang berlaku di sepanjang jalan tersebut. Pada tahun yang lepas iaitu tahun 2003 seperti berikut – Jalan Kuching/Miri jumlah kemalangan 713, jumlah kematian 139, di Jalan Serian/Tebedu jumlah kemalangan 21, jumlah kematian 9, membawa jumlahnya semua kemalangan 734, kematian 148.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah jangka pendek yang telah diambil oleh JKR Sarawak untuk memperbaiki selekoh-selekoh maut di Jalan Raya Pan-Borneo iaitu:

- (i) memasang tanda-tanda amaran yang mencukupi dan bersesuaian di selekoh-selekoh tersebut;
- (ii) memasang tanda-tanda anak panah yang memberi amaran tentang wujudnya selekoh di kawasan-kawasan tersebut;

- (iii) memperbaiki jarak penglihatan dengan memotong rumput dan mengalihkan rintangan-rintangan lain;
- (iv) mengalih dan meratakan tanah di lereng bukit untuk memperbaiki jarak penglihatan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, masa soal jawab sudah habis.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG PERBEKALAN 2005 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dan Anggaran Pembangunan 2005 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” ***[Hari Keenam belas]***

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Maksud B.46 [Jadual] –
Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bekalan B. 46 dan Kepala Pembangunan P. 46 di bawah Kementerian Sumber Manusia. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab. Yang Berhormat, kalau boleh cuba kemaskan jawapan, saya minta kalau boleh dalam masa 20 minit boleh habiskan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:

Tidak cukup 20 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa, sehabis boleh.

11.10 pagi.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung sedikit mengenai dengan celahan Yang Berhormat bagi Batu Gajah, bahawa terdapat majikan yang tidak bayar gaji kepada pekerja-pekerja. Sebenarnya, apabila ini berlaku, majikan bertanggungjawab untuk membayar gaji termasuklah pekerja asing yang pulang ke negara masing-masing dan apabila pulang, sebenarnya majikan mereka yang tidak bayar gaji itu boleh didakwa untuk terus membayar gaji pekerja, termasuk yang saya sebutkan tadi iaitu pekerja asing itu sendiri.

Kita juga membuat kerjasama yang erat dengan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri dari segi pemantauan terhadap majikan-majikan yang ada. Saya juga ingin respons kepada tabiat merokok di tempat kerja, iaitu bagaimanakah Kementerian Sumber Manusia melaksanakan isu ini. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 telah digubal untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja.

Cadangan untuk mewujudkan persatuan berkaitan dengan tabiat tidak merokok ini selari dengan kehendak akta tentang kesan kesihatan pekerja yang merokok. Ditanyakan juga mengenai dengan draf peraturan ini yang mana akan dibincangkan secara teliti dengan semua *stakeholders* sebelum peraturan ini digubal di bawah 'OSHA'. Mekanisme yang boleh digunakan oleh kementerian:

- (a) mengadakan *road show* menerangkan kandungan dan keperluan peraturan;
- (b) menggalakkan para pekerja yang tidak merokok untuk memberi maklum balas dan
- (c) jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja boleh memantau kualiti udara di dalam kawasan tempat kerja.

Saya ingin meneruskan kepada pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Krai iaitu tentang bilangan ataupun bidang yang diliputi oleh kesatuan sekerja di seluruh negara. Sehingga hari ini, antara bidang-bidang yang dipantau oleh pihak Kementerian dan Sumber Manusia iaitu:

- (i) pengilangan

- (ii) perlombongan
- (iii) pembinaan
- (iv) pertanian
- (v) perhutanan
- (vi) perikanan
- (vii) gas
- (viii) elektrik
- (ix) air
- (x) kebersihan
- (xi) pengangkutan
- (xii) penyimpanan
- (xiii) komunikasi
- (xiv) perdagangan
- (xv) pemborongan
- (xvi) peruncitan
- (xvii) hotel
- (xviii) restoran
- (xix) kewangan
- (xx) insurans
- (xxi) harta tanah
- (xxii) perkhidmatan perniagaan
- (xxiii) perkhidmatan awam
- (xxiv) bank dan
- (xxv) pihak berkanun

Di samping itu, ditanyakan juga mengenai dengan kadar kemalangan industri yang dikatakan tinggi, yang nisbahnya disebut sebagai 1,000:7. Sebenarnya nisbah kemalangan itu adalah tidak tinggi jika dibandingkan dengan sesetengah negara membangun yang lain. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, akan terus berusaha untuk mengurangkan kadar ini seperti tahap negara-negara maju, umpamanya Sweden, di mana kadar kemalangan itu berlaku dalam *ratio* ataupun nisbah 1,000:3.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Oleh hal yang demikian, beberapa langkah telah diambil. Antaranya, latihan tunjuk ajar, kempen keselamatan, penguatkuasaan undang-undang, kursus, seminar, termasuk juga pendakwaan dan kompaun. Hasilnya, penurunan kadar kemalangan itu ketara sekali. Sebagai contoh, tahun 2000 kadar kemalangannya ialah 85,006; tahun 2001 - 85,292, tahun 2002 - 81,810, tetapi untuk tahun 2003 kadar kemalangannya turun menjadi 73,858 orang. Kadar kemalangan ini bukan semuanya berlaku di tempat kerja ataupun di kawasan-kawasan industri ataupun di kilang-kilang tetapi ianya juga berlaku semasa pergi kerja, semasa rehat waktu bekerja dan juga semasa pulang daripada bekerja. Ini menjadikan peratus kemalangannya dalam lingkungan 20%. Kita juga melihat kadar-kadar kemalangan ini agak tinggi berlaku di *small medium industry* (SMI) dan juga berlaku di kilang-kilang haram.

Walau bagaimanapun, kita akan terus berusaha untuk capai satu kaedah keselamatan dan juga kesihatan sebagaimana yang ada, iaitu mengikut *OSH Management System* dan juga *Malaysian Standard*. Disebutkan juga mengenai dengan berapakah kadar pemeriksaan dalam setahun dan apakah tindakan lanjutan kepada mereka yang ingkar mengikut arahan yang telah dikeluarkan. Saya hendak sebut di sini bahawa apa yang telah kita buat - pemantauan ataupun pemeriksaan itu begitu banyak sekali. Saya bagi contoh di sini perangkaan pendaftaran kilang dan juga jentera. Kilang yang didaftar ada sebanyak 23,471 buah daripada Januari hingga Ogos 2004.

Jentera berperakuan yang berdaftar 192,000, pemasangan yang berdaftar 30,716. Dari segi pemeriksaan pula, sehingga Ogos tahun ini, yang sudah diperiksa untuk kali pertama sebanyak 95,027, bahaya utama 95,000, pemeriksaan mengejut 1,669. Siasatan untuk kemalangan pun banyak iaitu kemalangan untuk penyakit 1,199 manakala tindakan undang-undang, notis untuk perbaikan ataupun larangan yang dikeluarkan berjumlah 4,406, kompaun saman yang dikeluarkan 992, kes perbicaraan yang dikendalikan 44. Kita juga mengadakan ceramah. Ceramah yang diberikan banyak termasuk peserta-peserta yang hadir berjumlah dalam lingkungan 366 ceramah melibatkan lebih kurang 11,728 peserta.

Manakala organisasi yang terlibat juga begitu banyak iaitu 1,058. Kursus-kursus yang ditawarkan untuk keselamatan dan kesihatan pun banyak. Tahun ini

sahaja 444, peserta terlibat 11,498. Jadi, itulah apa yang boleh saya jawab mengenai dengan pandangan yang telah diberikan itu.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Maran bangun.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak bertanya sedikit. Insiden dan juga kemalangan yang berlaku, di antaranya adalah merupakan perkara yang menimbulkan pertikaian antara majikan dan pekerja. Kita mendapat maklumat bahawa perkara ini dikendalikan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan. Kita juga mendapat maklumat bahawa Jabatan Perhubungan Perusahaan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian antara majikan dan pekerja ini.

Kita difahamkan bahawa lambakan kes begitu banyak di JPP. Kenapa ini boleh berlaku? Kenapakah pegawai-pegawai di JPP tidak mencukupi atau apakah tidak ada sistem kerja yang konsisten di JPP atau pegawai-pegawainya cuai atau tidak terlatih? Sebenarnya, ketidakcekapan sesebuah organisasi kerajaan juga merupakan satu kerugian yang besar kepada kerajaan. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang benar masalah pertikaian di antara pekerja dengan majikan ini sentiasa berlaku. Kita sebenarnya telah pun menyelesaikan lebih daripada 6,000 kes pertikaian di antara majikan dan juga pekerja. Di samping itu, kita juga ada Mahkamah Buruh untuk menyelesaikan masalah pekerja yang diberhentikan tetapi pekerja itu tidak puas hati untuk *direinstate* balik, untuk bekerja balik. Itu pun banyak yang kita telah selesaikan. Untuk Jabatan Perhubungan Perusahaan, bagi menyelesaikan kes-kes ini kita telah pun tubuhkan satu *task force* di mana terdapat pekerja-pekerja seramai lebih kurang 45 orang yang bekerja lebih masa di antara pukul 6.00 petang sehinggalah pukul 10.00 malam. Sudah tiga empat bulan dah dan kes itu dapat diselesaikan sebagaimana yang saya katakan tadi.

Merujuk kepada kes-kes yang tidak boleh diselesaikan di peringkat Jabatan Perhubungan Perusahaan dan juga di Jabatan Buruh ataupun di antara majikan dengan pekerja di tempat kerja, kes-kes itu dirujukkan di peringkat yang lebih tinggi iaitu di peringkat Mahkamah Perusahaan. Buat masa sekarang, kita mempunyai hakim yang agak ramai iaitu 21 orang tetapi masih lagi tidak mencukupi dan ditambah

lagi dengan tujuh hakim menjadikan 28. Di samping itu kita juga membuka dua lagi tempat ataupun mahkamah; satu di Johor Bahru, satu lagi di Perak dan di samping itu juga, kita dapati kes-kes ini telah pun kita kuotakan sekurang-kurangnya satu pengerusi ataupun hakim Mahkamah Perusahaan ini menyelesaikan enam kes sebulan. Jadi kita rangkakan ataupun kita rasakan bahawa tahun 2005 akan selesai semua kes-kes yang ada.

Untuk makluman, kes-kes mahkamah yang kita terima dari Januari hingga September 2004, sebanyak 2,572 kes. Kes yang diselesaikan - 1,210, menunggu perbicaraan - 3,602, jumlah *awards* yang telah dikeluarkan - 1,288 dan jumlah pampasan yang telah dituntut oleh pihak-pihak yang terlibat iaitu sebanyak RM18.2 juta dan ini memperlihatkan kepada kita bahawa keadaan ataupun kedudukan pertikaian itu sentiasa selesai, tetapi ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan terutama dari Ipoh Barat mengatakan bahawa kita tidak buat kerja, menteri tidak buat kerja, suruh potong gaji dan sebagainya. Yang sebenarnya soal ini sama juga dengan kemalangan ataupun orang mati; orang mati sentiasa ada, kemalangan sentiasa ada, selesai yang ini, timbul baru, selesai ini timbul baru. Tidak datang pula Ipoh Barat ini. Jadi, itulah keadaan yang berlaku.

Tuan Pengerusi, saya teruskan tentang pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu; mengapa petani, nelayan, peladang atau penjaja tidak ada caruman dan disyorkan untuk mencarum. Mengikut syarat-syarat untuk pencaruman, mesti ada majikan dan pekerja walaupun pekerja itu ada seorang sahaja, mereka berhak untuk dicarum. Jadi, kepada petani, nelayan serta peladang ataupun sesiapa sahaja yang tidak mempunyai majikan dan tidak didaftarkan majikan itu, mereka tidak boleh mencarum.

Saya juga ingin menyebut tentang usaha yang lain yang telah dibuat iaitu hak pekerja harus diberi publisiti. Memang pelbagai usaha telah dibuat terutama yang telah diambil oleh PERKESO untuk menyampaikan maklumat dan penjelasan mengenai dengan Skim PERKESO, langkah-langkah yang diambil dan sebagainya dan di antara langkah-langkah yang telah kita ambil sekarang iaitu mengedarkan risalah, bahan bercetak dalam pelbagai bahasa kepada majikan dan juga pekerja. Begitu juga kita mengeluarkan prosedur dan garis panduan mengenai dengan proses tuntutan, faedah diedarkan ke seluruh negara. Dilaksanakan juga dengan hebahan

dan juga penjelasan melalui radio, mass-media dan sebagainya dan diteruskan juga dengan ceramah yang dianjurkan oleh setiap Pejabat PERKESO di seluruh negara.

Bagi tahun 2004, sejumlah RM10 juta telah diluluskan untuk tujuan promosi melalui media massa elektronik, jadi bukanlah sedikit RM10 juta itu, memperlihatkan kesungguhan kementerian dalam soal

Tuan Liow Tiong Lai: Timbalan Menteri....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bentong.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Timbalan Menteri kerana telah menjelaskan bahawa PERKESO memang membuat pembaharuan dan terus meningkatkan perkhidmatan PERKESO. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini saya juga terima aduan daripada pencarum PERKESO yang telah pun mendapat pengesahan daripada panel doktor untuk mendapatkan pampasan, tetapi pihak Jabatan PERKESO pula membuat rayuan untuk timbang balik keputusan yang dibuat oleh panel doktor itu.

Apakah masalah sebenarnya kerana kalau kita sudah ada panel doktor dan telah pun kita pastikan bahawa panel doktor itu adalah panel doktor PERKESO juga dan kenapa pihak PERKESO tidak percaya pada panel doktor dia sendiri dan perlu buat rayuan balik untuk timbang balik keputusan yang dibuat oleh panel doktor ini? Saya minta kementerian, janganlah menyusahkan orang yang sudah sakit, sudah ditimpa kemalangan, hendak minta pampasan sedikit pun, perlu menghadapi pelbagai jenis masalah dan rintangan daripada Jabatan PERKESO. Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, memang terdapat pertindihan di antara doktor juga dengan jemaah doktor rayuan. Jadi kes-kes seperti ini sebenarnya sering berlaku disebabkan oleh salah faham dan juga salah tanggapan. Tetapi kes-kes yang disebutkan itu tidaklah besar, hanya kecil sahaja. Masalah yang berlaku kadang-kadang ada sesetengah pihak mengambil kesempatan untuk membesarkan kes-kes itu dalam akhbar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, kes-kes itu dapat kita tangani dengan baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada lima minit lagi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, saya hendak ringkaskan sahaja. Ada juga dikemukakan dengan mengapa PERKESO tidak terlibat dalam pelaburan lebu

raya dan hospital? Buat masa ini, Dasar Pelaburan PERKESO tidak membenarkan PERKESO melabur dalam bidang yang telah pun disebutkan itu dan ditanyakan juga apakah status rancangan untuk membina bangunan pejabat negeri? Itu pun kedudukan ialah PERKESO masih lagi di peringkat perbincangan dengan pemaju-pemaju. Pembinaan Pejabat PERKESO buat masa sekarang ini diteruskan dan akan dibesarkan berdasarkan kemampuan dan keupayaan kita sendiri.

Saya juga hendak *respond* kepada OKU yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan juga Yang Berhormat bagi Kota Bharu, Kelantan. Buat masa ini, kita memang memberikan tumpuan yang begitu baik kepada orang kurang upaya ini. Di antara langkah yang telah dibuat iaitu, menubuhkan sebuah jawatankuasa teknikal pengajian untuk OKU yang dianggotai oleh penghulu dan juga NGO OKU di samping mengadakan Program Sure Kerja dan *Job Fair* yang melibatkan NGO dan juga OKU, di samping juga bekerjasama dengan sektor swasta seperti *Mines Shopping Fair*. Pihak *Mines Shopping Fair* telah pun menyediakan kiosk khas untuk OKU dengan kadar sewa yang berharga 10% sahaja...

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, silakan.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Minta penjelasan sedikit mengenai hebahan. Bolehkah pihak Kementerian Sumber Manusia membuat hebahan sektor-sektor yang perlu kepada tenaga-tenaga pekerjaan itu setiap bulan melalui radio, televisyen ataupun lain-lain kompleks, bukan hanya bermusim dalam pesta-pesta sahaja.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Boleh, kita setuju pandangan itu dan kalau boleh daripada pihak pembangkang juga tolong bantu sama untuk hebahan itu.

Yang Berhormat bagi Kota Bharu dan juga Yang Berhormat bagi Kudat juga menerangkan serta meminta penjelasan tentang rang undang-undang yang lama dan juga lapuk.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sekejap ya, saya hendak habiskan sedikit sahaja lagi ini. Sebenarnya timbul banyak masalah tentang pekerja di Sabah dan

Sarawak, ada yang kata gajinya rendah, ada kata ditindas masa bekerja, cuti, dan sebagainya. Oleh yang demikian, bagi memastikan undang-undang ataupun Rang Undang-undang Buruh di Sabah mahupun juga di Sarawak yang agak ketinggalan, yang agak lapuk disebabkan ianya telah pun dibuat sebelum kemerdekaan ataupun selepas ataupun awal 60an, maka satu bentuk pindaan rang undang-undang untuk Sabah dan Sarawak akan dibentangkan dalam Parlimen ini. Antara semangat ialah untuk memberikan hak yang agak sama dengan pekerja-pekerja di Semenanjung termasuk dari segi cuti, gaji, insentif yang lain, *medical treatment* dan sebagainya. Saya minta semua Ahli-ahli Dewan dapat memberikan sokongan kepada pindaan yang akan dibentangkan nanti. Ya, silakan Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Ya, saya ingin bertanya berkenaan dengan mengambil pekerja OKU. Semalam saya ada tanya, di dalam kementerian Yang Berhormat, berapa orangkah golongan pekerja adalah dari golongan OKU? Saya perlu satu makluman yang lebih konkrit daripada jumlah OKU yang telah didaftarkan dengan kementerian, berapakah antara mereka adalah kanak-kanak? Apakah galakan secara insentif yang diberi oleh kementerian agar sektor-sektor swasta juga mengambil, yang jawapan *The Mines Complex* ada mengambil pekerja, itu semua cerita lama yang saya dapat baca, yang saya tahu. Dalam bajet ini ada menyentuh berkenaan akan diperhebatkan pendaftaran OKU ini, bantuan kepada golongan OKU dan kanak-kanak, elaun tambahan, banyak lagi. Tetapi NGO-NGO, mereka menulis *e-mail* kepada saya hendak tahu prosedurlah. Mereka kata, apa ini, jika hanya satu seruan sahaja. Jadi, ini peluang terbaik bagi kementerian untuk memberi penerangan agar saya boleh sampaikan niat baik...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: ... kementerian ini kepada mereka.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Baiklah, sudah fahamlah itu, sudah faham, okay. Buat masa sekarang, pihak Kementerian Sumber Manusia berkeupayaan memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada orang kurang upaya ini secara faktanya iaitu tidak kurang daripada 5,000 orang. Mengenai dengan kata *The Mines shopping complex* itu, bukanlah benda yang lapuk, baru tahun ini. Jadi, Yang Berhormat bagi Batu Gajah ini hendak baru sahaja dia. Mentang-mentang dia baru.

Jadi, kita merasakan bahawa usaha-usaha ini akan diteruskan dan sebagaimana yang telah saya tegaskan tadi bahawa satu jawatankuasa mengenai

dengan orang kurang upaya yang dianggotai oleh penghulu dan juga pihak NGO ini akan terus mempergiatkan pandangan-pandangan mereka kepada Kementerian Sumber Manusia di samping Kementerian Sumber Manusia sendiri juga meminta pihak majikan supaya mengutamakan orang-orang kurang upaya ini untuk bekerja, khususnya sebagai operator, sebagai

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit lagi, saya hendak gulung. Yang Berhormat bagi Sepang dan Yang Berhormat bagi Rembau, menyatakan tentang mengesyorkan supaya dipertingkatkan soal

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Masa sudah cukup, tidak berilah, sekejap. Ataupun Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, bolehlah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bawa mengenai perkara yang mungkin wajar untuk semua kita mengetahuinya. Ini perkara yang baik daripada Kementerian Sumber Manusia. Saya dapati satu institusi yang sangat membantu rakyat, khususnya golongan belia ialah Jabatan Tenaga Kerja. Sebenarnya kalau kita lihat di lembah Klang, di Shah Alam, khususnya, ia telah menjadi satu pusat rujukan kepada belia-belia kita yang menganggur.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya kita sekarang bincangkan perkara berkaitan dengan orang yang kurang keupayaan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Saya minta izin, Tuan Pengerusi, fasal ini sangat penting, ini orang yang berupaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya kalau hendak minta penjelasan kena ada berkaitan dengan perkara yang sedang diucapkan oleh Menteri. Kalau saya benarkan semua terkeluar daripada prinsip ini, saya yakin akan mengambil masa lagi setengah jam, sejam, baru boleh selesaikan jawapan kementerian ini. Bolehlah, tetapi saya harap ini yang terakhirlah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, oleh kerana itu, saya mencadangkan supaya Jabatan Tenaga Kerja ini jangan

dipusatkan sahaja di kawasan Lembah Klang tetapi juga dibawa keluar bandar. Saya mencadangkan di Sabak Bernam diwujudkan satu pusat ataupun Jabatan Tenaga Kerja untuk membantu para belia yang menganggur, khususnya. Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, pandangan daripada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Insya-Allah, kita akan mengkaji dan sekiranya berkesesuaian kita akan tempatkan sebuah pejabat Jabatan Tenaga Kerja di Sabak Bernam, begitu juga di tempat-tempat yang lain.

Berbalik kepada Yang Berhormat bagi Sepang dan juga Yang Berhormat bagi Rembau yang mengesyorkan supaya banyak latihan kemahiran dipertingkatkan. Memang setakat hari ini kita telah ataupun sedang melatih tidak kurang daripada 10,000 orang pelatih warga Malaysia di 21 buah pusat latihan dan pada 2005 akan di tingkatkan menjadi 20,000. Di samping itu juga pihak Kementerian Sumber Manusia akan membuka dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini tujuh buah lagi ILP. Di samping itu, tiga *Advanced Technologies (A-Tech)* sedang dirancang di Taiping, di Kemaman dan juga di Jerantut. Dan, kita juga.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Muar bangun.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengalu-alukan tindakan kementerian untuk menyediakan pusat latihan sebegini, yang boleh kita panggilkan *safety net* untuk golongan belia kita. Cumanya, soalan saya, kenapa kita menerima begitu banyak rungutan tentang pelatih-pelatih yang menamatkan pengajian di institusi ini sukar untuk mendapatkan pekerjaan kerana dikatakan sistem pemarkahan tidak menepati sistem yang sedia ada iaitu PNK ataupun TPNK. Ini dikatakan menjadi punca kepada kepayahan pelatih-pelatih di institusi ILP, sebagai contoh untuk diterima bekerja di swasta ataupun kerajaan. Boleh saya dapatkan penjelasan? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sebagaimana yang telah saya jelaskan semalam iaitu 80% pekerja-pekerja lulusan daripada pusat-pusat latihan ini mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan dan dalam tempoh setahun boleh dikatakan keseluruhannya memperoleh pekerjaan, kecuali mereka itu melanjutkan pelajaran ke

tempat-tempat yang lebih tinggi ataupun tidak mahu bekerja ataupun ada masalah-masalah lain.

Saya fikir sungutan yang dibuat itu adalah bukan merupakan sungutan majoriti tetapi sungutan itu dibuat oleh orang-orang yang dalam tempoh 6 bulan itu mungkin 20% di antaranya yang masih lagi belum mendapatkan pekerjaan. Dan, berkaitan dengan sistem PMK itu akan disesuaikan ataupun akan diubah dan dikaji bagi memudahkan pelatih-pelatih memperoleh pekerjaan nanti.

Berbalik kepada yang saya sebutkan mengenai dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sepanggar, saya ingin sentuh di sini bahawa insurans untuk pekerja asing dilindungi di bawah Akta Pampasan 1952, manakala pekerja tempatan dilindungi oleh Akta Keselamatan Sosial 1969. Akta Pampasan 1952 dikuatkuasakan di bawah Jabatan Tenaga Kerja, manakala Akta Keselamatan Sosial dikuatkuasakan di bawah Jabatan PERKESO, iaitu Pertubuhan Keselamatan Sosial.

Yang Berhormat bagi Sepanggar juga membangkitkan tentang Tabung Pembangunan Kemahiran. Saya ulang sekali lagi bahawa tabung ini akan diperbadankan dan menunggu kelulusan pihak Parlimen; Dewan Rakyat dan seterusnya Dewan Negara dan kepada Yang Dipertuan Agong. Oleh hal yang demikian, kita menunggu supaya tabung ini akan dapat diperkemaskan lagi. Walau bagaimanapun, buat masa ini, sebanyak 29 buah pusat bertauliah di Sabah telah pun mendapat kemudahan dan lebih daripada 7,000 orang peminjam mendapat kemudahan ini.

Saya juga hendak *respond* kepada Yang Berhormat yang akhir, iaitu Yang Berhormat bagi Kinabatangan, mengenai dengan pekerja-pekerja di Sabah, kemudahan dan sebagainya. Saya hendak memaklumkan bahawa dia kata kurang siasatan, kurang tindakan. Itu adalah dakwaan yang semberono dan kurang tepat. Daripada laporan Jabatan Buruh Sabah, pemeriksaan buruh di Sabah untuk 2004 daripada Januari hingga Ogos, sebanyak 2,415. Aduan pekerja terhadap majikan yang kita terima juga tinggi, 441 dan kita telah selesaikan sejumlah 287.

Tuntutan	Januari – Ogos 2004	Telah Selesai
Tuntutan Pekerja	450	331
Tuntutan Pampasan Pekerja	454	268

Permohonan Lesen Menggaji Pekerja Imigran di Sabah	6,249	6,758
Rayuan Pulih Semula Kerja Ikut Seksyen 20	36	33

Jadi, semua ini menjelaskan kepada kita Kementerian Sumber Manusia antara yang aktif dalam menyelesaikan masalah-masalah pekerjaan di Sabah.

Saya juga ingin menjawab soalan yang ditanya mengenai dengan pengajian asing bagi negeri Sabah mengikut perladangan. Saya hendak beritahu sektor ladang kelapa sawit kalau luasnya 15 ekar, pekerjaanya 1 orang; ladang koko 5 ekar – 1 orang;; kebun getah 2 ekar - 1 orang juga pekerja. Itu tentang keadaannya. Saya juga hendak simpulkan sedikit mengenai dengan pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang memohon

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukuplah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Cukup, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah lama. Cukup.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Okay, kalau sudah cukup saya terima kasih banyak kepada Tuan Pengerusi dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun memberikan tumpuan dan juga mengambil perbincangan yang begitu baik sekali mengenai dengan Kementerian Sumber Manusia. Kepada soalan-soalan yang tidak sempat saya jawab, insya-Allah kalau diminta kita boleh jawab secara bertulis, kalau ada kekurangan saya minta maaf. Mana-mana kelebihan itu adalah merupakan kelebihan dan keistimewaan kita bersama. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM365,681,300 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM365,681,300 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM314,749,700 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM314,749,700 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

**Maksud B. 48 [Jadual] –
Maksud P. 48 [Anggaran pembangunan 2005] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Gelang Patah, sila.

11.41 pg

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, dua perkara sahaja saya ingin menyentuh di bawah Butiran 040600 dan Butiran 040700. Terlebih dahulu saya berterima kasih kepada kerajaan di atas usaha dan keprihatinan untuk menaiktarafkan status wanita di negara kita dan mengubah Rang Undang-undang yang dapat menjaga kepentingan wanita.

Akan tetapi Rang Undang-undang mengenai penceraian masih tidak adil kepada kaum wanita. Masalah dihadapi semasa proses penceraian, iaitu dalam tempoh proses penceraian diadakan, suami dan isteri yang tidak dapat mencapai penyelesaian akan berpisah. Dalam tempoh ini, tidak ada langsung perlindungan dari segi undang-undang untuk pihak isteri dan anak-anak. Sebahagian daripada pihak suami, dalam tempoh proses penceraian, tidak sanggup menunaikan tanggungjawab ke atas perbelanjaan isteri dan anak-anak menyebabkan mereka menghadapi kerumitan dalam kehidupan harian, maklumlah bahawa proses penceraian mungkin mengambil masa yang lama sehingga beberapa tahun.

Demi kepentingan kaum wanita dan anak-anak dalam tempoh penceraian suami isteri di proses, saya sungguh berharap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat mengambil perhatian ke atas perkara ini dan mencari

jalan untuk menetapkan peraturan atau Rang Undang-undang yang dapat menjaga kebajikan isteri dan anak-anak dalam tempoh ini.

Satu perkara lagi saya ingin menyentuh ialah mengenai masalah yang dihadapi oleh ibu-ibu tunggal. Tuan Pengerusi, ibu-ibu tunggal menghadapi pelbagai masalah dalam kehidupan. Mereka terpaksa menanggung perbelanjaan keluarga, penjagaan anak dan sebagainya dengan usaha sendiri. Ramai ibu tunggal mempunyai kemahiran yang tertentu untuk bekerja bagi mencari rezeki akan tetapi masalah utama mereka adalah perlu menjaga anak-anak yang masih kecil semasa bekerja. Terdapat juga mereka yang tidak dapat keluar bekerja disebabkan masalah ini.

Oleh itu saya berbesar hati ingin memberi cadangan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya menyediakan bantuan pengasuhan kanak-kanak untuk ibu-ibu tunggal atau memberi bantuan secara subsidi kepada mereka. Bantuan ini akan dapat melegakan beban hidup ibu-ibu tunggal dan keluarga mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak tanya, tidak adakah cadangan untuk bapa tunggal? *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Puan Tan Ah Eng: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, teruskan.

Puan Tan Ah Eng: Untuk bapa tunggal saya ingat Ahli Parlimen kita di sini boleh cadangkan tetapi bukan saya. *[Ketawa]* Dengan ini Tuan Pengerusi, saya menyokong terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Gantang.

11.45 pagi

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Maksud B.48 di bawah Butiran 02000 - Pembangunan Wanita, Butiran 03000 - Latihan Pembangunan Sosial dan Butiran 04000 Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, indeks kenaikan jenayah rogol dan bunuh di kalangan wanita di negara kita ini sebenarnya membuktikan bahawa wanita di negara kita pada hari ini adalah tidak selamat. Wanita sebenarnya bimbang ketika di luar rumah mahupun ketika mereka berada di dalam rumah mereka.

Tuan Pengerusi, jika hukuman sekarang dikekalkan, saya kira jenayah rogol tidak akan dapat dibendung. Oleh itu, hukuman mati mandatori terhadap perogol yang menyebabkan kematian mangsa dan mewajibkan hukuman sebat bagi semua perogol

tanpa mengira usia, adalah perlu dikaji untuk menimbangkan pindaan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004.

Tuan Pengerusi, di samping undang-undang, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat perlu juga memikirkan bagaimana melaksanakan bengkel teknik pertahanan diri bagi menggantikan seminar yang tidak terkira banyaknya yang dirasakan kurang berkesan. Apatah lagi seminar-seminar yang dianjurkan di setiap kawasan Parlimen pada setiap tahun dihadiri oleh wanita-wanita yang sama sahaja sekadar mungkin menghabiskan peruntukkan sedangkan sasarannya tidak kesampaian.

Tuan Pengerusi, apa yang penting sekarang ialah kaedah mengatasi penyerang perlu dilaksanakan, bukan lagi kaedah lama yang sekadar memberi kesedaran akan bahayanya sahaja. Kini kita mahukan sesuatu yang lebih praktikal daripada setakat teori sahaja. Tuan Pengerusi, sudah sampai masanya juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memikirkan untuk memperluaskan juga seminar kepada kaum Adam ini, kaum lelaki agar wujud kesedaran, keinsafan dan tanggungjawab kaum Adam ini menghormati kaum wanita sebagai insan Allah seperti mereka dan bukan sebagai alat seks yang boleh diperkosakan sewenang-wenangnya.

Beberapa Ahli: Hooh!

Cik Tan Lian Hoe: Kaum lelaki tidak boleh bersifat kebinatangan hanya untuk memuaskan hawa nafsu mereka sahaja. Tuan Pengerusi, kaum lelaki perlu memahami jiwa wanita....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini semua dasar, panjang sangatlah!

Cik Tan Lian Hoe:yang dirogol. Mangsa rogol bukan sahaja mengalami kesengsaraan fizikal tetapi kesengsaraan mental yang serius. Tuan Pengerusi, Kementerian sepatutnya perlu memikirkan kekurangan pusat kaunseling di seluruh negara bagi mereka yang menghadapi masalah dan tekanan jiwa. Kementerian perlu memperluaskan pusat kaunseling ke seluruh kawasan parlimen bagi membantu dalam penyelesaian masalah di peringkat awal sebelum masalah berpanjangan dan membawa implikasi yang lebih serius dan mendalam.

Tuan Pengerusi, seperkara juga ialah berkaitan dengan ibu tunggal. Kumpulan ibu tunggal di negara kita ini sebenarnya tidak mendapat banyak manfaat daripada program-program Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sebenarnya kementerian gagal dalam membantu ibu tunggal dalam pembangunan ekonomi mereka. Kementerian patut memberi lebih banyak fokus kepada ibu tunggal dengan menyusun banyak strategi dan program-program dalam bentuk kemahiran dan kepakaran agar ibu-ibu tunggal ini dapat berdikari dalam pencarian nafkah seharian mereka seperti menganjurkan bengkel-bengkel membuat pastri atau kek, jahitan, masakan dan banyak lagi. Bak kata pepatah, kita perlu mengajar mereka memancing dan bukan memberi ikan kepada mereka. Berbekalkan kemahiran ini sebenarnya mereka boleh berdikari dan mereka boleh membuat urus niaga.

Tuan Pengerusi, saya juga rasa hairan dan pelik iaitu dalam dasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memperjuangkan untuk kesaksamaan *gender* dan perjuangan untuk mendapatkan 30% jawatan tinggi pentadbiran negara untuk kaum wanita sedangkan jawatan Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita di peringkat negeri di seluruh negara adalah dijabat oleh kaum lelaki. Tidakkah ini merupakan satu percanggahan? Apatah lagi kementerian ini banyak berhubung dengan kaum wanita. Tidak wajarkah jawatan Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita di peringkat negeri ini dijabat oleh kaum wanita?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, lelaki juga mustahak.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Cik Tan Lian Hoe: Tetapi bukan semuanya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak ada lelaki, mana ada keluarga?

Cik Tan Lian Hoe: Saya faham, tetapi...

Seorang Ahli: Yang Berhormat belum kahwin lagi. *[Ketawa]*

Cik Tan Lian Hoe: Tetapi kalau kita lihat balik bahawa wanita sebenarnya berkelayakan dan berkemampuan untuk menjawat jawatan ini. Dan jawatan ini...

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukuplah, Yang Berhormat.

Cik Tan Lian Hoe: Sedikit lagi.

Cik Fong Po Kuan: Saya hendak sokong.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sokongan, sokongan!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukuplah, Yang Berhormat.

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasihlah, Yang Berhormat. Oleh itu saya amat mengharapkanlah bahawa sekiranya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak hendak melihat wanita kita sendiri, siapa lagi akan melihat kita? Oleh itu, saya haraplah, tengok-tengoklah wanita kita.

Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya saya pun sayang kepada wanita. Yang Berhormat bagi Batu Gajah. *[Ketawa]*

11.53 pagi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa ramai Ahli lelaki dalam Dewan ini telah mula rasa kurang seronok setelah dua orang Ahli wanita membangkitkan isu dan masalah wanita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tidak seronok, takkan saya beri peluang kepada Yang Berhormat untuk berucap! *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Itu tanggungjawab Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh tanggungjawab. Baiklah, tanggungjawab. *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Itulah masalah. Apabila wanita diberi peluang, kita nampak ia adalah kerana mereka ini prihatin, jadi kami bagi peluang. Seolah-olah kalau wanita tidak diberi penekanan ini, bermaksud kerana kami tidak beri peluang. Jadi, cakap "sayang" tidak cukuplah! Mesti ada tindakan! Haaa, Tuan Pengerusi! *[Disampuk] [Ketawa]*

Seorang Ahli: Bagi bunga, bagi bunga!

Cik Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, hari ini ialah hari apa?

Seorang Ahli: Hari apa?

Cik Fong Po Kuan: Hari ini ialah Hari AIDS Sedunia.

Seorang Ahli: Haiya! Yang Berhormat bagi Sri Gading!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini pun tidak tahu!

Cik Fong Po Kuan: Tetapi kita nampak di mana *atmosphere* menyambut Hari AIDS Sedunia ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini dasar.

Cik Fong Po Kuan: Saya rujuk kepada Butiran...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang di peringkat Jawatankuasa.

Cik Fong Po Kuan: Ya, saya rujuk kepada Butiran 02000 – Dasar Pembangunan Wanita. Ini berkaitan isu AIDS. Hari ini temanya, “*Women, Girls, HIV and AIDS*” disertai dengan seruan/slogan, “*Have you heard me, today?*”

Saya telah melawati laman *web* kementerian ini untuk mendapat tahu apakah bentuk aktiviti yang akan dijalankan oleh kementerian ini sempena Hari AIDS Sedunia ini. Terkejut saya, jawapan yang saya lihat dari laman *web* ialah “Sedang Dikemaskinikan”. Saya tidak dapat perolehi maklumat.

Tidak ada seorang pun daripada kita ini terkecuali daripada dijangkiti virus HIV dan juga menghidap AIDS. Tema ini diberi pada tahun ini sempena Hari AIDS Sedunia kerana kaum wanita dan gadis-gadis seperti kami ini lebih cenderung akan dijangkiti oleh virus HIV ini.

Walaupun semua isteri mungkin ramai yang *loyal* atau setia kepada suami, tetapi kadangkala mereka tidak tahu sama ada suami mereka ada berlaku curang terhadap mereka atau tidak curang di luar. *[Disampuk]* Ini menjadikan wanita-wanita yang telah berkahwin menjadi golongan yang begitu tinggi menjadi mangsa dan terdedah kepada risiko memperolehi virus HIV ini.

Jadi menurut satu kenyataan daripada Presiden Malaysian AIDS Council, seorang daripada sembilan yang dijangkiti virus ini adalah wanita. Ini menyebabkan kami, wanita merasa bimbang. Saya ingin tahu apakah pendekatan yang akan diambil oleh kementerian dalam aspek ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Cik Fong Po Kuan: Kinabatangan, nantilah. Kalau saya ada masa, saya bagi Yang Berhormat bagi Kinabatangan ya. *[Disampuk]* Saya tahu Yang Berhormat bagi Kinabatangan apabila bangkit isu wanita, dia seronok sangat. Selalu suka campur, tetapi kita dengar teks dia nanti.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Cik Fong Po Kuan: Jadi, apakah pendekatan yang akan diambil terhadap peningkatan masalah AIDS ini? Bukan sahaja di Malaysia tetapi secara global kita dapat nampak pada hari ini.

Sempena dengan Hari AIDS Sedunia ini, kita boleh kaitkan dengan Pendidikan Seks. Pendidikan Seks...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini semua dasar.

Cik Fong Po Kuan: Ini dasar kerana Butiran ada peruntukan berkenaan dengan Dasar Pembangunan Wanita, 02000.

Pendidikan Seks ini, apabila seorang pelajar di Universiti Utara Malaysia (UUM) melahirkan seorang anak di asramanya, wah, suara begitu kuat sekali, mula berbunyi hendak mengadakan Pendidikan Seks, tetapi selepas itu lenyap sahaja.

Saya menyokong Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menyatakan bahawa kita mesti ada satu Pendidikan Seks yang lebih komprehensif. Biar kita lebih terbuka dalam melihat Pendidikan Seks ini. Jangan menganggapnya apabila umur sudah meningkat akan tahu apa yang perlu dilakukan. Kita boleh tengok mengapa pelajar berumur 23 tahun, seorang graduan di universiti boleh...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ha, macam inilah baru kawan! *[Ketawa]*

Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang setuju dengan Yang Berhormat bahawa mungkin adakah Yang Berhormat setuju salah satu faktor kenapa ramai wanita profesional tidak berkahwin, mungkin mereka takut kena jangkitan AIDS sebab tidak percaya dengan pasangan, mungkin termasuk juga Yang Berhormat. *[Ketawa]* Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Cik Fong Po Kuan: Inilah masalahnya, saya kena berfikir dua, tiga kali sebelum bagi laluan kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, sekarang ini mata pelajaran yang kita ajar kepada pelajar atau anak-anak di tingkatan menengah adalah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kena gulunglah.

Cik Fong Po Kuan: ...berkenaan organ seks sahaja dan tidak secara komprehensif. Walaupun kita tidak maklumkan mereka, mereka mempunyai

kecenderungan untuk mengetahui dan mendapatkan maklumat berkenaan seks ini. Jadi, mengapakah kita tidak *address* masalah ini? *Equip* mereka dengan pengetahuan agar mereka tidak memperolehi maklumat daripada sumber-sumber yang tidak betul. Kita perlu beritahu mereka apakah langkah-langkah penjagaan, pencegahan, penggunaan kondom dan juga apakah penyakit jangkitan yang akan mereka terima kalau mereka melakukan hubungan seks secara rambang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Jadi akhirnya saya ingin tahu apakah hasil daripada perbincangan, jikalau telah dilakukan, di antara kementerian ini dengan Kementerian Pelajaran berkenaan dengan Pendidikan Seks di mana Menteri begitu menyokong terhadapnya.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

11.59 pagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya faham bahawa Tuan Pengerusi amat prihatin terhadap wanita dan saya merasa hairan sebenarnya mengapa Timbalan Menteri bagi kementerian ini yang telah berjanji untuk menjaga hak dan juga kebajikan wanita dan keluarga pada hari ini tidak hadir untuk menjawab soalan kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi dia ada.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...semasa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu, dia tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi dia ada.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tadi ada?

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi yang penting sekarang dia tidak ada. Ini bermaksud dia lari daripada tanggungjawabnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Kadang kala kena masa pergi ke bilik air dan sebagainya. Ada bangkitlah. Teruskan ucapan.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Butiran 010000 - Pengurusan dan Perancangan Dasar, 020000 - Pembangunan Wanita dan juga 040000 - Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya ingin memuji kerajaan kerana telah mencantumkan dua kementerian iaitu Kementerian Wanita dan Keluarga dan juga Pembangunan Masyarakat ini bersama. Tetapi sehingga sekarang pada pandangan saya dan juga sesetengah golongan masyarakat berpendapat aspek pembangunan masyarakat itu memang telah diabaikan iaitu kebajikan kepada orang tua dan orang cacat itu tidak begitu banyak dibangkitkan oleh pihak kementerian.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya hendak bangkitkan beberapa masalah orang cacat dan orang-orang tua tentang aspek kebajikan ini. Perkara pertama ialah mengenai paralimpik. Apabila kita membahaskan Kementerian Belia dan Sukan di Dewan ini, ramai Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa kerajaan tidak menjaga kebajikan ahli-ahli sukan kita yang berjuang memenangi pingat untuk negara. Perkara yang sama juga berlaku kepada ahli sukan cacat yang mewakili negara ke sukan antarabangsa paralimpik. Selepas mereka menang, mereka juga dilupakan.

Sebenarnya kerajaan juga harus menjaga kebajikan mereka termasuklah memberi kemudahan perumahan dan juga memberi elaun bulanan kepada mereka supaya ahli-ahli sukan yang cacat yang mewakili negara kita ini tidak perlu bergantung kepada keluarga selepas mereka menang pingat untuk negara.

Yang kedua, saya juga mencadangkan kementerian untuk memberi peruntukan kepada rumah orang-orang tua, rumah anak-anak yatim dan rumah kebajikan yang diuruskan oleh NGO ataupun Pertubuhan Bukan Kerajaan. Ini juga termasuk pertubuhan agama seperti *Buddhist* dan juga Kristian. Saya difahamkan bahawa rumah anak yatim yang diuruskan oleh Tiratana, Montfort Boys Town semua ini tidak menerima apa-apa elaun ataupun peruntukan daripada kementerian ini. Saya juga difahamkan ada NGO yang menguruskan rumah anak yatim ini sebenarnya sentiasa menghadapi masalah kewangan. Saya juga difahamkan sebuah rumah anak yatim di Bukit Beruntung yang menghadapi krisis kewangan di mana budak-budak kecil itu

terpaksa makan mi Maggi setiap hari dan juga menghadapi masalah kelaparan. Jadi, perkara ini haruslah diambil perhatian oleh kementerian.

Tuan Pengerusi, saya juga berpendapat bahawa elaun yang diberikan oleh kementerian kepada orang cacat dan orang miskin adalah terlalu rendah. Saya baru mengambil keratan maklumat yang dipamerkan dalam laman *web* kementerian ini dan saya merasa hairan bahawa bantuan am kepada sebuah keluarga yang berpendapatan tidak melebihi RM400 sebulan seperti rumah yang diketuai oleh ibu tunggal, kementerian hanya memberi RM80 sebulan untuk seorang anak dan maksimumnya tidak melebihi RM350 untuk satu keluarga.

Begitu juga bagi anak-anak yatim piatu dan juga anak-anak yang mempunyai ibu bapa dan penjaga yang tidak berkemampuan juga RM80 satu bulan. Sebenarnya RM80 pada masa ini boleh buat apa. Tidak cukup bagi satu keluarga untuk bayar sewa bulannya. Jadi, saya berharap pihak kementerian akan memberi lebih keprihatinan kepada golongan yang cacat dan miskin ini. Elaun yang diberikan oleh kementerian kepada mereka haruslah ditingkatkan.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya kementerian ini haruslah mengadakan lebih banyak dialog kepada syarikat-syarikat besar malah kepada agensi-agensi kerajaan untuk menubuhkan pusat penjagaan harian kanak-kanak dan mengalu-alukan kenyataan yang dibuat oleh Menteri Sumber Manusia bahawa kerajaan akan memberi insentif kepada syarikat-syarikat besar untuk menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak.

Tetapi saya rasa usaha yang sama juga harus dilakukan oleh kementerian ini untuk menggalakkan agensi-agensi kerajaan seperti Parlimen kita harus ada satu pusat penjagaan kanak-kanak. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai anak kecil seperti Kinabatangan dan Sri Gading yang datang [*Ketawa*] menghadiri mesyuarat Parlimen, mereka boleh hantar anak-anak mereka di pusat penjagaan kanak-kanak di Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan supaya kementerian ini memberi pinjaman tanpa gadaian kepada kumpulan ibu tunggal yang ingin memulakan perniagaan mereka sebagai langkah untuk membantu para ibu tunggal ini untuk hidup dan juga menanggung keperluan keluarga mereka.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengingatkan pihak kementerian bahawa kadang-kadang terdapat juga Persatuan Ibu Tunggal yang diketuai oleh

golongan yang agak kaya-raya dan berada. Saya mendapat maklumat bahawa Persatuan Ibu Tunggal misalnya di Sarawak yang pemimpinnya memang orang yang berada. Jadi selalunya peruntukan yang diberikan oleh kementerian ini tidak sampai kepada golongan yang memang memerlukan bantuan. Tetapi selalunya faedah yang diberikan oleh kementerian ini mungkin hanya dikongsi oleh golongan yang berada sebagai kroni mereka sahaja.

Jadi mungkin pada aspek ini adalah perkara yang juga harus diambil perhatian oleh kementerian supaya apa-apa peruntukan yang diberi oleh kementerian ini haruslah disampaikan kepada golongan yang miskin papa dan yang juga amat memerlukan bantuan daripada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Mambong.

12.07 tgh.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menyentuh kepada Butiran 040100 - Pengurusan Kebajikan Masyarakat. Kebajikan Masyarakat ini adalah penting bagi orang-orang yang kurang upaya seperti atlet dan bekas-bekas tentera. Jika pengurusan ini tidak baik maka kebajikan mereka tidak terjaga. Namun saya juga ingin menyentuh apa yang Seputeh sebut tadi bahawa Pengerusi Ibu Tunggal Sarawak ada kroni. Itu memang tidak betul sebab ibu-ibu tunggal di kawasan saya sendiri pun mendapat manfaat daripada peruntukan yang diberi oleh kementerian ini. Jadi, saya rasa itu satu sangkaan jahatlah. Kalau dapat, Seputeh tolong tarik balik. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Kim: Tuan Pengerusi, saya dapat maklumat ini daripada satu sumber yang amat saya percayai.

Dr. James Dawos Mamit: Saya tidak bagi laluan Seputeh. Tadi saya minta laluan Seputeh tidak bagi. Tetapi Tuan Pengerusi yang bagi saya untuk berucap kali ini. Adalah penting pengurusan kebajikan masyarakat.

Oleh itu saya ingin terus sentuh dan kaitkan butiran itu dengan Butiran P. 00603 - Pusat Latihan Perindustrian Pemulihan Orang Kurang Upaya. Seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan lain tadi bahawa kita mengajar mereka memancing. Jadi latihan ini adalah baik jika mereka diberi latihan perindustrian kerana yang penting bagi orang-orang kurang upaya ini adalah peluang pekerjaan.

Oleh itu saya minta kerajaan untuk memberi peluang pekerjaan lebih banyak kepada mereka ini, jika mereka ini memang ada kemahiran. Saya nampak di pihak swasta mereka ini jarang-jarang memberi pekerjaan kepada orang kurang upaya. Oleh itu saya mohon kerajaan untuk lebih bergiat cergas lagi agar memastikan orang kurang upaya ini yang sudah diberi latihan dengan bidang-bidang perindustrian yang tertentu diberikan peluang pekerjaan oleh kerajaan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tebrau.

12.11 tgh.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin hendak membincangkan masalah keluarga tanpa mengira gender. Di bawah Butiran 04000 – Kebajikan Masyarakat Butiran 040700 – Ehwat Perlindungan dan Butiran 040800 - Ehwat Pemulihan. Tuan Pengerusi, gejala peningkatan kadar jenayah sumbang mahram dan rogol amat membimbangkan. Satu kajian oleh Profesor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia menunjukkan jenayah sumbang mahram itu dilakukan oleh mereka yang ada pertalian persaudaraan yang dekat dan tinggal di sisi mangsa.

Di antara penjenayah-penjenayah ini, 50% adalah bapa mangsa, 25% bapa saudara mangsa, 6.8% adik-beradik mangsa, 2.3% datuk mangsa. Jadi, ini adalah satu gejala penyakit sosial yang sangat menyakitkan hati kita. Kajian itu telah menunjukkan beberapa unsur yang perlu diberi perhatian.

- (i) majoriti besar penjenayah sumbang mahram hanya berpendidikan sekolah rendah sahaja, 30% daripadanya tidak pernah bersekolah langsung dan nilai agama mereka rendah;
- (ii) 90% daripada kes sumbang mahram tidak didedahkan atau dilaporkan, mungkin kerana pelbagai sebab yang tidak di ketahui;

Tuan Pengerusi: Adakah kajian yang dibuat dari segi *gene*, kecenderungan genetik?

Tuan Teng Boon Soon: Kecenderungan genetik tidak ada disebutkan di dalam kajian itu. Kebanyakan mangsa ini adalah dalam usia belasan tahun sahaja dan mungkin tidak faham interpretasi sumbang mahram dan tidak tahu ini adalah satu

perbuatan jenayah dan yang melanggar adat masyarakat dan tidak faham hak mereka untuk menentang atau tidak berkemampuan untuk menentang.

Jadi, kementerian perlu menyediakan program untuk membantu mangsa-mangsa sumbang mahram dan keluarganya dari segi pendidikan, kaunseling serta bantuan kewangan dan sebagainya. Berdasarkan keperluan kes-kes tertentu, ini termasuk dengan izin, *a married mother, broken family* dan sebagainya supaya mangsa-mangsa dapat hidup sebagai orang biasa.

Tuan Pengerusi, yang kedua saya ingin menyentuh tentang warga tua atau warga emas. Mengikut kajian Jabatan Statistik Malaysia yang dibentangkan di 21st *Population Census Conference* pada bulan November 2003 di Kyoto, Japan,. peratus warga tua berumur 60 tahun ke atas pada tahun 2000 hampir 1.4 juta dan merupakan 6.3% daripada jumlah penduduk. Peratus warga tua dijangka akan meningkat pada tahun 2020 kepada 3.4 juta dan jumlah peratus penduduknya meningkat kepada 9.9%.

Pada tahun 2030 pula, bilangan penduduk warga tua berusia 60 tahun ke atas akan meningkat hampir 5 juta dan terdiri daripada 12% jumlah penduduk. Jadi, oleh kerana kemudahan kesihatan dan perubatan sudah semakin lengkap, maju dan canggih, umur manusia semakin panjang. Penduduk warga tua akan meningkat dari 6.3% jumlah penduduk dalam tahun 2000 kepada 12% jumlah penduduk dalam tahun 2030, dua kali ganda. Bilangan sebenarnya adalah 1.4 juta pada tahun 2000 dan bilangan ini akan meningkat menjadi 5 juta, lebih tiga kali ganda pada tahun 2030. Sebab itu kementerian perlu memikir dan merancang supaya warga tua atau warga emas boleh memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara.

Bagi warga tua yang tidak berkemampuan berdikari, apakah perlindungan yang disediakan sebagai balas budi kerana jasa warga tua kita kepada masyarakat dan negara. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Penampang.

12.17 tgh.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan tidak lambat bagi saya untuk mengucapkan tahniah di atas pemilihan Tuan Pengerusi sebagai Speaker. *[Disampuk]* Relax.

Saya akan menyentuh mengenai B.48 Butiran 04000 – Kebajikan Masyarakat. Tuan Pengerusi, Jabatan Kebajikan Masyarakat yang ditubuhkan pada tahun 1946 merupakan satu agensi kerajaan yang memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan sosial dan masyarakat. Kini Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan salah satu jabatan di bawah kementerian ini. Misi utama JKMMM ini adalah untuk membangun masyarakat ke arah kesejahteraan sosial dan visi adalah untuk mewujudkan masyarakat sejahtera dan penyayang.

Saya berpendapat dalam memenuhi matlamat ini kementerian harus juga peka kepada impak negatif pembangunan secara amnya dari perspektif masyarakat tempatan. Umpamanya, bagaimanakah kementerian dapat memujuk masyarakat sejahtera dan penyayang jika sesetengah masyarakat kita, setengah hak-hak dan *livelihood*, dengan izin, masyarakat kita tertindas dengan pembangunan, seperti pembangunan kediaman komersial yang mendapat kelulusan, dengan izin, in a *questionable manner* ataupun pembalakan haram yang mencemar sungai-sungai terutamanya di kawasan luar bandar.

Yang ketiga, pengambilan tanah untuk tujuan pembangunan yang tidak menjaga perasaan dan tidak memberi penerangan yang lengkap kepada masyarakat di luar bandar, terutama kepada masyarakat yang menganggap tanah itu sebagai darah dan kehidupan mereka. Maka dengan itu kementerian boleh juga memainkan peranan yang lebih dan terperinci lagi dengan mengambil inisiatif sebagai *liaison* atau penghubung di antara masyarakat dan kementerian-kementerian serta jabatan-jabatan yang lain.

Ini adalah untuk memastikan segala pembangunan yang diperlukan tidak ada *reverse effect* atau negatif *effect* atau tidak menjejaskan dari segi kebajikan dan perspektif masyarakat sejagat.

Jika kita lihat sekarang agenda-agenda kementerian atau jabatan kebajikan masyarakat ini adalah *very specific*. Cuma kepada yang kurang upaya, yang miskin tetapi tidak mengambil kira masyarakat komuniti, apabila komuniti ini dijejas atau tertindas keadaan kehidupan mereka kerana pembangunan-pembangunan yang kita tidak boleh nafikan diperlukan tetapi menjejaskan dari segi *livelihood* mereka.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya mencadangkan supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat harus juga mengambil bahagian dalam Jawatankuasa Pembangunan daerah. Sebagai *champion* atau untuk memastikan sebarang permohonan tidak

merbahaya atau menjejaskan sesuatu komuniti tempatan. Setahu saya tidak ada jabatan atau agensi yang mengendalikan perkara seperti ini, hanya NGO dan hanya wakil rakyat yang dicari oleh rakyat apabila sesuatu seumpama itu berlaku. Tuan Pengerusi, ini juga akan mengurangkan rungutan-rungutan dan hebahan dari pihak NGO dan akan sedikit sebanyak membantu kerajaan dengan izin *to show caring face*. Dengan kata-kata demikian saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Kinabatangan

12.22 tgh.

Datuk Bung Moktar bin raden [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 04000 - Kebajikan Masyarakat, 0100 - Khidmat Wanita. Tuan Pengerusi, kita melihat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini diwujudkan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa permasalahan berhubung kait dengan hal ehwal wanita dapat ditangani secara bijaksana. Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, kita seolah-olah bertanding antara satu dengan yang lain iaitu 'Kementerian Pembangunan Wanita' dengan 'Kebajikan Masyarakat'.

Jadi oleh kerana itu saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya hal ehwal, masalah ibu-ibu tunggal terus ditangani oleh 'Kementerian Hal Ehwal Wanita' dan bukan lagi daripada 'kebijakan'. Sebab kalau ini terus tidak ditangani Tuan Pengerusi, maka masalah ini akan menjadi seolah-olah bola sepak. Apabila ada masalah kebijakan cakap "oh, ini wanita punya kementerian", jumpa di Kementerian Hal Ehwal Wanita dia kata "oh, ini kebijakan". Jadi kita pun dalam keadaan kebimbangan dan juga keliru, mana satu kementerian yang dipertanggungjawabkan.

Jadi saya meminta kerajaan supaya serius. Kalau boleh pengurusan ibu-ibu tunggal *direct* kepada 'Hal Ehwal Wanita' dan bukan lagi kepada 'kebijakan'. Kebijakan biar dia urus soal-soal kebijakan. Soal-soal orang-orang cacat, orang-orang tua, orang-orang miskin dan sebagainya. Tetapi masalah ibu-ibu tunggal harus ditangani oleh 'Hal Ehwal Wanita'. Jangan sampai, oleh kerana pertindihan....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi, Terima kasih Kinabatangan. Saya hendak *clear* betul sebelum Kinabatangan pergi jauh. Adakah Kinabatangan mencadangkan seperti Kementerian Belia dan Sukan, satu Menteri Belia dan satu Menteri Sukan ataupun yang ini pun Kinabatangan mencadangkan supaya

ada dua kementerian, satu 'Kementerian Kebajikan' dan satu lagi 'Kementerian Hal Ehwal Wanita', ataupun cuma di peringkat jabatan sahaja. Terima kasih Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Ketawa]* Terima kasih. Saya tidak mencadangkan perwujudan kementerian baru. Sebab kementerian yang bertanggungjawab sudah ada. Saya hendak 'Kementerian Kebajikan' iaitu ini menyelaras soal-soal kebajikan, agensi dia, jabatan dia peringkat jabatan dia. Kemudian 'Wanita' pula iaitu menjaga ibu-ibu tunggal. Mesti ada satu agensi yang tertentu. Bukan mewujudkan lagi kementerian yang lain.

Jadi ini sudah tentu dapat memudahkan kita menyelesaikan masalah. Sebab Tuan Pengerusi, ibu-ibu tunggal ini statistik dia berubah dari masa ke semasa. Ada hari ini dia ibu tunggal, besok dia bukan lagi ibu tunggal. Hari ini dia ada keluarga, besok lusa dia jadi ibu tunggal. Jadi statistik dia tidak boleh diterjemahkan bagaimana keadaan dia. Jadi Tuan Pengerusi, oleh kerana itu pada saya sudah tiba masanya dalam keadaan negara kita menuju negara maju Wawasan 2020. Bagaimana kita hendak memartabatkan wanita kita dalam negara kita ini. Walaupun DAP seolah-olah ingin menjadi hero dalam isu ibu-ibu tunggal, hal-hal wanita tetapi saya melihat ini isu kita bersama dan platform yang paling wajar melaksanakan tanggungjawab ini iaitu kerajaan, bukan pembangkang. Oleh kerana itu saya suka menyarankan kalau boleh, kementerian, menteri dia harus bertanggungjawab sepenuhnya.

Sebab harus diingat dahulu tidak ada kementerian ini ditubuhkan, tetapi oleh kerana masalah wanita, masalah kes-kes jenayah, wanita dan sebagainya ini telah meningkat, maka diwujudkan kementerian ini dengan harapan untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah. Tetapi hari ini kita lihat surat-surat khabar dan sebagainya ramai wanita yang disalahkan. Dibunuh, 'dijenayah' dan sebagainya dan pelaku-pelakunya ini tidak lain tidak bukan masyarakat yang lebih tinggi daripada mereka, iaitu kaum laki-laki. Oleh kerana itu wajarlah kementerian ini membuat satu *road show* ke negeri-negeri, ke daerah-daerah dan peruntukan yang ada itu haruslah diguna pakai untuk memastikan agar ianya dapat digunakan untuk menentukan, memastikan bahawa kewibawaan, martabat wanita itu berada di landasan yang benar dan tidak seperti dua puluh tahun yang lalu. Sudah tidak ada kementerian, masalah yang sama, ada kementerian ada Menteri, ada Setiausaha Parlimen lagi masalah sama. Jadi sampai bila kita mahu tanya ini Menteri bila keadaan ini boleh selesai

Adakah mereka akan turun ke bawah untuk memberi penjelasan bagaimana penjagaan wanita, pengurusan wanita? Nampak glamor ialah Tuan Pengerusi kita punya Menteri. Terus terang. Jadi kita bukan mahu..

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak ada penjelasan sudah, terus sahaja. Ini tidak lagi boleh jelas-jelas. Sudah jelas, saya mahu kasi jelas sudah. Termasuk pembangkang saya mahu kaji jelas.

Cik Fong Po Kuan: Ini tidak adillah. Tadi saya bagi peluang..

Datuk Bung Moktar bin Radin: Mana ada adil dalam dunia ini.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak ada keadilan. Jadi Tuan Pengerusi, inilah masalahnya. Saya meminta kementerian ini menyelesaikan permasalahan ibu-ibu tunggal di semua peringkat. Di Parlimen saya pun banyak juga ibu-ibu tunggal, yang miskin, yang merana, merempat. Tetapi jarang bantuan, kalau ada ribut taufan melanda, banjir melanda, minta maaflah Tuan Pengerusi, tidak ada kementerian pegawai-pegawai dia turun menelefon kah, sedangkan dia nampak di televisyen, di radio, di berita, kawasan Parlimen ini dilanda oleh malapetaka. Wakil rakyat dia tidak kenal jugalah Tuan Pengerusi. Jadi inilah masalah kita, jadi kita minta supaya agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab di kementerian ini termasuk Menteri dia bertanggungjawab. Saya menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Rembau

12.28 tgh.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut sama membahaskan Kepala B.48 iaitu Butiran 020000 - Pembangunan Wanita. Saya menjurus kepada ibu tunggal sebab ibu saya pun ibu tunggal. Jadi saya sudah menjalankan sedikit kajian di seluruh negara ada 126,810 ibu tunggal atau 15.9% daripada 795,500 ketua isi rumah wanita, dan bilangan ibu tunggal yang mempunyai anak yang masih bersekolah, ini penting. Ikut negeri yang tertinggi ialah Selangor 14,418. Yang kedua tertinggi Perak – 12,321, Kelantan – 12,032 dan Negeri Sembilan 4,639. Campur negeri-negeri lain jumlah ibu tunggal yang mempunyai anak masih bersekolah ialah 119,109 orang. Jadi satu jumlah yang ramai Tuan Pengerusi dan kalau kita kira secara purata satu ibu tunggal menanggung 4 orang anak kita ada 444,436 orang yang perlu di beri makan.

Ini satu angka yang sangat besar dan saya juga hendak berkongsi angka. Dari segi ibu tunggal itu tadi, di kalangan Melayu yang paling ramai iaitu 74,212 orang iaitu 66.8% sementara bumiputera lain 9,682 orang iaitu 8.7%. Rakan kita orang Tionghoa ibu tunggal ada 14,955 orang iaitu 13.5%. India 9,124 orang iaitu 8.2% yang lain-lain 803 orang iaitu 0.3% dan bukan warganegara ada 2,324 orang iaitu 2.1%. Di kalangan ibu tunggal Melayu yang paling ramai ialah di Kelantan 11,514 orang. Mungkin rakan-rakan kita di Kelantan tahu apa sebabnya. Yang kedua di Selangor 8,528 orang dan ketiga di Kedah 8,514 orang.

Walau bagaimanapun, saya difahamkan kementerian tidak mempunyai data yang terperinci berkaitan ibu tunggal yang berada di dalam golongan termiskin atau tegar iaitu kumpulan ibu tunggal yang isi rumah berpendapatan bulanan kasar kurang separuh daripada pendapatan garis kemiskinan iaitu RM529. Ini penting sebab itulah saya berharap kementerian akan mewujudkan satu pangkalan data mengenai ibu tunggal ini khususnya ibu tunggal yang ada anak sekolah, khususnya ibu tunggal yang anak-anak yang dalam kemiskinan tegar. Ini penting supaya dengan itu bila ada pangkalan data yang lengkap dapatlah program-program yang bersesuaian dijalankan.

Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama saya juga difahamkan kadar kemiskinan di kalangan ketua isi rumah yang diketuai oleh wanita berada di tahap 12% berbanding dengan kadar peratus negara yang hanya di paras kurang daripada 7.5%. Ini bermakna di kalangan ibu tunggal yang miskin angkanya agak besar melebihi peratus negara. Keadaan ini jadi lebih serius lagi dan perlu kementerian mengadakan pangkalan data ini dengan segera supaya program-program yang bersesuaian akan dapat dijalankan seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan lain program mengail tadi, tetapi dalam masa kita buat program mengail, ikan pun perlu diberi sebab anak-anak yang bersekolah ini bukan sedikit belanjanya. Tambahan pula kalau 3 atau 4 orang, apa lagi kalau tinggal di luar bandar.

Dalam masa yang sama saya juga mencadangkan supaya program-program kemahiran seperti yang disebutkan oleh beberapa rakan-rakan Yang Berhormat tadi juga diwujudkan misalnya program bersama dengan Perbadanan Kraf Tangan, boleh diadakan kursus-kursus kemahiran seperti kita sedia maklum, Perbadanan Kraf Tangan ada mempromosikan barang-barang kraf tangan. Ini boleh dibuat misalnya sebagai contoh kita ada banyak bahan-bahan rotan di negara ini. Jadi lebihan bahan rotan ini boleh digunakan untuk membuat bakul cenderamata, bekas tisu ataupun

dulang. Jadi program ini boleh diadakan bersama dengan JKK dan Pejabat Daerah di balai-balai raya dan kita buat mungkin dalam waktu kerja. Maksudnya pergi pagi selepas minum kemudian tengah hari dia balik, dengan cara itu tidak mengganggu rutin ibu tunggal yang ada anak-anak yang bersekolah.

Ini perkara penting, dalam masa yang sama juga saya harap juga kementerian bersama kerajaan Tempatan khususnya PBT....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ihsan: *[Bangun*

Dato' Firdaus bin Haron: Sila Yang Berhormat Sabak Bernam sahabat saya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ihsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Rembau. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat, setelah memberi data dan statistik yang begitu ramai termasuklah yang melibatkan negeri Selangor. Kalau di Sabak Bernam kita ada 521 orang, yang paling muda sekali umurnya 23 tahun. Apa pandangan Yang Berhormat, selain daripada kita membantu ibu-ibu tunggal ini dengan memberikan mereka kemahiran, kita juga mencadangkan kepada kementerian supaya diadakan satu agensi mencari jodoh.

Saya lihat di Sabak Bernam sendiri, ada beberapa orang yang secara tidak sengaja, maksudnya tidak pada pengetahuan wakil rakyat, dia telah dapat mencari jodoh dan ini saya lihat dapat menyelesaikan isu kekeluargaan, anak dan rumah tangga. Apakah pandangan Yang Berhormat supaya satu agensi khusus diadakan di mana ada *data base* berkaitan dengan mungkin duda, ataupun kata sahabat saya bapa tunggal, di mana dia boleh dipadankan seperti Jabatan Tenaga Rakyat umpamanya di mana anak-anak kita yang mempunyai kelulusan, kelayakan, minat dan sebagainya dipadankan dengan kerjaya yang ada. Dalam konteks ini apakah pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan agensi ini? Terima kasih.

Dato' Firdaus bin Harun: Saya sangat-sangat setuju, Tuan Pengerusi, dan saya mencadangkan kita mulakan di Sabak Bernam. Yang Berhormat mungkin boleh jadi salah seorang kaunselornya.

Saya sambung berkaitan program untuk ibu tunggal tadi, maksudnya kita lihat ibu tunggal, banyak lagi tenaga wanita yang berusia antara 30 ke-50 tahun yang masih sihat, yang *unemployed*, dengan izin. Mungkin program dengan agensi yang lain tadi walaupun contohnya Perbadanan Kraf Tangan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan tetapi saya rasa perkara ini perlu dilakukan secara bersepadu supaya dapat kesan yang menyeluruh.

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya ingin menyentuh pada Kepala 050000 Lembaga Pendudukan dan Pembangunan Keluarga Negara. Saya difahamkan bahawa LPPKN juga banyak mengadakan aktiviti kaunseling keluarga. Ini sangat baik. Dalam masa yang sama juga oleh kerana kita kekurangan para kaunselor yang bertauliah, saya mencadangkan supaya pihak LPPKN mengadakan kursus untuk para kaunselor yang ditujukan kepada para pemimpin masyarakat seperti imam-imam, Pengerusi-Pengerusi JKK, Ketua Kampung supaya dengan ini pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi ini akan dapat membantu kerajaan dan memberi khidmat kaunseling kepada keluarga yang bermasalah, yang ada masalah perceraian, perkahwinan, ada masalah anak-anak, yang menghadapi tekanan, keganasan rumah tangga dan sebagainya. Sebab sekarang ini yang menjadi satu masalah ialah kebanyakan mereka yang bermasalah tidak ada tempat selain daripada kalau orang Islam pergi ke Pejabat Kadi, tidak ada tempat lain untuk mereka mengadu masalah. Kadang-kadang itu kajian pernah dijalankan, kalau dia dapat bercakap dengan mereka yang bertanggungjawab sekurang-kurangnya 50% masalah itu dapat diselesaikan.

Sebab itulah saya sangat-sangat mencadangkan supaya pihak kementerian melalui LPPKN mengadakan kursus para kaunselor secara bersiri bukan secara *one-off* dan ditumpukan kepada pemimpin-pemimpin masyarakat yang saya sebutkan tadi supaya dengan itu secara tidak langsung kita akan dapat menyelesaikan masalah penagihan dadah, masalah ponteng sekolah dan sebagainya yang sekarang ini agak serius di negara kita.

Jadi, saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut.

12.38 tgh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran B.48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah Butiran 040000 Kebajikan Masyarakat, 00100 Pusat Khidmat Wanita.

Sebagaimana yang kita sedia maklum negara kita hari ini adalah sebuah negara yang stabil ekonominya, aman damai hinggakan ramai pendatang asing datang, semakin hari semakin bertambah hingga menimbulkan masalah sosial.

Masalahnya di sini, Tuan Pengerusi, ialah masalah undang-undang yang ada berhubung dengan peminta sedekah, yang semakin hari semakin bertambah hingga menimbulkan masalah sosial dalam negara kita ini. Saya tidak tahu apakah penguat kuasa yang ada sudah cukup yang dijalankan oleh Kementerian Kebajikan, Pejabat Kebajikan dan juga pihak berkuasa Bandaraya. Apakah perlu satu akta diperkenalkan, melarang peminta sedekah memasuki premis-premis perniagaan sebagaimana sibuknya penguat kuasa kita mensyaratkan melarang merokok seumpamanya kerana hari ini mereka telah menimbulkan satu masalah yang memalukan. Kadang-kadang kita tengah hendak makan mereka ini datang.

Adakah mereka ini ada satu sindiket yang menyokong mendalangi mereka seolah-olah mereka tidak takut dengan undang-undang yang ada. Ataupun mereka ini seperti mereka yang terlibat dengan pelumba-pelumba haram, mereka berbau kalau ada satu gerakan operasi, mereka sudah tahu. Sebab apa rungutan orang ramai melihat betapa ramainya semakin hari bertambah bilangan peminta sedekah ini di premis-premis perniagaan.

Saya bersama dengan Ahli Parlimen Batu Pahat pada dua tiga malam yang sudah mengambil angin, melihat keadaan sekitar yang berlaku di Bangsar kerana banyak orang kompelin dan masyarakat di situ kononnya ada restoran-restoran dibuka sampai 24 jam, walaupun kita tahu pemilik restoran ini adalah juga asalnya pendatang tanpa izin dan hari ini mendapat kerakyatan atas kerelaan kita juga yang membenarkan mereka mendapat kerakyatan, tidak ada masalah. Baru hendak duduk sahaja sudah datang seorang peminta sedekah.

Yang hairannya, Tuan Pengerusi, buta pakai cermin mata tetapi dalam masa yang sama memakai jam tangan, inilah yang peliknya. Selepas itu ada pula gadis-gadis yang cantik bawa mereka ini. Jadi ini kita kena lihat kerana kita hari ini adalah mengetuai NAM (Pergerakan Negara-Negara Berkecuali). Sudah tentu orang-orang ini mahu melihat masalah sosial di negara kita ini dapat diatasi.

Saya minta kementerian ini terutamanya penguat kuasa di bawah Kebajikan Masyarakat, jangan kita pandang rendah. Kadang kala mereka yang datang minta sedekah ini meletakkan keretanya jauh-jauh kemudian tukar menjadi macam orang yang hendak minta sedekah. Orang pun simpati, macam kata Setiausaha Parlimen tadi saya tidak bersetujulah kata Setiausaha Parlimen itu kita ini pemurah sangat, yalah sebab peminta sedekah tidak jumpa dia.

Cuba kalau Setiausaha Parlimen merayap tengok keadaan ini, dia pun tidak boleh hendak lari. Ini masalah, jadi saya minta kalau perlu adakan suatu akta, buatlah. Kalau tidak, ini akan terus menjadikan satu contoh yang tidak baik kepada generasi kita yang tidak ada pekerjaan. Dia kata baik minta sedekah daripada susah payah. Ada pula yang mengatakan mereka yang minta sedekah ini mungkin pendapatannya lebih baik daripada orang-orang kementerian. Wallahu-waalamu, saya pun tidak tahu. RM8,000 kata Yang Berhormat Putrajaya satu bulan, ataupun mungkin ada, saya tidak tahulah. Saya minta ini bukan lagi perkara ringan. Cukup memalukan.

Saya mintalah kalau perlu akta, kalau tidak ada diadakan. Kalau sudah ada diperketatkan lagi. Kalau perlu, pinjam penguat kuasa-penguat kuasa yang mana tidak boleh hendak jalankan tugas itu diletakkan di kementerian ini supaya masalah ini kita selesaikan dengan segera kerana pelancong datang melihat seolah-olah negara kita ini dihimpunkan dengan peminta-peminta sedekah. Macam sudah menjadi satu tong sampah di negara kita ini untuk orang mencari rezeki - dengan masalah yang kita hadapi pada hari ini seperti pendatang asing yang semakin bertambah, kes-kes jenayah dan masalah-masalah sosial yang lain.

Saya mintalah pihak kementerian supaya melihat perkara ini dengan lebih serius, tidak boleh lagi hanya dianggap bahawa ia tidak mendapat kerjasama orang ramai, tidak mendapat kerjasama sekian, sekian pihak. Kadang-kadang mereka pun pandai tukar taktik pula sekarang, dibawanya barang-barang seolah-olah barang ini daripada negara Islam, tidak terdapat di tempat lain. Kita pun semasa itu mana hendak fikir ini semua ini? Kalau Setiausaha Parlimen boleh jenguk-jenguklah di Bangsar itu walaupun bukan Petaling Jaya Utara, apa salahnya, macam Batu Pahat mengajak saya. Saya pada mulanya saya pun tidak tahu.

Akhir sekali saya minta Tuan Pengerusi ialah berhubung dengan bantuan kepada mereka yang tidak mampu. Terima kasihlah keadaan pihak Kebajikan Masyarakat. Saya kalau ada berlaku banjirkah atau bencana alam di kawasan saya, Alhamdulillah setakat tetapi kalau esok lusa saya tidak tahu. Masalahnya ialah mereka yang telah mendapat surat bantuan akan dikeluarkan hingga berlaku sehingga setahun, apa pun tidak dapat. Saya mintalah pihak peringkat tertinggi, itu yang saya cadangkan kalau boleh pegawai-pegawai tinggi kementerian yang ada di sini supaya masalah ini dapat kita ketengahkan. Macam hari ini Menteri tidak datang, kita faham

ada Kabinet. Timbalan Menteri mungkin berada di luar negara, ada Setiausaha Parlimen dan dia boleh rujuk kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Ini setahun surat sudah keluar, lulus bantuan tersebut, tetapi sampai sekarang tidak dapat. Itu yang dia jumpa Wakil Rakyat. Kalau yang tidak dapat jumpa Wakil Rakyat? Kalau jumpa Pembangkang lagilah. Pembangkang akan gunakan surat ini, hah ini... dia canang merata. Saya mintalah kepada - itu satu kes yang telah saya perolehi di kawasan saya, dapat surat tetapi bantuan tidak dikeluarkan. Kemudian tengah-tengah dapat bantuan, top-top besok sudah tidak ada lagi dah dengan tidak memberi penjelasan kepada si penerima. Ini perlu dielakkan.

Saya berharaplah kepada kementerian di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya dapat memandang perkara ini dengan lebih serius sebab tadi Tuan Pengerusi saya lupa hendak sebut ada juga aliran pengeluaran wang kita ini keluar banyak oleh peminta-peminta sedekah ini. Ini perlu dilihat kalau kita tidak mulai dari sekarang ini, Tuan Pengerusi saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Rantau Panjang.

12.45 tgh.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sebut berkenaan di bawah Kepala 040000 – Kebajikan Masyarakat. Tadi sahabat saya Yang Berhormat bagi Rembau telah memberi statistik berkenaan dengan ibu tunggal ataupun janda ataupun ‘*armalah*’.

Saya sekali lagi hendak minta kepada pihak kementerian ini supaya memberi jawapan statistik berkenaan dua kategori ibu tunggal ini ataupun ‘*armalah*’ ini. Pertamanya berapa ramaikah yang kematian suami dan berapa ramai yang diceraikan oleh suami. Sebab saya baru-baru ini pun saya sudah menyebutkan di dalam ucapan dasar saya, saya minta supaya mengasingkan di antara ibu tunggal yang kematian suami dengan ibu tunggal yang diceraikan oleh suami kerana kedua-dua kategori ini terlalu jauh perbezaannya dan baru-baru ini saya telah menyebutkan secara *detail* dan sekali ini saya tidak mahu sebut lagi kerana ada yang tidak senang hati kalau saya sebut.

Ciri-ciri ibu tunggal yang kehilangan suami dan ciri-ciri ibu tunggal yang diceraikan oleh suami, ada perbezaan besar terutama sekali kalau di dalam majlis-majlis tertentu, kita boleh lihat, kita boleh kenal watak-watak ataupun kerenah-kerenah

ibu tunggal yang diceraikan oleh suami jika dibandingkan dengan ibu tunggal yang kehilangan suami.

Saya hendak minta kepada pihak kementerian ini supaya memberi pertimbangan sedikit iaitu berilah keistimewaan kepada ibu tunggal ataupun apa yang disebut dalam bahasa Arab '*armalah*' ini yang bekerja dengan kerajaan, yang kehilangan suami kerana suami meninggal terutama sekali cuti. Kalau selama ini Kerajaan Barisan Nasional telah pun memberi peluang kepada pekerja-pekerja perempuan yang bersalin sudah pun diberi tempoh cuti bergaji penuh selama 60 hari, mengapakah tidak kita bagi peluang kepada pekerja wanita yang kehilangan kerana suami dia meninggal dunia, kita bagi peluang sampai dia tidak payah pergi ke pejabat, cuti bergaji penuh selama kalau orang Islam ini selama habis *edah* dia.

Terutama sekali kalau dari segi orang Islamnya baiklah kerana apabila dia belum habis *edah* itu, tak payah pergi ke pejabat, tak payah keluar rumah walaupun ada mazhab-mazhab lain yang membolehkannya. Tetapi sekurang-kurangnya kehibaannya dengan kematian suami ini dia boleh duduk di rumah, dia boleh rehat sedikit, melihat anak-anak kalau ada anak itu, menyelesaikan masalah rumah tangga, menyelesaikan masalah-masalah yang lain, beri peluang selama tiga bulan.

Saya rasa tidak ramai pekerja-pekerja wanita yang kehilangan suami disebabkan meninggal dunia sewaktu berkhidmat. Kalau kita boleh buat statistik pun saya rasa setiap tahun di seluruh Malaysia ini tidak sampai 100 orang pekerja wanita yang suaminya meninggal dunia sewaktu dia bekerja di pejabat. Kebanyakan mereka yang sudah berpujian barulah kematian suami masing-masing dunia. Kalau ada yang bercerai atau kehilangan suami kerana bercerai itu saya tidak mahu bertanggungjawab sebab itu perkara biasa kerana di negara kita sekarang ini sudah terlalu ramai.

Macam yang diperkatakan tadi sahabat kita Yang Berhormat bagi Rembau telah mengatakan Kelantan yang paling ramai bercerai. Saya tidak mahu menjawab di sini kerana biarlah Menteri menjawab kerana yang bercerai dan berkahwin di Kelantan ini biasanya orang luar, orang yang luar daripada Kelantan. Dia hendak rasa kahwin di Kelantan, balik rumah dia, yang tua ini mengamuk, dia cerai, macam itu. Termasuk ada Ahli-ahli Parlimen, saya tidak mahu sebut Ahli Parlimen itu, bekas Ahli Parlimen, Ahli Parlimen, dia itu lain daripada Kelantan, pergi ke Kelantan, kahwin di Kelantan. Kalau saya sebut, peribadi pula. Itu di antaranya.

Kemudian saya hendak minta jasa baik pihak kerajaan supaya janda-janda yang mendapat bantuan kebajikan masyarakat ini, orang tua yang miskin ini. Saya melihat dengan mata saya sendiri, ini berlaku di Kelantan. Lain tempat saya tidak tahu. Saya ada bukti kalau hendak bukti, pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat boleh jumpa saya selepas ini, saya akan buktikan.

Kita telah memberi bantuan kepada orang-orang tua yang miskin tetapi mempunyai anak 20 tahun atau 30 tahun dahulu untuk anak masih kecil bersekolah rendah kebangsaan, kita bagi terus menerus sampai 30 tahun. Anak yang belajar di sekolah rendah dahulu sampai pergi mengaji tinggi di universiti ataupun tidak belajar pun dia sudah besar, dia mencari rezeki sendiri. Kita teruskan lagi bagi bantuan, umur dia sudah 50 tahun atau 60 tahun. Duduk di rumah yang kita kata rumah yang buruk. Ataupun yang sudah berpindah duduk di rumah anak dia.

Anak dia sendiri mempunyai keistimewaan dalam hidupnya, pendapatannya sudah cukup, boleh pelihara ibu dia, dia sendiri kadang-kadang ada kenderaan.

Waktu cuti Hari Raya baru-baru ini, saya lihat anak-anak orang-orang tua yang mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat ini balik dengan membawa kereta, merasa segan hendak duduk di rumah orang tua mereka, menyewa hotel. Rumah buruk! Tetapi ternyata bahawasanya anak mereka ini sudah mampu membantu mereka ini. Tetapi kita tidak membuat kajian balik, kita tidak semak kembali, *delete* nama orang-orang yang telah mendapat bantuan selama ini yang anak mereka itu telah pun mendapat pekerjaan.

Sewaktu PAS mula-mula memerintah Terengganu dahulu, kalau tidak silap saya Yang Berhormat Tuan Guru, Datuk Menteri Besar Terengganu pada waktu itu menyebut, "Saya malu melihat mereka yang menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat ini dihantar oleh anak mereka yang memakai kereta Mercedes untuk mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat" pada hari pembahagian diberi. Itu berlaku di Terengganu sewaktu PAS mula-mula memerintah dahulu. Ini bermakna kecuaihan Barisan Nasional waktu sebelum daripada itu.

Sekarang ini berlaku pula di Kelantan. Saya tanya pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, dia kata ada empat kategori sebenarnya. Satu kategori sahaja yang diberi bantuan oleh kerajaan negeri dan tiga lagi itu diberi oleh Kerajaan Pusat. Yang Berhormat tidak boleh potong nama orang ini kerana bantuan ini daripada Kerajaan Pusat, kalau daripada kerajaan negeri bolehlah. Saya pun senyap. Saya kata saya

akan memberitahu dalam Parlimen, memberitahu kepada Menteri supaya Menteri buat kajian balik. Kaji semula nama-nama orang itu. *Check* balik.

Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya pergi sekali ke sana pada waktu permulaan permohonan dibuat. Pegawainya pergi melihat rumah, *check* pendapatan, *check* keluarga dan semuanya. Selepas sepuluh tahun kemudian pun tidak *check* juga kecuali orang itu sudah mati baru di *delete* namanya. Orang yang anaknya itu telah mendapat pekerjaan, sudah hidup mewah di pusat-pusat bandar, balik sekali sekala bawa balik bantuan kepada anak, kadang-kadang secara bulanan dihantar kepada anak kita tidak mengambil kira. Peluang kepada orang lain untuk mendapat bantuan di tempat yang telah kita berikan bantuan itu telah tertutup.

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya membuat kajian menyeluruh tentang mereka yang kita telah berikan bantuan selama bertahun-tahun kepada orang-orang ini supaya memberi peluang kepada orang lain yang masih belum mendapat bantuan ini dapat kita berikan pula.

Saya rasa itulah perkara yang hendak saya sebutkan pada hari ini. Saya sekali lagi meminta supaya pihak kementerian memberi perhatian kepada apa yang saya sebutkan tadi.

12.52 tgh.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 020000 - Pembangunan Wanita dan 03000 - Latihan Pembangunan Sosial. Sebenarnya saya ada beberapa cadangan untuk diutarakan pada persidangan kali ini. Cadangan yang pertama ialah meminta supaya pihak kementerian mewujudkan satu program khusus untuk menggalakkan para suri rumah tangga khususnya di kalangan kaum Melayu yang masih ketinggalan dalam meningkatkan produktiviti ekonomi negara dengan melaksanakan kerja-kerja sambilan atau kerja-kerja *sub-con* yang boleh dilakukan di rumah kerana ia akan membantu meningkatkan tahap pencapaian ekonomi negara.

Yang kedua, saya juga ingin mencadangkan supaya mewujudkan serta menyelaraskan kursus kepada para ibu yang kurang berpendidikan dalam mendidik

anak-anak dengan lebih sistematik dan terancang ke arah untuk mencapai negara maju berserta pendidikan dan akhlak rakyat yang berkualiti tinggi.

Yang ketiga, saya juga mencadangkan supaya menyusun satu program di dalam meningkatkan akhlak yang terpuji, berhemah dan bersatu di kalangan kanak-kanak khususnya di bawah umur 15 tahun. Program ini saya rasa perlu dilaksanakan bagi menghapus dan juga mengurangkan sikap-sikap ganas yang tidak berperikemanusiaan yang kini semakin menjadi-jadi di samping juga untuk mengurangkan jurang ketidaksefahaman di antara kaum yang masih wujud.

Yang keempat, saya minta supaya pihak kementerian kalau dapat mempertingkatkan lagi peranan dalam meletakkan kaum wanita di atas landasan-landasan Islam Hadhari yang kita bincangkan sehingga hari ini.

Yang Kelima berkenaan dengan orang-orang kurang upaya, saya juga berharap pihak kementerian dapat mewujudkan pusat-pusat yang khusus kepada anak-anak yang kurang upaya terutamanya yang menghidap penyakit *down syndrome* dan sakit yang melibatkan penjagaan yang berterusan. Sebabnya kalau kita perhatikan peranan yang diambil oleh pihak kementerian sehingga ke hari ini belum lagi menyeluruh, belum lagi berkesan terutamanya di peringkat-peringkat dan kawasan-kawasan Parlimen.

Juga berkenaan dengan pesakit-pesakit, kadang-kadang kita dapati bahawa ramai bilangan pesakit-pesakit yang memerlukan bantuan terutamanya daripada segi bantuan untuk membiayai rawatan haemodialysis. Kadang-kadang kita dapati bahawa mereka yang meminta bantuan ini terpaksa menunggu sehingga ada di antara mereka yang telah meninggal dunia baharu permohonan tersebut diluluskan. Saya meminta pihak kementerian lebih prihatin dalam permasalahan ini.

Yang terakhir, ini juga saya sudah bercakap dalam ucapan dasar yang dahulu berkenaan dengan mahkamah keluarga. Saya juga berharap supaya mahkamah keluarga ini dijadikan satu realisasi bukan hanya sebagai kita bercakap, kita rancang, kita bincang sehingga hari ini masih belum lagi menjadi satu kenyataan. Dengan itu saya mohon menyokong.

12.58 tgh.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya hanya hendak menyentuh tentang perkhidmatan pusat pemulihan kurang upaya. Sebenarnya di dalam pusat-pusat pemulihan ini kita dapati ramai dari mereka yang ada di pusat itu boleh kita gunakan untuk memberi satu produk kepada negara dan menghasilkan kewangan kepada kementerian ini sendiri.

Saya pernah melawat ke Indonesia, Thailand dan juga Kemboja dan saya dapati mereka yang ada di dalam pusat-pusat pemulihan itu membuat barang-barang kraf tangan; misalnya di Indonesia, mereka menggunakan wanita yang berada di pusat pemulihan untuk membuat *table-cloth*, *chair-back* dan bermacam-macam barang kraf tangan yang lain dengan menggunakan *cross-stitch*.

Jadi, apa salahnya jika kita menggunakan pusat-pusat perkhidmatan ini sebagai satu tenaga kerja untuk menghasilkan produk-produk yang kerajaan ataupun kementerian boleh pasaran.

Begitu juga di Thailand, kita dapati banyak barang-barang kraf tangan yang dieksport ke negara kita mereka gunakan pusat pemulihan ini untuk menghasilkan produk tersebut.

Di Kemboja misalnya, mereka gunakan pelatih-pelatih di sini untuk membuat barang-barangan sutera dan juga hasil kraf tangan yang lain yang kementerian dapat pasaran dan ini dapat membantu ekonomi pusat itu sendiri dan juga ekonomi wanita di dalam pusat latihan berkenaan.

Perkara kedua yang disentuh oleh sahabat saya daripada Batu Pahat tadi iaitu kecacatan kekal. Baru-baru ini kita dapati banyak dipaparkan dalam akhbar tentang ibu-bapa yang mempunyai tiga hingga empat orang anak yang cacat kekal yang terpaksa dipelihara sampai ke tua. Anak sudah berumur 40 tahun atau 30 tahun. Bayangkanlah kalau anak berumur 40 tahun mungkin ibu berumur 50 tahun atau 70 tahun dan ini terpaksa ditanggung oleh mereka sejak daripada kecil sampai, yalah, kalau anak itu tidak mati terpaksa dia menjaga dan dia tidak dapat bekerja untuk mencari sumber kewangan bagi memelihara anak tersebut.

Jadi, kita berharaplah dengan bantuan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat selama ini hanya RM200 hingga RM300, mungkin tidak cukup bagi memelihara tiga orang anak yang cacat kekal tersebut. Kita harap ini dapat ditambah lagi supaya dapat membantu keluarga berkenaan untuk memelihara anak mereka

yang cacat kekal – bukan cacat sementara - sampai ke akhir ayat mereka. Saya rasa itu sahaja perkara yang saya sentuh. Terima kasih Tuan Pengerusi .

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat disambung untuk dibahas. Saya ingin bagi cuma tiga lagi pembahas, lepas itu kementerian menjawablah. Bukit Bintang.

2.32 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Butiran 04000 - Kebajikan Masyarakat. Saya ingin membangkitkan satu perkara menyayat hati mengenai seorang wanita tua yang memohon bantuan orang tua daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor. Mengapa seorang tua sanggup datang ke pejabat saya kerana beliau tinggal di Pandan Jaya, Ampang, Selangor, iaitu bersempadan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak jauh daripada pejabat saya.

Wanita tua ini bernama Chan Ah Yu, yang berumur 77 tahun, tinggal seorang diri, tiada pekerjaan, tiada pendapatan, tiada saudara mara dan hidup bergantung atas ihsan kawan dan jiran. Pada 3 Januari 2003, beliau datang memohon bantuan orang tua menerusi pejabat saya. Permohonannya telah diterima oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat, Daerah Ulu Langat bertarikh 14 Februari 2003. Sejak dari tarikh itu beliau berulang alik ke pejabat saya kerana Pejabat Kebajikan Masyarakat Ulu Langat sangat

jauh, iaitu di Bandar Baru Bangi, kalau tidak silap saya lebih 10 kali sepanjang tempoh hampir dua tahun ini untuk bertanyakan kedudukan permohonannya.

Kali terakhir pegawai berkenaan menjawab bahawa peruntukan sudah habis, tiada peruntukan. Sungguh malang wanita tua ini dengan keadaan uzur berjalan kali, sampai dua tahun permohonan bantuan tidak dilayani oleh pegawai. Ke mana orang tua ini harus mengadu jika bukan Jabatan Kebajikan, tetapi inilah jawapannya. Saya kira ada silapnya peruntukan kebajikan ini. Mengapa susah sangat untuk mendapatkannya berbanding dengan permohonan orang tua dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Saya kira tidak susah sangat untuk mendapatnya, jika pejabat saya *menrekomen* tidak sampai tiga hingga empat bulan permohonan mereka lulus.

Saya terpaksa membangkitkan perkara di sini, di Dewan yang mulia ini kerana menyahut cabaran Pegawai Kebajikan yang meminta saya untuk membawa kes ini di Dewan yang mulia ini. Jadi, soalan saya, bilakah orang tua ini boleh mendapatkan bantuan, adakah 2005 atau 2006? Dalam berita Malaysia Kini pada 26 hari bulan November 2004 terdapat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan.

Tuan Fong Kui Lun: Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Macam itulah jadi wakil rakyat ini kita membela nasib rakyat. Cuma kalau boleh Yang Berhormat, terlanjurnya Yang Berhormat sudah sebut masalah ini, boleh tidak Yang Berhormat sebut nama pegawai itu, biar kita tahu, kalau betul dia tidak menjalankan tugasnya, dedahkan di sini. Minta sikit penjelasan.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Larut, memang nama pegawai itu ada di sini, surat menjawab pun ada di tangan saya, saya akan memberikan kepada Yang Berhormat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukan, kalau boleh saya minta sebut?.

Tuan Fong Kui Lun: Itu, itu...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Lagi baik sebut supaya benda ini yang ke hadapan ...

Tuan Fong Kui Lun: Tidak perlulah, kalau namanya disebut, pegawai ini akan diambil tindakan oleh jabatan. Saya berharap..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya lebih suka kalau sebut supaya di masa yang akan datang mereka tahu bahawa kita benar-benar ..

Tuan Fong Kui Lun: Kalau Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ..kredibiliti..

Tuan Fong Kui Lun: berminat saya boleh kasi tahu....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dak-dak, saya minta ..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut, cukuplah tu?..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ..saya cabar Yang Berhormatlah senang, dedah nama pegawai tersebut, sebut jawatan dia, nama dia, kalau ada bin, bin, apa jugalah..

Tuan Fong Kui Lun: Ini tidak perlulah ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Arrrr, itulah Yang Berhormat

Tuan Fong Kui Lun: Kalau you mahu saya boleh kasi ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: No, no, no saya, bukan untuk saya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Larut.

Tuan Fong Kui Lun: Ini, ini..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau tidak orang akan menganggap Bukit Bintang mereka-reka cerita.

Tuan Fong Kui Lun: Bukan cerita, ini adabukti ..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sebut saja nama, apa salahnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Larut, dia tidak hendak sebut..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Aah! Sebut, saya cabar Yang Berhormat Bukit Bintang, sebut nama, baru betul, baru *gentlemen*, kita hendak dengar juga, kalau tidak orang kata kita mereka-reka cerita, mengandai-andaikan keadaan

Tuan Fong Kui Lun: Aah, ini nama, ini nama..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ahh gitu.

Tuan Fong Kui Lun: Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Ulu Langat, Desa bin Mat Rawi, ini ada surat sini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Macam tulah.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih. Dalam berita Malaysia Kini pada 26 November tahun ini, terdapat berita seramai 200 warga emas lewat terima bayaran bulanan dari Pejabat Kebajikan Daerah Petaling. Oleh itu kementerian haruslah peka dengan nasib dan keadaan warga emas. Mereka bukan berupaya untuk bergerak jauh selain kurang bertenaga malah tambang menambang sebagainya. Jika, saya mendapat peruntukan wakil rakyat bolehlah saya dahulukan tetapi ini tidak mungkin dapat dibantu kerana sikap diskriminasi kerajaan terhadap wakil rakyat pembangkang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Mengucapkan beberapa patah perkataan dalam bahasa Cina]* Okey Tuan Pengerusi, saya faham memang kita semua sedang memperjuangkan untuk orang susah kerana kita ada sikit nasib baik. Tetapi Yang Berhormat, walau pun demikian kami ini juga sebagai Ahli Parlimen, sebagai wakil rakyat, pemimpin rakyat, kadang-kadang kalau sudah tersusah macam itu kita keluar duit poket sendiri kita bagi. Jadi Yang Berhormat, boleh tidak buat macam itu juga untuk menolong orang ini? Dia sudah susah bagilah kat dia, asal dia dapat menolong dan akhirnya kita minta Pejabat Kebajikan Masyarakat tolong. Jadi, Yang Berhormat kena buat macam itu jugalah macam kita orang buat ini.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Jerai. Memang kita ada bantu banyak kepada keluarga...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Saya akan gulung. Sepanjang saya menjadi wakil rakyat selama tiga penggal ini, memang ada bantu banyak rakyat yang termiskin ini. Ini adalah bukti, saya boleh kasi kepada Yang Berhormat jika minat.

Akhirnya, ada satu laporan akhbar *Malay Mail* terbitan 30 November yang mendedahkan terdapat pengemis di Kuala Lumpur yang menyimpan wang kutipan sebagai pengemis berjumlah RM10,000 dan RM5,000 dalam baju, bukan perkara yang baru. Pengemis-pengemis tulen dan pengemis palsu dan atas tajaan yang bergerak sekitar jalan-jalan utama di Kuala Lumpur, sudah lama berlaku. Saya pernah bangkitkan sebelum ini tetapi kesan masih seperti itu juga. Tindakan penguat kuasa

dan operasi bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan dan agensi lain tidak berkesan. Mereka tidak kerap bertindak.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun:.....dan tutup mata sahaja dan ini sebab menjadikan pengemis sungguh banyak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Selangor.

2.41 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Kalau baik wanita itu, maka eloklah keluarga, majulah bangsa, masyarakat dan negara. *“Tangan yang menghayun buaian, mampu untuk menggoncangkan dunia”*. Ini menggambarkan betapa pentingnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam proses untuk mengangkat martabat wanita, keluarga dan juga masyarakat. Dalam hubungan ini, saya ingin membahaskan Butiran 020000 dan 040000 yang berkaitan dengan Pembangunan Wanita dan juga Kebajikan Masyarakat.

Kita sedia maklum bahawa kementerian ini bertungkus-lumus untuk membangunkan masyarakat secara total dan kita ada mekanisme yang telah digerakkan oleh kementerian ini melalui Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga serta Masyarakat. Setelah dua tahun ditubuhkan dan digerakkan mekanisme ini, kita masih kurang jelas khususnya Ahli-ahli Parlimen kurang mengetahui bidang tugas, fungsi, struktur organisasi, *staffing*, peruntukan termasuk penyelia juga termasuk program untuk mewujudkan Dewan Nur.

Saya mencadangkan supaya Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga ini diperkukuhkan agar ia dapat memainkan peranan yang lebih berkesan bagi mencapai matlamat yang saya sebutkan tadi yang melibatkan pelbagai sektor dengan memegang prinsip atau slogan “Bela, Belai dan Bela”. Ini kerana, kita tahu bahawa sasaran utama golongan wanita khususnya ibu tunggal dan juga mereka yang kurang upaya, uzur perlukan pemeliharaan, penjagaan, dibelai dan juga dibela, dibantu nasib

masa hadapan mereka sama ada dalam bidang ekonomi, dalam bidang kekeluargaan dan sebagainya.

Begitu juga dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab di peringkat akar umbi untuk memastikan bahawa segala rencana, segala rancangan, program dan bantuan dapat disalurkan kepada kumpulan sasaran, menepati kepada maklumat dan *directory* yang lengkap yang menyentuh kumpulan sasaran yang berkenaan.

Saya harap Jabatan Kebajikan Masyarakat ini dapat menampilkan dengan muka dan imej yang baru supaya jabatan ini dapat memperkasakan organisasinya termasuk turun padang, mengemaskinikan segala maklumat supaya maklumat ini menjadi rujukan kepada semua pihak, yang mana kita sedia maklum bahawa selain daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Pusat Pungutan Zakat dan juga Baitulmal memberikan bantuan kepada mereka yang berkenaan. Oleh itu, saya juga mencadangkan supaya dasar atau kriteria serta kadar bayaran kepada golongan sasaran ini dapat dikaji, ditambah kerana dengan kadar yang ada ini, saya fikir tidak memadai.

Yang akhir sekali, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak membangkitkan soal pelaksanaan Akta Kanak-kanak 2001, di mana akta ini telah dilaksanakan dua, tiga tahun yang lepas yang mana saya ingin merujuk kepada satu kes Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri saya rujuk. Tetapi saya dukacita kerana seorang budak atau kanak-kanak istimewa 14 tahun berjalan ke rumah keluarga dari Kuala Selangor ke Hulu Klang tetapi apabila budak ini hendak balik kampung naik bas, tersesat sampai ke Seremban.

Maka, pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Seremban mungkin beranggapan bahawa Akta Kanak-kanak boleh digunakan untuk mengesan ibu dan bapanya. Maka, dalam tempoh yang terlalu singkat, peruntukan dalam akta ini menyebut tempoh 24 jam tetapi jabatan mengambil masa dalam tempoh satu jam mendapatkan perintah Majistret untuk memasukkan budak ini ke Sinar Harapan di Seremban. Maka, setelah ibunya merayu kepada orang ramai melalui TV3, dapatlah dikesan bahawa kanak-kanak ini berada di pusat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, gulung Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Ya, sedikit sahaja, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya mencadangkan oleh kerana terdapat *loophole*, dengan izin, akta ini, maka perkara yang mudah sebab kanak-kanak ini sesat naik bas, bukannya ada kemungkinan kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak, maka kanak-kanak ini terpaksa dihadapkan ke Mahkamah Kanak-kanak. Oleh kerana dalam akta ini tidak ada *clause* untuk diselesaikan masalah ini dalam Kamar Majistret, maka hendak menunggu tarikh perbicaraannya mengambil masa.

Saya berharap kecuaiian atau Pegawai Kebajikan mesti lebih cermat untuk mendapatkan perintah mahkamah untuk menyelesaikan masalah ini. Saya lihat akta ini perlu dipinda kerana tidak ada peruntukan kuasa kepada Menteri ataupun Majistret untuk menyelesaikan masalah yang bukan dalam bidang kuasa akta yang berkenaan. Jadi, saya berharap kementerian dapat membawa pindaan akta yang saya sebutkan tadi ke Parlimen ini untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu. Selepas itu kementerian menjawab.

2.48 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tangga Batu pun turut sama di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini dan akan terus kepada Butiran 040000 – Kebajikan Masyarakat di bawah tajuk Pengurusan iaitu yang pertama sekali ialah berkenaan dengan apabila kita menyebut tentang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kebanyakan daripada kita akan memfokuskan perbincangan kita kepada wanita. Seperti pada pagi ini, kita telah mendengar banyak perbahasan yang membincangkan tentang tajuk ibu tunggal yang mempunyai anak bersekolah, bercerai dan sebagainya. Tetapi, kita lupa bahawa bapa juga adalah sebahagian daripada masyarakat.

Kalau disebut "*Tangan yang menghayun buaian itu akan menggoncang dunia*", kita kena ingat kadang-kadang tangan yang menghayun buaian itu adalah juga merupakan seorang bapa apabila ditinggalkan isteri ataupun isteri meninggal pada waktu yang muda. So, masalah bapa tunggal ini, adakah kementerian memberikan perhatian yang sama beratnya dengan perhatian yang diberikan kepada ibu tunggal.

Apakah data-data ataupun pangkalan data disediakan di pihak kementerian supaya perhatian dapat diberikan kepada bapa-bapa tunggal yang mungkin juga akan menyumbang kepada pembangunan masalah sosial di negara kita.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua, yang saya ingin bangkitkan di sini berkaitan dengan pengurusan iaitu berkenaan dengan pelaksanaan peristiwa ataupun perkara-perkara yang boleh menyumbang kepada kemudahan pihak kementerian untuk melaksanakan tugas iaitu dengan menggunakan badan-badan pertubuhan bukan kerajaan terutamanya di dalam konteks ini adalah badan-badan Majlis Belia Negeri, belia-belia di peringkat kawasan, di peringkat Parlimen dan juga di peringkat daerah di mana kalau kita lihat pada bulan Ramadhan yang lepas, pelbagai pertubuhan bukan kerajaan umpamanya Majlis Gabungan Belia Melaka telah pun mengunjungi tidak kurang daripada 250 rumah di mana isi keluarganya merupakan ibu tunggal, bapa tunggal, kanak-kanak, orang kurang upaya dan sebagainya dan telah pun menyumbang dalam bentuk barangan dan juga wang tunai. Sumbangan ini benar-benar sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada memudahkan tugas-tugas pegawai-pegawai di peringkat kementerian.

Jadi, adakah pihak kementerian sudi untuk menyediakan sedikit peruntukan di dalam peruntukan yang ada ini, di dalam belanjawan ini kepada pihak-pihak yang sanggup menawarkan diri mereka untuk bersama-sama melaksanakan tugas yang mulia ini seperti yang kita biasa dengar dalam Al-Quran dan sebagainya. Apabila kita melakukan perkara-perkara kebajikan ini, kita akan tergolong di dalam golongan orang yang tidak mendustakan agama. *[Membaca sepotong petikan ayat Al-Quran] "Sama-samalah kita berusaha ke arah supaya kita tidak tergolong di dalam golongan orang-orang yang mendustakan agama".*

Seterusnya Tuan Pengerusi, ingin saya bercerita sedikit tentang kawasan saya iaitu, Sekolah Tunas Bakti di kawasan Lereh, Tangga Batu di mana saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kementerian, menterianya telah turun satu ketika dahulu, di dalam bulan April yang lepas di mana kita sama-sama dapat melihat bahawa anak-anak gadis di dalam Sekolah Tunas Bakti ini adalah mereka yang mungkin sebahagian besarnya tidak bernasib baik, terjebak di dalam perkara-perkara yang negatif. Tetapi apa yang berlaku Tuan Pengerusi ialah, kita lihat daripada keadaan persekitaran iaitu *buffer zone* di antara Sekolah Tunas Bakti ini dengan masyarakat, semak samunnya begitu tidak terurus dan ini membayangkan ada

suatu tembok yang besar memisahkan anak-anak gadis yang menginap di Sekolah Tunas Bakti ini dengan pihak masyarakat.

Jadi, harapan saya di dalam Butiran 00701 ini supaya pihak pengurusan, pihak kementerian memerhatikan keadaan ini supaya jangan ada satu halangan fizikal di antara masyarakat dan anak-anak Sekolah Tunas Bakti ini. Sudahlah mereka akan menghadapi satu stigma yang begitu besar apabila mereka keluar nanti, jadi semasa mereka berada di dalam Sekolah Tunas Bakti ini, sama-samalah kita memujuk mereka untuk bersama-sama dengan masyarakat setempat seperti di Lereh, Tangga Batu.

Tuan Pengerusi, begitu juga di dalam Butiran 07081, kawasan Tangga Batu juga mempunyai sebuah Rumah Seri Kenangan yang mana kalau kita dapat lihat rumah ini didiami oleh orang-orang tua yang diserahkan oleh anak-anak mereka dan mungkin juga yang terbiar dan mereka ini, jika kita berikan sedikit tumpuan, kita akan dapat melihat kawasan pembangunan, di sekeliling kawasan Rumah Seri Kenangan ini seolah-olah meninggalkan jauh ke belakang.....

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat, Pasir Puteh bangun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Boleh lagi Tuan Pengerusi? Saya ada satu lagi

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Sedikit, hendak tumpang yang tadi sedikit.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tertarik dengan ayat tadi tetapi tidak *elaborate* sedikit. Sebenarnya ayat "Aro'ai Tal Lazi" ini Tuan Pengerusi, jangan kita keliru, Tuhan copkan kita sebagai berbohong dalam agama kerana kita sembahyang, kita puasa, kita pergi Haji, kita sudah buat amalan baik semuanya, tetapi kita lari daripada tanggungjawab, sebahagiannya ialah diberi contoh dalam itu, lari dari tanggungjawab anak-anak yatim, fakir miskin. Kita tidak buat PPRT, bukan saya hendak kempen, kita tidak buat kemudahan-kemudahan untuk orang miskin, tidak sediakan untuk pekerjaan dan sebagainya. Ini saya rasa, Yang Berhormat setuju atau tidak dengan saya? Apa yang dibuat oleh kita hari ini, BN ialah menyediakan ini supaya kita tidak dicop orang yang berbohong dalam agamanya, terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Begitulah saya hendak sebutkan tadi, tetapi mungkin kelayakan saya kurang sedikit daripada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Jadi semoga kita tidak tergolong dalam golongan yang mendustakan agama dan golongan yang mengherdik anak yatim ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dan juga gulung ucapan itu Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ya, saya gulung Tuan Pengerusi. Akhir sekali, lebih kurang serupa dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut, kita juga perlu memberikan perhatian kepada orang-orang yang kurang siuman ataupun lebih senang kita panggil orang-orang gila ini. Orang-orang kurang siuman ini, dalam satu peringkat kita terpaksa merujuk kepada Kementerian Kesihatan dan dalam peringkat yang lain, kita yakin bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat ini perlu memberikan perhatian kerana ada banyak ketikanya mereka ini sedikit sebanyak menjadi *manners*, menjadi gangguan kepada bukan sahaja orang-orang tempatan bahkan pelancong-pelancong yang datang ke negara kita terutamanya di negeri Melaka yang bersejarah ini.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan daripada kementerian, Setiausaha Parlimen.

2.56 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Pengerusi, sebelum saya memulakan jawapan saya, izinkan saya sampaikan salam dari Yang Berhormat Menteri dan memohon maaf bagi pihak beliau kerana tidak dapat hadir ke Dewan hari ini yang mana dia masih berada di Doha, Qatar menghadiri *International Family Conference*, dengan izin.

Kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan kementerian dan kementerian menerima baik atas semua cadangan dan teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan akan mengambil tindakan yang sesuai terhadap semua pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah menyentuh perkara perceraian dan keprihatinan terhadap kehidupan isteri-isteri dan anak-anak yang berada dalam tempoh proses perceraian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perkahwinan dan Perceraian adalah satu akta di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Namun begitu, kementerian kita sentiasa mengambil inisiatif untuk berbincang dengan mereka dan kita juga terlibat dalam proses meminda akta yang berkenaan. Oleh itu cadangan Yang Berhormat itu, kita akan sampaikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan berbincang dengan mereka. Mengenai menyediakan bantuan pengasuhan untuk ibu tunggal, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JKM di bawah kementerian memang ada bantuan anak-anak kepada ibu-ibu tunggal yang miskin dan menghadapi masalah kewangan.

Yang Berhormat bagi Bukit Gantang mencadangkan kajian semula undang-undang agar hukuman berat tanpa mengira umur dikenakan kepada pesalah rogol. Perkara ini telah pun diambil kira dan

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Puan Chew Mei Fun:merupakan salah satu perkara yang dipertimbangkan.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai bangun, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tadi Yang Berhormat agak terlepas sedikit, fasal saya tidak sempat. Berkenaan dengan bantuan kemiskinan kepada ibu-ibu tunggal. Tadi, kerana banyak orang bercakap, saya tidak diberi peluang, tidak apa tetapi saya hendak mencelah kerana banyak di dalam kawasan-kawasan luar bandar ini kadang-kadang ibu tunggal itu mempunyai lima atau enam orang anak, kematian suami ataupun ditinggalkan suami dan mereka mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tetapi disebabkan kadang-kadang salah seorang dari anak mereka itu bekerja, dapatlah kerja di kilang atau di mana-mana dengan pendapatan yang rendah hanya cukup untuk membantu dirinya sendiri. Bila ini berlaku, dengan sendirinya ibu tunggal

itu telah dihentikan bantuan *welfare* kepada mereka sedangkan tanggungan ibu itu terhadap anak-anak yang lain masih ada. Jadi, apakah RM100 atau RM130 itu begitu bererti bagi kerajaan sedangkan ibu tunggal ini menghadapi masalah. Jadi, saya hendak mencadangkan supaya peraturan, ini bukan undang-undang, ini peraturan, harus kementerian ketepikan.

Kita lihat struktur orang itu, sama ada dia betul-betul susah atau tidak. Kalau kita hentikan itu, ada ibu tunggal, Yang Berhormat, Yang Berhormat menangis depan saya. Saya hendak tolong macam mana, ramai. Jadi, saya minta Yang Berhormat supaya benda ini dipanjangkan kepada Menteri dan juga kepada pegawai kerajaan kerana orang susah ini Yang Berhormat, susah mahu cakaplah, fasal dia orang susah.

Jadi, Yang Berhormat sendiri pun faham, ya, jadi saya minta. Lagi satu Yang Berhormat, baru-baru ini ada seorang ibu, seorang 'atuk', umurnya 90 tahun, mata sudah tidak nampak, telinga okey, cakap okey, hendak dipotong bantuan kerana salah seorang daripada cucunya bekerja. Cucunya pun pergi, dia ditinggalkan macam itu. Ibarat sekarang ini, Yang Berhormat, seorang ibu boleh memelihara 10 orang anak tetapi tidak mungkin 10 orang anak itu boleh memelihara seorang ibu. Inilah masalah yang kami hadapi. Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, banyak-banyak. *[Bercakap dalam bahasa Cina] [Ketawa]*

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jerai. Sebenarnya keputusan yang dibuat oleh Jabatan Kebajikan adalah tertakluk kepada kelayakan mereka. Kalau mereka betul-betul berkelayakan untuk mendapat bantuan, kita akan beri bantuan. Oleh itu, bolehkah Yang Berhormat beritahu *detail*nya boleh kita menjalankan siasatan. Okey.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya! Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Saya rasa selain daripada tunggu, tunggu setiap Ahli dalam Dewan ini untuk mengemukakan maklumat berkenaan mereka yang perlu bantuan daripada pihak kementerian, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada menyatakan akan memberi peruntukan sebanyak RM20,000 kepada setiap Ahli Parlimen, di mana kami boleh secara terus membantu mereka yang miskin, yang

memerlukan bantuan di kawasan masing-masing. Jadi, saya hendak tahu apakah kedudukan perkara ini?

Saya telah telefon pihak kementerian sebab saya ada satu senarai panjang. Ia melampaui batasan kalau kita hendak bantu orang - batasan politik dan kaum. Jadi, apakah kedudukannya, sebab saya baca ada dinyatakan bahawa surat akan dikeluarkan kepada setiap Ahli Parlimen dalam masa dua minggu. Sehingga ini saya tidak terima surat lagi. Jadi, saya hendak tahu, apakah prosedur permohonan? Sebab itu saya bangkitkan untuk semua di dalam Dewan ini, memperingatkan kementerian berkenaan dengan perkara ini. Apakah kedudukan, apakah prosedur permohonan berkenaan peruntukan RM20,000 yang telah diheboh-hebohkan di surat khabar?

Puan Chew Mei Fun: Cara untuk memohon bantuan ini adalah sila serahkan senarai itu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah dan pegawai kita akan menguruskan kalau mereka betul-betul berkelayakan.

Yang Berhormat bagi Bukit Gantang mencadangkan kajian semula

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya! Dia belum puas hati, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Saya dengan secara singkat, mengapa perlu melalui birokrasi lagi? Takkan jumlah yang kecil sedemikian pun tidak boleh dipercayai ahli-ahli, sebab kita boleh nampak ada tabung kesihatan kerana menunggu proses kelulusan, ada yang telah meninggal dunia. Jadi, yang kita hendak bantu ini ialah kes-kes yang kronik, yang begitu serius. Jadi, saya rasa tidak puas hati kalau hanya hendak minta tulis surat, lepas itu tidak ada jawapan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa, Yang Berhormat. Buat dahululah, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: ... kena hantar ke pejabat. Jadi, saya hendak tengok secara terperinci sebab sedap didengar setiap Ahli Parlimen boleh dapat RM20,000, peruntukan untuk kawasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Betul atau tidak? Betul. *[Disampuk]* Jadi, saya bantulah, kurangkan birokrasi, *cut the red tape*, dengan izin.

Puan Chew Mei Fun: Sebenarnya peruntukan RM20,000 ini diberikan kepada semua kawasan Parlimen. Yang Berhormat belum cuba untuk menyerahkan senarai itu, oleh itu tidak patutlah untuk buat satu kesimpulan kerana ada birokrasi. Cuba dahulu, serahkan senarai dan tengok macam mana kita dapat menyampaikan bantuan yang berkenaan itu.

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun : Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Memang birokrasi berlaku di jabatan. Saya ada tulis surat kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada Januari tahun 2003, tetapi jawapan bila kita telefon pada tahun 2003 dan 2004 pun belum dapat layanan oleh Jabatan Kebajikan. Inilah satu hakikat yang berlaku. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh mengambil tindakan terhadap pegawai jika dia tidak menjalankan tanggungjawabnya. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Ini kes spesifik yang mana saya tidak dapat jawab di sini. Saya rasa besar kemungkinannya ia ada sebab-sebab yang tertentu. Yang Berhormat bagi Bukit Gantang mencadangkan kajian semula undang-undang agar hukuman berat tanpa mengira umur dikenakan kepada pesalah rogol. Perkara ini telah pun diambil kira dan merupakan salah satu perkara yang dipertimbangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat bagi mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004. Pandangan daripada orang awam diperolehi sebelum jawatankuasa mengemukakan cadangan dan laporan kepada Dewan Rakyat.

Yang Berhormat bagi Bukit Gantang juga mencadangkan untuk melaksanakan bengkel teknik mempertahankan diri sebagai ganti kepada seminar mempertahankan diri. Kementerian memang dalam usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan seminar dan kursus yang diadakan selama ini. Kaedah penyampaian yang dicadangkan melalui bengkel telah diambil kira, malah ia juga melibatkan kaedah praktikal.

Cadangan mewujudkan kesedaran menghormati wanita bukan sebagai alat seks, sebenarnya kursus-kursus yang dijalankan oleh kementerian atau dijalankan oleh NGO bukan terhad untuk kaum wanita. Tetapi malangnya kaum lelaki sentiasa

anggap program-program yang dianjurkan oleh kementerian adalah terhad untuk kaum perempuan. Untuk makluman Yang Berhormat, RM20 juta bantuan kepada NGO pada 2005 adalah untuk menjalankan program-program kesedaran dan kursus-kursus, termasuk hal ehwal wanita, keluarga, kesaksamaan gender, sosial dan lain-lain.

Mengenai cadangan supaya Pusat Khidmat Kaunseling diperluaskan ke seluruh kawasan Parlimen, Kementerian mengalu-alukan cadangan untuk mewujudkan Pusat Khidmat Kaunseling di seluruh kawasan Parlimen tertakluk kepada beberapa faktor seperti logistik dan juga personel. Walau bagaimanapun, untuk maklumat Yang Berhormat, perkhidmatan para kaunseling telah wujud di setiap Rumah NUR di negeri-negeri.

Mengenai kemudahan kaunseling bagi mangsa jenayah seksual di peringkat daerah, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat daerah seluruh negara. Kaunselor-kaunselor Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan perlindungan kaunseling kepada seluruh ahli masyarakat, termasuk mangsa jenayah seksual yang memerlukan perkhidmatan tersebut.

Mengenai kebanyakan program kementerian tidak banyak memberi manfaat kepada wanita, khususnya ibu tunggal, di cadangkan supaya kementerian menyusun strategi pelaksanaan ke arah program kemahiran seperti bengkel membuat pastri, kek dan sebagainya, bagi membolehkan wanita, ibu tunggal berdikari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan, khususnya kementerian ini, telah mengambil pelbagai usaha dan langkah untuk membantu wanita, termasuk ibu tunggal meningkatkan taraf hidup mereka. Mulai tahun 2001 hingga Disember 2003, kementerian telah mengagihkan peruntukan bantuan khas Perbendaharaan berjumlah melebihi RM43.7 juta kepada 446 buah NGO, termasuk pertubuhan wanita, untuk melaksanakan 577 program pembangunan kapasiti wanita dan keluarga seluruh negara.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3,183,059 telah diagihkan kepada 58 NGO untuk melaksanakan pelbagai program khas untuk ibu tunggal termasuk program-program latihan kemahiran seperti bengkel masakan dan juga program keusahawanan bagi 35,346 ibu tunggal seluruh negara.

Dan juga kita telah menyediakan satu pelan strategi ibu tunggal fasa awal yang mana kita akan menumpukan perhatian dalam program pengukuhan psychology,

Program Peningkatan Kemahiran dan Pendapatan dan Program Peningkatan Kualiti Hidup. Tidak kurang dari 75 jenis program di bawah pelaksanaan ini melibatkan berbagai agensi kerajaan akan dilaksanakan.

Berkenaan pengisian jawatan Pengarah Pembangunan Wanita Negeri, dengan pengisian jawatan Pengarah...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat, ada dua Yang Berhormat bangun Yang Berhormat. Yang mana?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tangga Batu? Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang mana Yang Berhormat hendak beri, Padang Serai dengan Tangga Batu?

Puan Chew Mei Fun: Padang Serai.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Eh?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia beri perempuan dahulu.
[Dewan riuh dengan ketawa]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Wanita, okay. *[Ketawa]*

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak dapat sedikit penjelasan berkenaan dengan latihan yang telah dijalankan oleh kementerian untuk sebanyak 35,000 ibu tunggal. Adakah kementerian mempunyai rekod ataupun satu *follow-up* untuk memastikan ataupun mendapat maklumat sama ada 35,000 ibu tunggal yang telah diberi latihan itu berapa banyak yang dapat memanfaatkan ataupun menggunakan apa yang telah dilatih ini untuk mereka menjalankan hidup mereka ataupun membantu mereka untuk lebih maju lagi daripada apa yang sedia ada. Adakah kementerian mempunyai satu rekod berkenaan itu supaya kementerian boleh buat analisis tentang keberkesanan latihan program ini? Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Kebanyakan program kursus kemahiran ini adalah dijalankan oleh NGO di bawah bantuan kementerian. Oleh itu buat masa kini, kita tidak dapat data yang teliti, namun begitu cadangan dan pandangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi adalah satu cadangan yang baik. Kita akan cuba mendapatkan maklumat-maklumat yang disebutkan oleh Yang Berhormat melalui NGO-NGO yang telah menjalankan program-program berkenaan.

Mengenai pengisian jawatan....

Cik Tan Lian Hoe: Minta penjelasan!

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang mana hendak beri?

Puan Chew Mei Fun: Bukit Gantang!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Wanita dahulu ya.

Beberapa Ahli: Waaah!

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Bukit Gantang, ya, Tangga Batu duduk.

Cik Tan Lian Hoe: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat sedar ataupun tidak kebanyakan kursus yang diadakan berbentuk kemahiran yang dianjurkan oleh NGO di bawah peruntukan Kementerian Pembangunan Wanita ini sebenarnya diadakan dalam satu hari, sepintas lalu sahaja. Sebab itu apabila dalam satu hari ibu-ibu tunggal yang telah menghadiri kursus ini tidak mendapat kemahiran yang sebenarnya, wang dan peruntukkan yang telah digunakan itu saya ingat adalah membazir sahaja sebab ibu tunggal tidak dapat gunakan kemahiran ini untuk mereka berdikari dan menjalankan sama ada dalam bentuk urus niaga mereka ataupun untuk mereka mencari rezeki harian. So, saya harap pihak kementerian dapat melihat ini secara terperinci sebab saya dapati bahawa peruntukan ini sememangnya walaupun diadakan untuk ibu tunggal tetapi tidak membawa manfaat langsung. Sekian terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Tidak boleh dinafikan apabila kita menjalankan program-program atau kursus-kursus kemahiran mungkin ada kelemahannya tetapi untuk maklumat Yang Berhormat bukan semua kursus-kursus yang dijalankan oleh NGO ini hanya dalam satu hari. Ada juga banyak kursus-kursus seperti kursus kraf tangan, kursus-kursus ICT juga dijalankan selama tiga hari. Oleh itu bukan semua menghadapi masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kita akan ambil perhatian tentang perkara ini.

Mengenai perisian jawatan Pengarah

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Puan Chew Mei Fun: *No, no....*Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya mengharapkan apa yang berlaku sebentar tadi bukanlah kerana soalan saya tadi mengatakan ramainya guru besar wanita menyebabkan kemerosotan disiplin di sekolah. Bukan, ya?

Puan Chew Mei Fun: Bukan!

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Bukan kerana itu. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apa yang saya dapati daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai keberkesanan dan kecekapan program-program yang telah dianjurkan oleh pihak kementerian ini adalah amat-amat mendukacitakan kerana dalam keadaan kita berbelanja lebih daripada RM50 juta pihak kementerian tidak mempunyai mekanisme untuk menyemak sejauh manakah keberkesanan dan kecekapan program-program yang telah diaturkan tadi kerana apabila ditanya, Yang Berhormat kata belum ada lagi data-data dan angka-angka setelah lebih kurang mungkin 10 bulan program itu berlangsung. Jadi bolehkah Yang Berhormat Yang Berhormat maklumkan kepada Dewan yang mulia ini apakah bentuk mekanisme yang bakal digunakan untuk menyemak dan mengukur sejauh manakah kecekapan dan keberkesanan program-program bagi membela kaum-kaum ibu tunggal ini, Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Chew Mei Fun: Okay, jawapan tadi saya jawab kita tidak ada data atau kita tidak ada maklumat dengan kes yang spesifik, tetapi semua kursus-kursus atau program-program yang telah dijalankan di bawah bantuan khas kementerian ini semua NGO ini perlu menyampaikan satu laporan dan kita akan *evaluate* laporan dia kalau dia tidak dapat mendatangkan keberkesanan yang memuaskan dan kita tidak akan beri lagi peruntukan kepada mereka untuk mereka menganjurkan lagi kursus-kursus di masa hadapan.

Mengenai pengisian jawatan Pengarah Pembangunan Wanita Negeri berkenaan dengan pengisian....

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua Ahli Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat.

Puan Chew Mei Fun:jawatan Pengarah Pembangunan Wanita...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Petrajaya dengan Sri Aman.

Puan Chew Mei Fun: Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih kepada kawan lama Setiausaha Parlimen. Saya tertarik betul dengan rancangan-rancangan dan bantuan-bantuan yang dihulurkan oleh kementerian Yang Berhormat.

Pertanyaan saya ialah bagaimanakah kementerian Yang Berhormat membantu orang yang memerlukan bantuan ini di Sarawak oleh kerana di Sarawak bantuan adalah di bawah Kementerian Pembangunan Sosial dan di bawah Menteri adalah seorang menteri muda yang menjaga keperluan orang yang memerlukan bantuan. Kadang-kadang saya tidak tahu macam mana bantuan dari persekutuan ini didatangkan kepada sasaran di negeri Sarawak.

Puan Chew Mei Fun: Bantuan Kebajikan Masyarakat ini adalah di bawah *core current list* iaitu dia punya peruntukan dari peruntukan kerajaan pusat (*Federal*) dan juga peruntukan dari negeri. Biasanya bantuan ini akan diagihkan melalui Jabatan Kebajikan Daerah.

Okay, pengisian jawatan Pengarah Pembangunan Wanita Negeri.....

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Petrajaya bangun. Yang Berhormat, dia hendak minta penjelasan.

Puan Chew Mei Fun: Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila Petrajaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Di samping latihan tadi saya masih pada tajuk latihan. Melalui NGO adakah KEMAS termasuk dalam skim kementerian dalam memberi latihan, misal kata KEMAS juga mempunyai bentuk latihan jangka panjang dan jangka pendek baik dalam konteks masakan dan jahitan dan juga kemahiran-kemahiran lain. Di samping latihan, satu lagi diwujudkan ruang dan peluang untuk mereka meneruskan setelah mereka mahir untuk mendapat peluang pendapatan melalui kegiatan ekonomi mereka di mana ada *follow-up action*, dengan izin, untuk membantu ibu-ibu tunggal ini dan juga ibu-ibu yang memerlukan bantuan.

Yang kedua, sama ada definisi ibu tunggal tadi akan disentuh oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebab ibu tunggal pada saya, difahamkan ibu tunggal ialah tafsirannya, ibu yang telah bercerai atau kematian suami. Satu perkara lagi, ibu tunggal, juga tergolong dalam ibu tunggal. Jadi, ibu tunggal ini kalau kita hendak tengok daripada tafsiran undang-undang, misal kata orang kehilangan suami, misal kata nelayan, suaminya pergi ke laut, hilang di laut sebab karam.

Dari segi undang-undang, ianya akan hanya diiktiraf telah mati hanya setelah tujuh tahun. Selepas tujuh tahun, baru kita dapat pergi ke mahkamah, minta pengesahan bahawa suami telah pun meninggal. Sementara pengesahan itu, maka ibu yang tergolong dalam ibu tunggal ini sebab kematian suami yang belum mendapat pengesahan perundangan sebagai mati akan hilang kelayakan untuk mendapatkan bantuan. Misal kata, anak-anak mereka tidak akan dapat bantuan dalam konteks anak yatim, ditempatkan di rumah anak yatim disebabkan mereka belum ada sijil kematian bapa. Jadi mereka tidak layak mendapat bantuan tersebut.

Jadi bagaimana kita hendak menangani isu-isu sedemikian? Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Mengenai kes KEMAS, KEMAS adalah di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan bukan di bawah kementerian kita ini. Oleh itu kita tidak dapat beri apa-apa bantuan. Bantuan khas yang diberikan kepada NGO hanya untuk NGO-NGO yang berdaftar dengan Registrar of Society (ROS). Oleh itu ibu-ibu tunggal, mereka boleh menyertai atau ambil bahagian dalam kursus-kursus yang telah dianjurkan oleh NGO-NGO yang di bawah bantuan kementerian.

Tafsiran ibu tunggal ini seperti apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, semua ini adalah di dalam tafsiran ibu tunggal. Saya rasa amat hairan kerana selalunya bila saya dengar teguran Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi beritahu, kalau ada anak yang bekerja tidak dapat bantuan, kalau suami dia sudah hilang sampai tujuh tahun tidak ditafsirkan sebagai ibu tunggal, tetapi semua masalah ini tidak dihadapi oleh saya bila saya buat surat sebelum saya jadi Setiausaha Parlimen, okey.

Bila saya tulis surat kepada Jabatan Kebajikan, mereka akan tolong rakyat kalau mereka ada kelayakan untuk dapat bantuan. Oleh itu kalau ada perkara-perkara yang begini, sila beritahu dan kita akan cuba beri bantuan.

Yang Berhormat bagi Bukit Gantang membangkitkan perkara mengenai pengisian jawatan Pengarah Pembangunan Wanita Negeri. Untuk makluman Yang

Berhormat, berkenaan dengan pengisian jawatan Pengarah Pembangunan Wanita Negeri, walaupun Jabatan Pembangunan Wanita adalah agensi yang bertanggungjawab terhadap wanita, tetapi pemilihan calon Pengarah Negeri adalah berdasarkan kepada kesesuaian dan kelayakan calon. Ini adalah untuk memastikan calon yang berkebolehan dilantik untuk mengetuai jabatan di peringkat negeri.

Walaupun bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, daripada 13 jawatan Pengarah Negeri, tiga orang daripadanya diisi oleh wanita, empat diisi oleh lelaki, manakala bakinya belum diisi dan dipangku oleh Penolong Pengarah yang terdiri daripada wanita.

Cik Tan Lian Hoe: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang.

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya amat mengharapkanlah bahawa jawatan yang belum diisi itu harap diisikan dengan wanita sebab kebanyakan daripada jawatan dalam jawatan Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita di peringkat negeri, kebanyakannya adalah berurusan dengan wanita. Oleh itu saya amat mengharapkanlah. Cuma kementerian ini sahajalah biarlah pengisiannya lebih kepada wanita. Sekian, terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Cadangan Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh kementerian.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan mencadangkan supaya segala isu mengenai ibu tunggal di semua peringkat di bawah penyeliaan satu agensi sahaja iaitu Jabatan Pembangunan Wanita bagi mengelakkan kes-kes mereka dirujuk kepada pelbagai agensi. Cadangan Yang Berhormat merupakan cadangan yang baik. Namun demikian, visi dan misi kementerian adalah untuk memperkasakan wanita termasuklah ibu tunggal dalam arus perdana pembangunan negara.

Memandangkan isu wanita dan ibu tunggal adalah isu yang merangkumi semua...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Penjelasan.

Puan Chew Mei Fun: ...sektor, maka ia tidak dapat...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum lagi, Yang Berhormat.

Puan Chew Mei Fun: ...diselesaikan oleh satu agensi sahaja. Program Pembangunan Wanita termasuk ibu tunggal pula dijalankan oleh semua kementerian

atau agensi dalam bidang khusus masing-masing. Misalnya Program Latihan dan Kredit untuk ibu tunggal yang ingin menceburi bidang keusahawanan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Namun demikian, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai Jabatan Pembangunan Wanita peringkat kebangsaan bertanggungjawab menyelaras isu dan masalah ibu tunggal termasuklah pelaksanaan program penyelesaian kepada masalah-masalah tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin penjelasan mengenai satu keputusan ataupun satu persetujuan yang dibuat lebih kurang lima atau enam bulan yang lalu di Kabinet di mana Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengatakan bahawa untuk memperkasakan pembangunan wanita, akan diadakan dasar Tele-Kerja dan *Home Office* secara besar-besaran di seluruh negara dan kerana tenaga kerja wanita di Malaysia masih tidak dapat digembleng ke arah pembangunan ekonomi.

Sejauh manakah rancangan itu telah berjaya dilaksanakan, bila ia akan dilaksanakan dan apakah hala tujunya? Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Pihak kerajaan telah bersetuju untuk memperkenalkan konsep bekerja dari rumah atau dengan izin, *Home Office*, sebagai satu cara kerja alternatif kepada masyarakat Malaysia, khususnya bagi golongan wanita, orang kurang upaya dan warga emas. Konsep *Home Office* ini merujuk kepada orang yang bekerja di rumah sendiri.

Mereka mungkin mempunyai syarikat sendiri ataupun mempunyai pekerjaan dengan sesebuah syarikat tetapi tidak berada di premis pejabat majikan dalam melaksanakan kerja harian mereka. Kini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk merangka garis panduan permohonan lesen *Home Office*, dengan izin, yang seragam untuk digunakan oleh semua pihak berkuasa tempatan di seluruh Malaysia.

Tindakan ini melibatkan aspek mengkaji dan menyediakan syarat serta peraturan yang perlu dikenakan oleh PBT ke atas premis yang digunakan untuk *Home Office*. Sehubungan itu, tarikh melaksanakan konsep bekerja dari rumah atau *Home Office*, dengan izin, akan ditetapkan selepas garis panduan dan syarat yang

dinyatakan tadi siap sepenuhnya. Adalah dijangka konsep *Home Office* dapat dilaksanakan pada tahun 2005

Yang Berhormat bagi Batu Gajah membangkitkan isu mengenai wanita dan HIV/ AIDS, LPPKN sedang bekerjasama dengan NGO seperti Majlis AIDS Malaysia dan Persatuan-persatuan Perancangan Keluarga (FFPA) untuk meningkatkan program pendidikan kesihatan *reproductive*. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk pembangunan modul pendidikan, pewujudan pusat perkhidmatan remaja di LPPKN, Kompleks Kasih dan tempat awam, dan juga pelaksanaan kursus latihan untuk remaja.

Di peringkat antarabangsa, LPPKN sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan, Persatuan-persatuan Perancangan Keluarga (SSPA) serta Universiti Malaya dalam projek kesihatan *reproductive* di bawah kerjasama negara Selatan-Selatan. Program PROSTAR di bawah Kementerian Kesihatan adalah salah satu komponen dalam projek.

Mengenai pendidikan *sexuality*, forum *consultative* akan diadakan untuk mendapatkan pandangan dari NGO-NGO, persatuan-persatuan dan profesional berkenaan yang tertentu. Satu *opinion pore* dan e-forum mengenai pendidikan *sexuality* di laman *web* telah pun diadakan. 79% orang bersetuju manakala 21% tidak bersetuju. Pendidikan *sexuality* atau kesihatan *reproductive* ini adalah satu perkara yang penting dan kompleks yang melibatkan banyak pihak termasuk Kementerian Pelajaran, sekolah dan pihak keluarga. Sebelum melaksanakan mestilah melalui proses *consultative* dan apakah isi kandungan yang sesuai dan bukan sahaja mendatangkan kebaikan kepada pelajar dan juga tidak menimbulkan masalah yang tidak diinginkan. Selain daripada itu, kita juga mesti memastikan ada guru yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam bidang ini adalah mencukupi.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Yang Berhormat bagi Seputeh membangkitkan mengenai khidmat sokongan dan kemudahan kepada ahli sukan yang mewakili negara supaya kebajikan mereka dijaga. Bagi atlet OKU, mulai 2003 telah diuruskan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang telah memperoleh kejayaan di peringkat antarabangsa Kementerian Belia dan Sukan ada menyediakan insentif untuk tujuan itu. Cadangan akan dibuat kepada Kementerian Belia dan Sukan sebagai kementerian

yang bertanggungjawab untuk menyediakan bantuan sokongan atau kemudahan yang diperlukan.

Mengenai bantuan kewangan NGO yang menyediakan perlindungan penjagaan kepada warga tua dan kanak-kanak perlu dipertimbangkan demi kebajikan penghuni. Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan kewangan kepada NGO boleh dipertimbangkan berdasarkan kepada permohonan daripada NGO yang memerlukan dan memenuhi syarat kelayakan seperti:

- (i) berdaftar dengan pendaftar pertubuhan iaitu ROS;
- (ii) kumpulan sasar dan objektif pertubuhan adalah selaras dengan kementerian.

Setakat ini sejumlah 202 NGO diberi geran oleh kementerian setiap tahun dengan jumlah lebih kurang RM12 juta. Di bawah Bajet 2005, geran penyelenggaraan program atau perkhidmatan institusi atau pusat jagaan harian kanak-kanak OKU dan warga tua oleh pertubuhan sukarela telah dinaikkan daripada RM3.90 sehari seorang kepada RM8 sehari seorang.

Cadangan untuk menaikkan kadar bantuan kepada golongan sasar yang dianggap sangat rendah. Untuk makluman Yang Berhormat kadar bantuan kebajikan telah pun dinaikkan pada Januari 2001. Oleh itu, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar tersebut. Kadar tersebut telah dinaikkan sebanyak 33.3% untuk semua jenis bantuan, contohnya bantuan elaun pekerja cacat dinaikkan 100% iaitu dari RM100 kepada RM200. Bantuan kanak-kanak dari RM60 kepada RM80. Bantuan warga tua dari RM100 kepada RM135.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Minta penjelasan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sekarang soalnya adalah walaupun bantuan ini telah pun dinaikkan tetapi bila Yang Berhormat kata RM80 itu adalah untuk sebulan. Sebulan sebanyak RM80 tidak cukup untuk makanan seorang kanak-kanak ataupun seorang yang cacat. Jadi adalah menjadi harapan dan juga permintaan ramai orang cacat dan juga golongan yang miskin bahawa bantuan ini diharapkan boleh dinaikkan lagi supaya sejajar dengan inflasi dan juga harga barangan yang semakin naik sekarang.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Saya di sini ingin mengambil perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat. Negara kita ini bukan negara *wealth state*. Kita akan *review* kadar bantuan ini dari masa ke semasa. Tetapi apa yang perlu kita maklumkan juga bukan sahaja kita boleh memberi bantuan secara

wang tunai, tetapi kita juga harus memberi bantuan dalam bidang kemahiran supaya kita dapat membantu mereka berdikari.

Oleh itu walaupun kita sedar kadar itu, berapa jumlah pun yang kita naikkan tidak akan cukup, kalau kita tidak beri bantuan kepada mereka supaya mereka dapat berdikari. Oleh itu kita akan *review* dari masa ke semasa.

Untuk menggalakkan agensi menubuhkan Taska di tempat kerja. Jabatan Kebajikan Masyarakat memang menggalakkan agensi kerajaan dan swasta menubuhkan Taska di tempat kerja dan kerajaan memberi pelbagai insentif seperti RM50,000 untuk setiap Taska di jabatan kerajaan. Taska ini juga tidak perlu memohon menukar syarat untuk menggunakan ruang. Pihak swasta yang menubuhkan Taska diberi pengecualian cukai 10% ke atas kos keseluruhan pembinaan Taska bagi tempoh 10 tahun. Buat masa kini Taska kerajaan jumlahnya adalah 86 buah dan Taska swasta sebanyak 26 buah.

Pinjaman untuk ibu tunggal untuk menjalankan perniagaan tanpa *interest* dengan izin. Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi bantuan kewangan atau geran perancangan sebanyak RM2,700 sekali gus untuk membantu ibu tunggal menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan. Bantuan ini diberikan kepada ibu tunggal yang layak iaitu berpendapatan kurang daripada RM500 bersesuaian dengan minat dan kebolehan penerima bantuan berkenaan.

Yang Berhormat bagi Mambong mencadangkan supaya menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan bagi OKU yang telah mengikuti latihan perindustrian. Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menyediakan pegawai penempatan kerja untuk membantu dalam hal ini. Walau bagaimanapun, sokongan dan kerjasama daripada Kementerian Sumber Manusia dalam menggalakkan pengambilan OKU sebagai pekerja adalah diperlukan.

Yang Berhormat bagi Tebrau membangkitkan isu sumbang mahram. LPPKN telah membangunkan modul pendidikan siri Kasih yang sedang dilaksanakan untuk pelbagai kumpulan sasar seperti ibu bapa, bakal pengantin dan remaja. Modul bertajuk 'Pancaran Kasih' mengenai kebapaan termasuk dalam program pendidikan tersebut khasnya untuk kaum bapa supaya mereka memahami tugas dan tanggungjawab seorang bapa serta pentingnya penjagaan, perlindungan anak mereka. Yang Berhormat Tebrau juga membangkitkan apakah sumbangan warga tua yang

telah berjasa kepada negara. Peranan golongan warga tua dalam pembangunan negara perlu difikirkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui kementerian sudah menyediakan Dasar Warga Tua Negara dan Pelan Tindakan Warga Tua Negara yang bertujuan untuk menentukan kebajikan dan kesejahteraan warga tua dijamin serta menentukan mereka ini dapat terus menyumbang kepada keluarga, masyarakat, dan negara. Pelan tindakan yang melibatkan penglibatan pelbagai agensi yang berkaitan menetapkan program dan aktiviti yang perlu dilaksanakan dalam mencapai matlamat Dasar Warga Tua Negara.

Antara program yang dicadangkan adalah Pusat Jagaan Harian Warga Tua di mana warga tua yang masih aktif boleh mengisi masa lapang mereka dengan mengikuti aktiviti riadah kesihatan, dan khidmat sukarela. Sebanyak 19 buah pusat dirancang dalam Rancangan Malaysia Kelapan di mana 15 buah telah siap dan beroperasi.

Yang Berhormat bagi Penampang membangkitkan isu mengenai pembangunan negara yang menjejaskan golongan miskin, ...

Tuan Teng Boon Soon: [*Bangun*]

Puan Chew Mei Fun: .. masalah tanah orang miskin, penglibatan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat ...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat

Puan Chew Mei Fun: dalam pembangunan daerah.

Tuan Teng Boon Soon: Minta penjelasan tentang dasar negara warga tua. Soalan saya adakah kementerian bercadang merangkakan undang-undang untuk mewajibkan anak-anak menjalankan tugas mereka sebagai anak untuk memberi perlindungan kepada ibu bapa apabila mereka tua. Khasnya kepada ibu bapa yang tidak berkemampuan berdikari dari segi ekonomi. Jadi, adakah kita hendak memikirkan mengadakan undang-undang untuk menjamin bahawa warga tua diberi perlindungan oleh anak-anak mereka?

Puan Chew Mei Fun: Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini kita belum ada cadangan begini.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Penampang, untuk makluman Yang Berhormat soalan pemilikan tanah adalah di bawah bidang kuasa negeri, bukan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jabatan Kebajikan

Masyarakat di peringkat negeri dan daerah memang memainkan peranan menyokong dalam permohonan ke agensi berkenaan. Pegawai Kebajikan Masyarakat memang menjadi Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah.

Isu yang berkaitan dengan jabatan ditubuhkan di peringkat jawatankuasa berkenaan. Sekarang kerajaan juga sudah mewujudkan satu dasar sosial negara dan taklimat kepada kerajaan negeri telah pun dibuat untuk memastikan pelaksanaan dasar sosial negara di mana agenda sosial dibincangkan dalam Jawatankuasa Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ketua Menteri dan juga di peringkat daerah. Ia juga melibatkan agensi lain dalam menangani isu sosial semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Rembau buat masa ini sememangnya terdapat para kaunselor yang dilantik oleh pihak kementerian yang terdiri dari pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan dan Ahli-ahli NGO. Cadangan Yang Berhormat ini merupakan cadangan yang baik, oleh itu pihak kementerian akan terus memperluaskan usaha ini agar lebih ramai pemimpin masyarakat dilantik sebagai para kaunselor.

Yang Berhormat bagi Larut [*tersalah sebut sebagai Lalut*] membangkitkan masalah di mana urusan pembelian bantuan kewangan yang telah diluluskan tidak ada tindakan selepas sekian lama. Prosedur membina....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh saya betulkan sikit? 'Larut', bukan 'Lalut'. [*Ketawa*]

Puan Chew Mei Fun: Larut. *Okay, sorry.* Prosedur memberi bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dikemaskinikan mengikut ISO 2001. Kesemua permohonan bantuan akan diambil tindakan dalam tempoh satu bulan. Walau bagaimanapun, jabatan akan memantau dan mengambil tindakan susulan bagi permohonan yang dikatakan mengambil masa yang begitu lama. Oleh itu silalah Yang Berhormat beritahu secara *detail* supaya kita dapat mengambil tindakan selanjutnya.

Mengenai masalah pengemis perlu dikawal di premis perniagaan....

Puan Lim Bee Kau: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Padang Serai.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya hendak mendapatkan sedikit lagi penjelasan ataupun mungkin satu cadangan. Kita dapati bahawa selalunya bantuan-bantuan ataupun bila berlakunya

bencana dan kita hendak memberikan bantuan kepada mangsa yang terlibat, semuanya adalah dikendalikan oleh Pejabat Daerah. Pejabat Daerah yang membuat siasatan, membuat permohonan dan sebagainya, tetapi masalahnya kelulusan selalunya adalah di bahagian pihak negeri. Jadi, daripada daerah mereka kena hantar kepada Pengarah Negeri dan negeri juga akan mengambil sedikit masa untuk meluluskan dan turun semula kepada daerah.

Bolehkah kementerian mengadakan satu kaedah di mana Pejabat Kebajikan di Daerah ini boleh diberikan kuasa untuk sekian banyak perbelanjaan di mana daripada daerah sendiri. Kalau mereka memenuhi syarat-syarat yang telah diadakan, maka kalau amaun itu tidak melebihi kuasa yang diluluskan secara terus menerus Pejabat Daerah itu boleh atau Pejabat Kebajikan Daerah itu boleh melaksanakannya. Dengan cara itu mungkin kita boleh mengatasi sebahagian besar daripada masalah kelambatan mendapatkan bantuan ini. Jadi, saya minta pandangan daripada Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Bantuan bencana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu biasanya di bawah peruntukan kerajaan negeri. Untuk menangani masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ini adalah mengapa kita telah menyediakan peruntukan RM20 ribu untuk menangani masalah ini.

Yang Berhormat bagi Larut membangkitkan masalah pengemis perlu dikawal di premis perniagaan kerana didapati semakin bertambah. Salah satu usaha untuk mengawal aktiviti pengemis adalah melalui penguatkuasaan Akta Orang-orang Papa 1977. Walau bagaimanapun, akta ini akan disemak semula untuk mengkaji kemungkinan menjadikan aktiviti mengemis sebagai satu kesalahan. Di samping itu tindakan yang kami ambil adalah operasi bersepadu menyelamatkan pengemis atau kutu rayau bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Polis, Jabatan Imigresen.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan, Larut minta penjelasan.

Puan Chew Mei Fun: Biar saya habiskan dahulu. Program *advocation* untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai implikasi memberi sedekah inilah yang menggalakkan pengemisan. Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berapa lama hendak semak? Kita takut nanti semak tidak habis, wang

rakyat Malaysia pun dikebas dibawa balik. Itulah pandangan secara kasar. Macam saya katakan tadi kenapa kita tidak melihat penguat kuasa yang ada kita pinjamkan dahulu. Sebab mengemis ini satu penyakit sosial yang boleh menjadi teladan yang tidak baik kepada generasi yang akan datang. Nanti dia kata buat apa belajar tinggi-tinggi, kalau sudah dapat sampai RM8,000, umpamanya. Ini depan mata saya dengan Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Kita sendiri melihat, cukup menjelik mata. Jadi kalau boleh Yang Berhormat satu hari kita bawa pergi *round* boleh tidak, melihat bagaimana taktik yang digunakan. Jadi saya rasa kalau boleh bagi sampai hujung tahun ke, *time frame* bila hendak dikuatkuasakan sebagai satu kesan mengemis, kerana kita tidak mahu kesempatan ini diambil oleh semua pihak tertentu untuk mengaut keuntungan. Akhirnya bukan sahaja merugikan rakyat, tetapi ini satu contoh teladan yang tidak baik kepada generasi yang akan datang, okey. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Untuk semak satu akta, bukanlah perkara yang senang. Oleh itu apa yang saya boleh jawab hanya kita akan cuba sedaya upaya untuk mempercepatkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila habiskan jawapan dalam lebih kurang 10 minit.

Puan Chew Mei Fun: Banyak lagi Tuan Pengerusi. Tidak apa. *I'll try*. Okey. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang membangkitkan isu pemberian bantuan kepada mereka yang tidak layak. Jabatan akan sentiasa memantau keadaan ini. Setakat ini jabatan sudah mempunyai satu cara pemantauan di mana kaji semula semua penerima bantuan setiap enam bulan atau 12 bulan sekali mengikut kategori bantuan. Jabatan akan membuat siasatan terhadap kes-kes penerima bantuan yang tidak layak.

Mengenai isu mencadangkan agar kementerian menimbangkan untuk memberi keistimewaan kepada wanita yang bekerja dengan kerajaan yang kematian suami seperti memberikan cuti bergaji penuh sehingga habis *edah* bagi wanita Islam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua keistimewaan yang diberikan kepada semua pegawai dan kakitangan turut dinikmati oleh kaum wanita. Contohnya balu yang kematian suami akan terus mendapat pencen bekas suami walaupun beliau berkahwin semula. Selain itu, cuti bagi suami-suami yang isteri mereka bersalin telah ditambah dari 3 hari kepada 7 hari. Yang Berhormat bagi Batu Pahat...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Minta laluan

Puan Chew Mei Fun:...membangkitkan pusat..

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang Berhormat, minta laluan.

Puan Chew Mei Fun: Saya ada...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sedikit sahaja, penjelasan yang tadi, masih tidak jelas. Saya kata tadi bagi wanita Islam diberi peluang cuti bergaji penuh sehingga selesai *edah* iaitu 3 bulan 10 hari, dan bagi wanita bukan Islam pun saya rasa sesuai apabila diberi bergaji penuh juga kerana mereka ini walaupun tidak termasuk dalam *edah* tetapi bagi peluang mereka itu untuk bertenang fikiran, dan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh keluarga mereka.

Kemudian apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan pemberian telah diberi kepada wanita seperti cuti daripada 3 kepada 7 hari, cuti bersalin daripada sebulan kepada 2 bulan. Itu tidak membangkit. Yang saya hendak sebutkan ialah perkara-perkara yang tidak menyentuh ataupun implikasi kewangan yang tidak begitu banyak kerana tidak ramai mereka yang kehilangan ataupun kematian suami semasa bekerja, tidak ramai. Seluruh Malaysia kalau kita kira setiap tahun pun berapa sahaja. Itu maksud saya.

Kemudian semakan tadi pula, satu lagi semakan. Sebahagian besar negeri-negeri telah membuat pemutihan, saya tahu macam seperti Kelantan, Terengganu dia membuat pemutihan. Makna semak seluruh sekali, semua sekali di semak kembali orangnya layak atau tidak layak. Kemudian tadi Yang Berhormat ada sebut setahun sekali membuat semakan orang-orang yang layak, tidak layak. Saya rasa semakan ini perlu juga diambil kira pandangan-pandangan daripada masyarakat, ketua masyarakat setempat. Umpamanya daripada ketua-ketua kampung, penghulu ataupun imam-imam yang boleh membantu pegawai masyarakat. Setakat ini saya rasa, masih ada *loophole*, kelemahan-kelemahan di dalam pentadbiran Kebajikan Masyarakat sewaktu hendak menyemak kembali mereka yang telah hilang kelayakan daripada menerima bantuan-bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Puan Chew Mei Fun: Cadangan Yang Berhormat adalah cadangan yang baik, kita akan ambil perhatian. Mengenai cuti dan perkara cuti itu, ini melibatkan kementerian yang lain yang kita perlu berbincang dengan kementerian yang lain.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat mengenai pusat-pusat pemulihan untuk orang kurang upaya *Down Syndrome*. Jabatan menyediakan pusat pemulihan orang kurang upaya akal dan fizikal iaitu Taman Sinar Harapan dan Pusat Latihan

Perindustrian dan Pemulihan Bangi. Di samping itu jabatan juga menyediakan pusat-pusat Pemulihan Dalam Komuniti di peringkat daerah dan mukim. Pemulihan Dalam komuniti menyediakan program pemulihan dan pembelajaran bagi semua kategori kecacatan termasuk *Down Syndrome*. Terdapat 293 buah PDK di seluruh negara yang sedang beroperasi dan lebih 7,000 orang kanak-kanak dapat menikmati faedah.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat mencadangkan supaya KWKM mengadakan program kepada suri rumah tangga supaya dapat melaksanakan kerja-kerja yang dilakukan di rumah. Tadi saya sudah jawab apabila Yang Berhormat bagi Cameron Highlands menyoal.

Mengenai isu mencadangkan supaya Mahkamah Keluarga direalisasikan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan Jabatan Peguam Negara, Jabatan Pendaftaran Negara serta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ke arah pelaksanaan Mahkamah Keluarga. Beberapa langkah telah diambil seperti menubuhkan Jawatankuasa Teknikal bagi mengkaji Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976.

Yang Berhormat bagi Pendang membangkitkan perkara OKU yang ditempatkan di pusat pemulihan...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Puan Chew Mei Fun:di jadikan pekerja yang dapat mengeluarkan hasil kerja tangan pembuatan yang dapat mendatangkan pendapatan. Untuk makluman Yang Berhormat..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat....

Puan Chew Mei Fun: ...penempatan OKU di pusat pemulihan kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah untuk membolehkan mereka menguruskan diri sendiri ke arah berdikari. Sekiranya kesesuaian....

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Minta penjelasan.

Puan Chew Mei Fun:...dan mengikut keupayaan dan potensi yang ada...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat....

Puan Chew Mei Fun: Saya habiskan dahulu, okey. Mereka akan ditempatkan di bengkel terlindung yang menyediakan program latihan, kemahiran dan pekerjaan seperti pembuatan perabot, jahitan, pembuatan beg, pagar dawai dan selainnya. Terdapat dua bengkel terlindung di bawah kelolaan jabatan dan 16 di bawah NGO di seluruh negara.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih. Saya berbalik semula kepada Mahkamah Keluarga. Mahkamah Keluarga ini kalau tidak silap saya sudah lama dibincangkan. Memang saya tidak menafikan bahawa ia merupakan satu program, satu pembentukan yang bukan dibuat secara membuta tuli dan melibatkan sistem kehakiman dan sebagainya. Jadi saya cuma hendak pasti bila agak-agaknya benda ini akan dijadikan satu kenyataan. Sebab benda ini merupakan satu perkara yang penting dalam kita menghadapi masalah-masalah yang melibatkan keluarga, melibatkan perkahwinan, cerai dan sebagainya supaya kita dapat mengelak berlakunya ibu-ibu tunggal yang dinyatakan menimbulkan masalah dalam masyarakat kita.

Tuan Pengerusi: Ringkaskan jawapan.

Puan Chew Mei Fun: Ya, tindakan ini sedang dijalankan dan beberapa mesyuarat telah diadakan dan ini tertakluk kepada macam mana keputusan yang akan dibuat dan kita akan cuba dan memang hasrat kita untuk mempercepatkan. Yang Berhormat bagi Pendang, mengenai keluarga yang mempunyai anak kurang upaya yang teruk kekal, Jabatan Kebajikan Masyarakat memang prihatin terhadap keluarga yang mempunyai masalah ini. Walau bagaimanapun, JKMM mempunyai skim bantuan yang boleh diberikan kepada mereka.

Di samping itu khidmat sokongan kepada keluarga berkenaan juga disediakan. Yang Berhormat bagi Rembau mencadangkan agar kementerian mewujudkan data yang lengkap untuk ibu tunggal. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang dalam proses merancang dan menggubal dasar yang bersesuaian untuk pembangunan ibu tunggal. Sehubungan itu, data-data mengenai ibu tunggal sedang dilaksanakan melalui kaedah pendaftaran di seluruh negara untuk mendapatkan jumlah dan kita akan menyediakan satu profil mereka. Data-data tersebut sedang dimasukkan ke dalam pangkalan data kementerian bagi memudahkan perancangan program dan aktiviti-aktiviti khususnya untuk ibu tunggal. Mengenai program khusus kepada suri rumah, ya ini sudah dijawab.

Tuan Pengerusi: sudah habiskah Yang Berhormat.

Puan Chew Mei Fun: Ya, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, sehingga ini sebuah Dewan Nur telah pun siap dibina iaitu di Shah Alam manakala Dewan Nur bagi kawasan-kawasan Parlimen lain ianya sedang dalam proses untuk mendapat dan menyediakan premis tersebut.

Mengenai Akta Kanak-kanak, kita juga tidak dapat menafikan mungkin ia ada kelemahan dan kita akan ambil perhatian mengenai cadangan Yang Berhormat. Mengenai kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, sewajarnya kes bantuan bagi wanita warga tua ini boleh dipertimbangkan bantuan orang tua dengan kaedah RM135 sebulan.

Oleh itu diminta Yang Berhormat mengemukakan butiran kes, supaya kes ini dapat disiasat dan tindakan sewajarnya dapat diambil. Secara keseluruhannya, pengurusan pemberian bantuan akan dipantau dan dipertimbangkan demi kebajikan dan kesejahteraan golongan yang memerlukan khususnya golongan warga tua.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak ada, tidak payah.

Puan Chew Mei Fun: Ya, saya ingat saya sudah jawab semua. Oleh itu sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM407,815,200 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM407,815,200 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM56,429,300 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM56,429,300 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

**Maksud B.49 [Jadual] –
Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

Tuan Pengerusi: Kementerian Pengajian Tinggi. Kepala Bekalan B.49 dan Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi terbuka untuk dibahas. Sekarang ada Usul.

USUL**Meminda Jadual Mengikut Peraturan Mesyuarat 66 (9)****4.05 ptg.**

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, saya kemukakan usul yang di hadapan meja, notis sudah diberi.

Tuan Pengerusi, sepanjang lebih 30 tahun saya di Parlimen, saya pernah mengemukakan banyak usul memotong gaji RM10 dalam Dewan ini semasa peringkat Jawatankuasa perbahasan bajet tahunan dengan tujuan merekod dengan rasmi protes atau kutukan terhadap berbagai skandal kecuiaan atau kegagalan kementerian yang perlu dipikul tanggungjawabnya oleh Menteri yang berkenaan sama ada secara peribadi atau dalam kapasiti sebagai ketua kementerian.

Saya mesti mengakui di sini tidak pernah saya merasa begitu berat hati, begitu enggan untuk mengemukakan suatu Usul memotong gaji RM10 terhadap Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi kerana beliau merupakan simbol seorang yang berbudi bicara, berbudi bahasa, tekun, bertanggungjawab dan berintegriti. Seorang Menteri yang bersih dan bagus. Sebenarnya saya merasa amat sedih kerana terpaksa mengemukakan kecaman kali ini menerusi usul potong gaji RM10.

Walau bagaimanapun, sebagai seorang Ahli Parlimen memang merupakan tanggungjawab saya yang telah mengambil sumpah untuk mempertahankan kepentingan negara dan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama, kelas atau kecenderungan politik, ini telah memaksa saya berdiri di Dewan hari ini untuk mengemukakan usul potong gaji RM10 yang tidak popular ini terhadap seorang Menteri yang begitu popular.

Pokok usul ini adalah mengenai dua kenyataan dasar yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di Perhimpunan Agung UMNO bulan September lepas di mana beliau telah mengatakan selagi beliau memegang jawatan Menteri Pengajian Tinggi, pertama, beliau tidak akan membenarkan seorang pun pelajar bukan bumiputera masuk belajar di UiTM dan beliau tidak akan berkompromi atas isu ini.

Kedua, sungguhpun sistem meritokrasi telah diperkenalkan ke atas sistem pengambilan pelajar universiti, beliau akan memastikan bahawa pelajar bumiputera

akan sentiasa menduduki lebih dari 50% jumlah tempat di universiti seperti mana yang ditetapkan dalam sistem kuota yang lama.

Rakyat Malaysia sungguh terperanjat dengan kedua-dua kenyataan dasar ini khasnya kedengaran dari mulut Yang Berhormat Menteri dan juga kerana implikasi yang jauh dan mendalamnya terhadap pembinaan negara Wawasan 2020 dan konsep bangsa Malaysia. Daya saingan antarabangsa kita serta keupayaan kita untuk menghadapi cabaran globalisasi, liberalisasi dan ICT. Saya faham perasaan kecewa dan putus asa Yang Amat Berhormat Menteri telah dikalahkan di dalam pilihan raya parti Majlis Tertinggi UMNO yang menunjukkan bahawa kualiti-kualiti yang terserlah pada dirinya berbudi bicara, tekun, bertanggungjawab, integriti, seorang Menteri yang bersih dan bagus tidak dianggap sebagai kualiti yang penting di dalam UMNO. Dalam pilihan raya parti Majlis Tertinggi UMNO yang telah tenggelam di dalam satu *orgy* politik wang. Ini merupakan satu yang sungguh memalukan bagi UMNO, bagaimanapun ini bukanlah sebab alasan atau justifikasi untuk Yang Berhormat Menteri cuba mencari populariti dan menggadaikan kepentingan nasional dan masa depan negara dengan membuat kenyataan-kenyataan yang keras dan ekstrim yang telah menjadikan subjek usul potong gaji RM10 hari ini kerana beliau seharusnya berdiri tegas dan terus menjadi contoh seorang yang bersikap sederhana, berasional dan berpegang kepada *common sense* yang sempurna tanpa mengira akibatnya seperti dikalahkan di dalam pilihan raya Majlis Tertinggi UMNO.

Kedua-dua kenyataan Yang Berhormat yang berkenaan adalah sungguh memeranjatkan dan tidak dapat dipertahankan atas sebab-sebab yang berikut. Pertama, bertentangan dengan penekanan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyeru supaya rakyat Malaysia menganggap mereka sendiri sebagai rakyat Malaysia dan bukanlah terikat oleh fikiran sempit sesuatu kaum atau agama sebagaimana yang beliau katakan dalam mesej Hari Merdekanya yang saya petik *“Marilah kita semua rakyat Malaysia tanpa perlu rasa rendah diri, tanpa perlu rasa terpinggir, tanpa mengira bangsa dan agama bangun menjadi negarawan di bumi sendiri. Kita semua adalah sama, kita semua rakyat Malaysia, tidak ada individu di negara ini yang diiktiraf lebih Malaysia daripada individu yang lain”*.

Kedua, menjejaskan keyakinan masyarakat dalam dan luar negeri terhadap komitmen Malaysia untuk menjadi sebuah negara pusat kecemerlangan akademi antarabangsa di mana sistem meritokrasi untuk pengambilan pelajar di universiti

dikompromikan bukan sahaja dengan dua jenis sistem pemeriksaan yang berbeza ialah STPM dan matrikulasi tetapi juga perlu mematuhi sistem kuota pengambilan 55% pelajar bumiputera.

Ketiga, menjejaskan program kerajaan sendiri untuk menghentikan sindrom subsidi dan mentaliti tongkat yang telah mencipta hasil yang memudaratkan sebagaimana yang telah didedahkan di Parlimen minggu lepas bahawa lebih daripada 90% graduan yang menganggur adalah bumiputera. Satu cara untuk menyediakan pelajar-pelajar bumiputera untuk menghadapi cabaran pasaran dan mempertingkatkan daya saingan antara bangsa negara kita sebenarnya adalah dengan mendedahkan pelajar-pelajar bumiputera kita kepada persaingan yang sebenarnya, sebaik-baiknya dari peringkat sekolah dan universiti lagi. Saya rasa adalah bagus untuk para pelajar UiTM sekiranya pelajar bukan bumiputera diserap ke dalamnya dan membantu mempertingkatkan daya saing para pelajar di samping melonjakkan lagi proses pembinaan negara kita.

Malaysia masih perlu berusaha lebih lagi untuk menjadikan pusat akademi cemerlang dengan sekurang-kurangnya tiga ke lima universiti Malaysia diiktiraf dunia sebagai antara 50 universiti terbaik di dunia pada tahun 2008.

Awal bulan ini, *The Times Higher Educational Supplement* telah menerbitkan senarai 200 universiti terbaik di dunia. Sungguh pun Yang Berhormat Menteri pernah berkata beliau berpuas hati kerana dua universiti Malaysia telah disenaraikan iaitu Universiti Malaya di tempat yang ke 89 dan Universiti Sains Malaysia di tempat yang ke 111, kita haruslah bercita-cita lebih tinggi dan berusaha meletakkan ke lima-lima universiti tempatan kepada senarai 50 atau 60 universiti terbaik dunia.

Pada masa kini, tidak ada sebuah universiti tempatan yang dianggap sebagai universiti bertahap dunia di dalam *ranking* 50 atau 60. Sekiranya Singapura melihat dua universitinya disenaraikan di dalam *ranking* 50 atau 60 ke atas dan National University di Singapura disenaraikan sebagai menduduki tempat yang ke 18 sementara Australia dikenali sebagai penjana pendidikan tinggi di rantau Asia-Pasifik dengan enam universiti yang disenaraikan di tempat 50 ke atas atau 8 universiti disenaraikan dalam enam universiti ke atas, bukankah Malaysia harus berusaha dan memastikan bahawa universiti-universiti kita juga patut disenaraikan di tempat ke 50 atau 60 universiti terbaik di dunia.

Senarai global *The Times Higher Educational Supplement* mengenai universiti terbaik di dunia ini mungkin boleh dikritik dan disalahkan sebagai lebih *biased* terhadap dunia bertutur bahasa Inggeris dan terhadap institusi yang secara aktif rekrut pelajar dan kakitangan mereka dari luar negara memandangkan dua dari lima ciri-ciri ukurannya adalah atas dua isu ini. Bagaimanapun kritikan-kritikan ini tidak harus dijadikan alasan untuk penyenaian Malaysia yang begitu rendah kerana di dalam senarai 500 universiti terbaik dunia yang disediakan oleh Shanghai Jiao Tong University di Negara China, Malaysia telah langsung tidak termasuk untuk dua tahun berturut-turut di kalangan 500 universiti yang terbaik, tinggalkan Malaysia termasuk dari senarai tahun 2004 yang diterbitkan dalam bulan September lepas.

Ini semua merupakan isu-isu yang harus diberikan keutamaan oleh Yang Berhormat Menteri dan bukanlah membuat kenyataan-kenyataan yang *reactionary* yang bertentangan dengan hasrat-hasrat dan objektif-objektif ini. Adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai pelan induk bagaimana untuk membangunkan Malaysia untuk menjadi pusat kecemerlangan akademik dengan memastikan bahawa sekurang-kurangnya tiga hingga lima universiti Malaysia akan dikenali dan dimasukkan ke dalam senarai 50 atau 60 universiti yang terbaik di dunia pada tahun 2008?

Apakah peranan dan tujuan sebenarnya utusan pengajian tinggi yang nampaknya satu jawatan yang *redundant* serta menggambarkan secara negatif mengenai kaliber dan tanggungjawab Menteri Pengajian Tinggi. Bolehkah kita diberi satu laporan mengenai apakah yang telah dicapai oleh Utusan Khas (*Special Envoy*) pengajian tinggi ini?

Akhirnya *supporting argument* untuk usul ini, sebelum itu saya langsung tidak ada sebarang dendam peribadi terhadap Yang Berhormat Menteri seperti mana yang telah dijelaskan awal lagi. Saya sanggup menarik balik usul potong gaji Menteri sebanyak RM10 sekiranya Yang Berhormat Menteri mengakui bahawa kenyataan-kenyataan dasarnya di Perhimpunan Agung UMNO pada bulan September lepas bahawa beliau tidak akan membenarkan penerimaan para pelajar bukan bumiputera di UiTM dan memastikan bahawa sistem pengambilan pelajar universiti meritokrasi akan kekal melebihi kuota sebelum itu iaitu 55% untuk pelajar bumiputera sebenarnya bukan untuk kepentingan pembinaan negara atau membantu negara mencapai tahap persaingan antarabangsa demi menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi dan ICT.

Akhirnya sebagai menyokong, *to support* usul ini saya ingin bercakap AUKU atau UCCA yang telah membantutkan daya kreativiti dan pemikiran berdikari generasi muda pelajar-pelajar universiti kita yang bakal menjahanamkan masa depan negara ini menjadikan negara yang *mediocre*, menjadikan objektif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu infrastruktur mentaliti dunia pertama satu impian yang tidak mungkin dicapai.

Di Universiti Sains Malaysia seorang pelajar tahun akhir Kursus Kewartawanan yang juga merupakan Presiden Persatuan Bahasa Tionghwa (Soh Sook Hwa) sedang menunggu keputusan esok prosiding disiplin USM yang mendakwa beliau sebagai melanggar AUKU kerana membantu dalam kempen pilihan raya umum parti pembangkang dalam bulan Mac 2004 sementara di Universiti Teknologi Malaysia seramai 24 orang pemimpin pelajar yang dilabelkan sebagai *anti-establishment* juga menjadi mangsa tindakan disiplin.

Adakah Yang Berhormat Menteri sedia untuk mengambil tindakan yang berani untuk memberhentikan semua prosiding sama ada di USM atau di UTM dan menggantung pelaksanaan AUKU selama lima tahun demi mengizinkan budaya bebas dan kreativiti kembali hidup di institusi-institusi akademik kita?

Dua minggu yang lepas, seorang bekas ketua IPTA tempatan yang merupakan seorang Tan Sri telah mengeluarkan perasaan kesalnya terhadap kejatuhan standard akademik dalam institusi pendidikan tinggi kita dan hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa semua ini berkait rapat dengan kesan menyekat UUCA.

UUCA harus dimansuhkan tetapi jika langkah ini dianggap terlalu berani maka Yang Berhormat Menteri, bolehkah beliau membawa kes ini ke Kabinet supaya menggantung pelaksanaan sebagai menguji kesan positif yang bakal dirasai oleh universiti-universiti tempatan serta sumbangan terhadap masa depan negara kita dari segi kecemerlangan akademik di universiti-universiti serta mempertingkatkan daya saing antarabangsa kita.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Menyokong.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sukacita saya memberi sedikit pandangan dalam menyokong usul yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang (Yang Berhormat bagi Ipoh Timur) mengenai kenyataan-

kenyataan yang dilafazkan oleh menteri semasa membuat golongan di dalam Perhimpunan Agung UMNO beberapa bulan yang dahulu.

Seperti ramai pemerhati politik, saya merasa terkejut untuk mendengar kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang selama satu penggal yang lepas mengenali prestasi beliau di dalam Dewan yang mulia ini, saya rasa beliau tidak *care/able* untuk membuat kenyataan-kenyataan seperti yang dilafazkan di dalam Perhimpunan Agung pada bulan September lalu.

Saya rasa Yang Berhormat tidak perlu mengambil kira sangat tentang kekalahan Yang Berhormat dalam Perhimpunan Agung. Kesalahan ini tidak bermakna ada kekurangan bagi pihak Yang Berhormat. Kalau ada apa-apa kekurangan, adalah kekurangan pada ahli dan wakil yang tidak memilih Yang Berhormat sebagai seorang menteri yang begitu jujur, seorang menteri yang begitu pro-aktif dan menangani isu-isu pendidikan dalam satu perspektif *world view* yang harus disanjung.

Tetapi malangnya dengan kenyataan-kenyataan sedemikian telah merosakkan sedikit sebanyak imej Yang Berhormat Menteri dari segi pandangan orang ramai dan apakah kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri berbaloi sebab walaupun selepas membuat kenyataan sedemikian, Yang Berhormat Menteri tidak juga dilantik ke Majlis Tertinggi UMNO walaupun sudah membuat kenyataan yang mengapi-apikan untuk menegakkan maruah dan sebagainya tetapi sungguhpun membuat kenyataan yang menyakitkan hati orang ramai, Yang Berhormat tidak juga dilantik di Majlis Tertinggi.

Ini saya rasa haruslah menjadi satu pengajaran kepada kita supaya kita haruslah menangani isu-isu yang di hadapan kita baik kita Menteri ataupun Ahli Parlimen yang biasa untuk menangani masalah dengan sejujurnya dan bukan untuk cuba menggunakan isu-isu yang terkandung dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri.

Saya rasa kenyataan-kenyataan ini sungguh tidak adil kepada Malaysia keseluruhannya, kepada Yang Berhormat Perdana Menteri yang inginkan soal perpaduan nasional dipererat/diperkukuh selepas beliau mengambil alih teraju kerajaan ini. Yang selalu ditekankannya adalah perpaduan nasional dan saya rasa kenyataan Yang Berhormat Menteri tidak menyumbang ke arah ini.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri tidak akan mencadangkan syor-syor yang beliau buat di dalam Perhimpunan Agung UMNO itu kepada perhatian Kabinet

dan mengesyorkan Kabinet menggubal dasar-dasar seperti yang dilafazkan oleh Yang Berhormat. Cuma tinggalkan isu ini di Perhimpunan Agung dan *don't look back and move forward*.

Saya berharap kenyataan yang tidak '*don't give justice*' kepada penuntut-penuntut bukan bumiputera yang berkaliber dan layak ini tidak akan dikorbankan oleh dasar yang ingin digubal oleh Yang Berhormat Menteri. Saya rasa pihak kami sangat segan dan tidak berhasrat untuk membawa malu kepada Yang Berhormat sendiri sebab kita amat prihatin terhadap isu yang dibangkitkan.

Melalui usul ini kami berharap Yang Berhormat sendiri dapat mengimbas kembali kenyataan yang dibuat dan saya berharap seperti yang saya katakan '*leave it at that*', jangan membawanya ke Kabinet untuk digubal sebagai satu dasar yang baru yang sememangnya akan menjejaskan negara ini di masa hadapan. Sekian.

Tuan Pengerusi: Kemaman.

4.22 ptg.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk berhujah bagi menolak usul yang dikemukakan oleh pihak pembangkang untuk memotong RM10 daripada gaji Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi kita.

Saya merasakan bahawa ini adalah salah satu daripada satu lagi *antic* ataupun *relic* DAP yang sekali lagi mengutarakan isu-isu yang bersifat perkauman, yang menimbulkan isu-isu yang berkaitan dengan soal pendidikan yang seolah-olah merekalah juara pendidikan tetapi sebenarnya ialah bersifat perkauman. Kalau kita lihat

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya tidak ada masa, Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya tidak ada masa, Tuan Pengerusi. Dalam sejarah penubuhan negara kita, satu isu yang paling besar sekali.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Satu isu yang paling besar sekali ialah soal pembinaan bangsa kita. Perkara yang menjadi asas kepada pembinaan bangsa kita ialah bagaimana untuk menyatupadukan seluruh rakyat negara ini yang berbilang kaum bersatu sebagai satu bangsa yang kuat. Sebab itulah, kalau kita perhatikan asas penting yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 153 (2) yang berbunyi, "*Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan ini dan Undang-undang Persekutuan mengikut apa-apa yang perlu untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara negeri Sabah dan Sarawak dan untuk memastikan perizaban bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara negeri Sabah dan Sarawak, apa-apa perkadaran yang difikirkan munasabah oleh Yang di Pertuan Agong.....*"

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan mesyuarat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek:daripada

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, penjelasan sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan mesyuarat 36. Yang pertama 36(6) "*No member shall impute improper motives to any other member*" dan 36(10)(c) "*It shall be out of order to use words or imply promote feelings of ill-will*" Yang Berhormat bagi Kemaman cuba untuk memutarbelitkan apa yang kita cakap di sini bahawa kita cabar Perlembagaan, kita cabar hak keistimewaan orang Melayu yang tidak pernah berlaku dan saya harap Yang Berhormat jangan hendak melanggar Peraturan Mesyuarat ini.

Beliau dahulu Semangat 46, apa pun boleh cakap. Sekarang apa pun boleh cakap, itu malulah, jangan. Cakap kalau ada *argument*, teruskan. Tetapi jangan memutarbelitkan yang menunjukkan seorang politikus yang murah dan *cheap*...

Tuan Pengerusi: Cukup.

Tuan Lim Kit Siang:supaya boleh ada tempat dalam UMNO

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:Semangat 46.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Sabar, Yang Berhormat. Kenapa terlalu marah apabila ditimbulkan tentang isu UiTM. Itu soal Melayu. Mempersoalkan tentang soal perkara yang asas. Sejarah pun

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat beri laluan kerana beliau hendak bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: *No member shall impute improper motives to any other member.* Ya, beliau *impute improper motive* bahawa saya melanggar dan saya mencabari hak Melayu oleh kerana saya timbulkan UiTM. UiTM ialah untuk kebaikan pelajar-pelajar Melayu supaya mereka lebih *competitive*, boleh dapat *excellence*. Kalau ada pelajar-pelajar bukan bumiputera dimasukkan itu adalah keadaan yang lebih baik. Bukan daripada segi cabar *Malay rights*.

Jangan. Ini 2004 bukan 40 tahun dahulu! Yang Berhormat bagi Kemaman tidur. *Rip Van Winkle!* Jangan. Balik kepada *argument-argument* dahulu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Pengerusi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Jangan simpulkan bahawa cabar hak Melayu. Itu bukan tajuk usul.....

Tuan Pengerusi: Salah seorang beri peluang beliau bercakap.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Apabila berlaku kegawatan ekonomi dalam tahun 1997, tidak lama, perkara yang berlaku dalam tahun 1997, akibat perbezaan antara kaum-kaum di Indonesia apabila kaum bumiputera tertindas merasakan mereka terpinggir, apa yang berlaku kita lihat ada satu kaum yang dianggap mempunyai kelebihan dari segi pendidikan, mempunyai kelebihan dari segi ekonomi akhirnya menjadi mangsa daripada kecemburuan kaum.

Sebab itulah.....

Tuan Lim Kit Siang: *Seditious words, seditious arguments.* Inilah *seditious arguments* yang mahu kaum-kaum di sini untuk *challenge*. Saya malulah. Daripada Semangat 46 lebih ada *standard*, kenapa buat *argument* semacam ini? Ini *disgraceful argument*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: ... telah diberi peluang. Minta Yang Berhormat beri laluan dan peluang kepada beliau untuk berucap. Jerai, sila.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 36(6) ini, saya mintalah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur menghormati. Jangan mengeluarkan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati kawan. Kita berbahas atas dasar profesional.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam Yang Berhormat kata dia pengecut. Tahukah Yang Berhormat perkataan pengecut itu?

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tadi Yang Berhormat kata 'pengecut'. Tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Apa wait, wait?*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*.....adakah ini soalan di hadapan usul ini? Kalau tidak janganlah kita mengapi-apikan

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak boleh, tidak boleh menjatuhkan.

Tuan Lim Kit Siang: Mencuba untuk mengapi-apikan. Ini 2004. Bangsa Malaysia. Apa ini? Malu.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of order*, Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh Timur duduk. Bila saya menggunakan *point of order* kena duduk. Ini orang lama dalam Dewan pun takkan tidak faham *point of order*.

Tuan Pengerusi: Baik. Sila. Sila Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya minta Yang Berhormat, kalau kita hendak mencadangkan bercakaplah elok-elok. Tidak payahlah kita menjatuhkan maruah kita sesama kita dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Gunakanlah bahasa yang tidak menyakiti hati.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Eh, itu dia ada maruah. Kalau dia tidak ada maruah takkan dia menjadi Ahli Parlimen. Okey. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Jerai. Kita biasa mendengar kenyataan-kenyataan yang lebih jijik yang dikeluarkan oleh pihak seperti yang disebutkan tadi. Kita boleh bersabar. Kerana di atas kesabaran inilah selama ini Barisan Nasional membuktikan kita melahirkan negara yang terbaik.
[Tepuk]

Saya rasakan bahawa kegawatan rakyat sebagaimana yang berlaku di Indonesia, bila berlaku kegawatan ekonomi mungkin akan berlaku di Malaysia juga, tidak ada dasar yang baik kerana Dasar Ekonomi Baru dan dasar kuota yang pada suatu ketika dilihat sebagai dasar yang bersifat diskriminasi inilah akhirnya memberi keadaan yang paling seimbang antara kaum-kaum dalam negara kita.

Saya menyokong apa yang telah dikeluarkan, diujahkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi kerana saya percaya bahawa pihak Yang Berhormat boleh mengeluarkan fakta-fakta yang lebih mendalam tentang keperluan pelajar Melayu diberikan keutamaan termasuk keistimewaan yang tertentu kerana ini ternyata terdapat dalam Perlembagaan kita saya hendak baca sampai yang terakhir di mana disebutkan Yang di-Pertuan Agong yang difikirkan munasabah yang difikirkan oleh Yang di-Pertuan Agong daripada jawatan dalam perkhidmatan awam dan daripada biasiswa, dana siswa dan keistimewaan pendidikan atau latihan yang seumpamanya atau kemudahan khas lain yang diberikan atau diadakan oleh Kerajaan Persekutuan dan apabila apa-apa permit atau lesen dikehendaki oleh undang-undang Persekutuan mengendalikan apa-apa perniagaan, pertukangan dan sebagainya. Ini semua adalah perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan bunyinya keistimewaan tetapi ada asasnya kerana ia adalah sebahagian daripada usaha kita untuk membina bangsa yang seimbang..

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order, point of order.* Saya meminta satu *ruling* daripada Tuan Pengerusi, apa Yang Berhormat bagi Kemaman sebut tadi ialah satu perkara yang sangat jelas, *entrench* dalam Perlembagaan tidak boleh disoalkan dan saya mahu satu *ruling* sama ada Yang Berhormat bagi Kemaman kata benar, bahawa dengan usul potong gaji RM10 ini ialah satu usaha untuk mencabari, untuk menyoalkan peruntukan itu dalam Perlembagaan ialah satu di antara empat sensitif *subject* dan ada kalau begitu seorang Ahli Parlimen boleh disabit ke mahkamah, tidak ada immunity dan Parlimen ini pun tidak boleh bahas.

Saya mahu satu *ruling*, adakah apa yang kita bincangkan ialah mengenai

Tuan Ahmad Shabery Cheek: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya mahu tanya satu *ruling*, ini mustahak satu *ruling* sama ada perbincangan ini ialah satu cabaran *one of the four sensitive subjects* yang *dientrench*, yang tidak boleh disoalkan termasuk dalam Parlimen ini.

Apa yang kita kata ialah mengenai *university intake system* di mana semacam di sini Timbalan Perdana Menteri pun ada kata empat langkah-langkah supaya, *we can survive in the challenging world*, satu, *accept meritocracy in whatever field and accept it as a culture to measure qualification and achievement in all sectors*, kita boleh bincang, waras ke tidak waras jangan bawa *challenge malay special rights* kalau begitu adakah Perdana Menteri, adakah Timbalan Perdana Menteri bila kata *meritocracy challenge malay special rights*, janganlah, ini sangat bahaya, janganlah kita teruskan dengan nada ini, Dewan yang bertanggungjawab. Ahli daripada Kemaman dulu, Semangat 46, saya tahu dia mahukan *the ladder*, tetapi jangan mengikut, melalui cara-cara yang bahaya.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak pernah kata, tidak boleh kita bincang. Apa Yang Berhormat Ipoh Timor sebut itu asasnya kita sedang berbincang sekarang, Yang Berhormat Ipoh Timor sudah mengatakan berbagai-bagai yang menjijikkan pada saya, saya tidak pernah pertikaikan, katalah apa tetapi ini masanya saya pula bercakap Tuan Pengerusi, saya pula bercakap izinkan saya bercakap dan menghabiskan hujah-hujah saya dalam soal ini.

Sekarang ini apabila disebutkan tentang ITM, ianya mempunyai sejarah yang tersendiri, jangan bercakap kerana dalam sejarah kita tidak ada kalau dahulunya apabila orang bercakap untuk membina sebuah Universiti Merdeka, tadi Yang Berhormat cuba memainkan sentimen tentang UMNO. Dahulu orang UMNO berarak untuk menolak sebuah Universiti Merdeka kerana dikatakan universiti itu hanya kaum tertentu. Tetapi UMNO sudah terbuka sejak tahun 1995 selepas itu Akta Universiti telah dipinda bukan sebuah Universiti Merdeka yang telah dibuka, kebebasan untuk melahirkan universiti-universiti swasta bagi menandingi ataupun bersaing dengan yang lain dan membenarkan siapa sahaja untuk masuk dalam universiti tersebut sudah terbuka lebih daripada 500 buah lesen telah diberikan dan kebanyakan daripada mereka kalau ditanya tidak ada kuota, kalau tidak ada kuota bukan bermakna orang Melayu tidak masuk di sana kerana tidak ada kuota tetapi orang Melayu tidak mampu.

Apa salahnya sebuah universiti, universiti UiTM mempunyai nostalgia dan ada dasar yang tersendiri, sejarah yang tersendiri, masih sehingga sekarang sebagaimana diperjuangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, masih kekal di kalangan orang Melayu atau bumiputera yang lain.

Kenapa hendak dipotong gaji tentang soal ini, kenapa tidak ditimbulkan kebebasan akademik yang telah terbuka luas dengan lebih 500 lesen yang diberikan kepada IPTS yang membenarkan tidak ada lagi masalah orang-orang bukan Melayu untuk belajar tak mampu belajar di luar negeri, sekarang sudah belajar negeri. Ini antara perkara tentang keterbukaan yang telah ditunjukkan oleh kerajaan kita.

Jadi, Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor, ingin saya ingatkan, kita tahu apabila isu meritokrasi ini ditimbulkan di awal sesi Parlimen ini, semuanya adalah sebagai salah satu daripada langkah pada DAP untuk mengatasi kebangkrapan politik mereka yang rakyat telah tolak mereka dalam pilihan raya yang lepas. *[Tepuk]*.

Tuan Pengerusi, saya turut bersimpati dengan isu seorang pemimpin pelajar daripada USM yang telah dikenakan tindakan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Saya dulu pun bekas pemimpin pelajar, saya dahulu pun bekas seorang ahli akademik, saya turut menghargai tentang soal kebebasan akademik dan kita mesti tahu bahawa kebebasan akademik dan kecemerlangan akademik adalah dua perkara yang berbeza. Kalau kebebasan akademik boleh menjadi prasyarat kepada kecemerlangan akademik kita setuju. Tetapi kebebasan akademik untuk membawa pelajar untuk membuang masa dan tumpuan mereka kepada ke arah parti-parti politik yang tertentu, yang sempit ini boleh kita pertikaikan.

Tetapi Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang kita sebutkan tadi adalah undang-undang yang ada, saya ingat waktu dahulu, saya pernah membicarakan soal ini, antara orang yang mempertahankan AUKU ialah Menteri Pendidikan pada waktu itu yang didewakan oleh kerana orang KEADILAN sekarang ini, dan pelajar ini dikatakan turun berkempen untuk Parti KEADILAN, di mana orang yang didewakan oleh Parti KEADILAN inilah sewaktu menjadi Menteri Pendidikan dahulu yang mempertahankan AUKU dan menolak apa yang dijadikan asas kepada soal kebebasan akademik.

Saya sendiri dahulu kalau saya bercakap kebebasan akademik dalam banyak perkara, kita boleh mengkritik kerajaan, boleh menegur kerajaan tetapi kalau saya hendak berpolitik saya berhenti kerja daripada universiti dan saya bertanding dalam

pilihan raya. Siapa yang lebih pengecut dalam soal ini. Bagi saya orang-orang yang bercakap kebebasan, yang menyokong pembangkang tetapi tidak sedia turun ke bawah dan bertanding dalam pilihan raya, itu yang lebih pengecut daripada apa yang telah kami lakukan. Jangan pertikaikan tentang soal ini.

Tuan Pengerusi, saya dengan ini mengajak rakan-rakan sekalian, kita tolak usul yang di bawa oleh Ipoh Timor sebentar tadi kerana ternyata Ipoh Timor mempersoalkan salah satu daripada asas penting kepada Perlembagaan kita dan menjadi asas kepada kekuatan masyarakat kita yang berbilang kaum. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya minta menteri menjawab.

4.40 ptg.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:

Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya, saya juga terperanjat kerana perkara ini ditimbulkan dan saya ucapkanlah terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang telah memberikan kata-kata perangsang kepada saya. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan yang telah pun memberikan kekuatan kepada saya. Sebenarnya, apa yang saya cakapkan tadi seperti juga Yang Berhormat bagi Ipoh Timor menyatakan, perkara itu telah pun termaktub dalam Perlembagaan dan ibarat kata Melayu "*Sudah terang lagi bersuluh*".

Maknanya di sini bahawa kalau saya menyatakan, saya *quote* balik daripada *translation* Yang Berhormat bagi kepada saya, saya tidak akan benarkan pelajar bukan bumiputera memasuki UiTM dan tidak ada kompromi dalam hal ini. Ini satu kenyataan yang memang telah ada di dalam Perlembagaan. Jadi, kalau saya katakan itu, seperti juga saya mengatakan bahawa "*sudah terang lagi bersuluh*". Orang semua faham tentang perkara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau kita lihat daripada rentetan-rentetan penubuhan UiTM itu merupakan satu perjuangan yang paling pahit, paling jauh dan paling meredakan, membarakan perasaan kerana perjuangan orang Melayu pada ketika itu untuk menubuhkan sampai ke peringkat UiTM ini penuh dengan keringat, penuh dengan darah dan penuh dengan perjuangan. Kalau kita lihatlah sejarah yang telah pun kita lalui bahawa Pesuruhjaya Tinggi British dalam Fasal 19, Perjanjian

Persekutuan 1948 telah pun menyatakan bahawa adat istiadat dan agama diletakkan di bawah Raja-raja.

Pada ketika itu, Perjanjian Pangkor 1874 itu juga telah pun dibawa ke peringkat atas sampailah Perjanjian Merdeka 1957. Kalau kita lihat pemberian kerakyatan 1991 oleh Raja-raja Melayu, saya ada statistik yang saya bawa ini, ini pun hasil daripada *radiation exercise* saya dahulu, Tragedi 13 Mei 1969 dan kerajaan darurat, pada ketika itu tahun 1971 menunjukkan bahawa di Pulau Pinang orang Melayu ada 32.2%, orang Cina 49%, maknanya orang Cina lebih daripada orang Melayu. Di Perak 27.2% orang Melayu dan orang Cina 42.5% lebih. Kalau kita tengok di Johor pun begitu juga, orang Melayu 22.4% sedangkan orang Cina ialah 41.4%. Tetapi, apabila terjadinya kejadian 1992 ini, bahawa 'Chor So Lai' dengan tinta dakwat yang belum kering lagi 1 juta lebih rakyat Cina di Tanah Melayu secara automatik menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu.

Jadi, di sinilah adanya kerjasama, adanya sosial kontrak, adanya *political* kontrak yang telah pun digabungjalinkan oleh orang-orang Melayu dan bukan Melayu yang orang-orang bukan Melayu menyatakan bahawa artikel-artikel 153 dan sebagainya tidak akan disentuh sama sekali. Sosial kontrak ini terus dibawa sehingga ke hari ini dan menyebabkan bahawa rakyat kita di Malaysia ini berbilang bangsa, berbilang agama, berbilang budaya dapat bekerjasama hasil daripada sosial kontrak ini.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Ipoh Timur bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya menimbulkan di sini bukan Perkara 153 iaitu bukan tajuk untuk perbahasan. Tetapi, oleh kerana Perkara 153 tidak boleh disoalkan. Ini sudah termaktub. Tetapi ialah mengenai kekuasaan, *implementation* bagaimana tujuan sewaktu itu boleh dicapai. Bukankah benar UiTM MARA yang sering disifatkan sebagai Universiti MARA, bukan sahaja ada Universiti MARA, ada kolej-kolej MARA dan di mana pun adalah 10% tempat-tempat di kolej-kolej MARA diberikan kepada bukan bumiputera bukan supaya untuk menafikan peluang-peluang pelajar-pelajar bumiputera tetapi antara lain supaya mengadakan iklim persaingan yang lebih baik. Itulah, kita dapat berbincang mengenai bagaimana baik untuk negara kita, untuk persaingan, untuk pelajar-pelajar. Bukan mengenai Perkara 153. Saya harap itu boleh menumpukan fokus kita .

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Tetapi, kalau kita tengok masalah UiTM ini tadi yang kita bincangkan, Perkara 153 telah dimasukkan dalam Akta Universiti Teknologi MARA iaitu Akta 173. Adalah amat berpatutan bahawa UiTM menurut Seksyen 1(a) memasukkan tujuh dan dasar Perkara 153 ke dalam Akta 173. Jadi, apabila UiTM itu diwujudkan dan dimasukkan Akta 153 ke dalamnya, maka perkara itu terkandung di dalam Perlembagaan 153(1), 153(2), 153(3) dan seterusnya. Jadi, apabila saya membuat kenyataan itu, dalam persidangan UMNO pada saya "*sudah terang lagi bersuluh*". Itu sahaja kerana kita tahu MRSM telah pun diberi 10%. Itu MRSM. Tetapi UiTM ia terikat kepada Akta Tubuh dan Akta Tubuh itu menyatakan bahawa Perkara 153 adalah tertakluk kepada penubuhan UiTM. Selagi Akta 153 itu tertakluk kepada undang-undang Tubuh UiTM, selagi itulah akta itu akan mengikut Perkara 153 dalam Perlembagaan.

Yang keduanya, yang diperkatakan tadi ialah memberikan kepastian agar pelajar-pelajar bumiputera akan memasuki universiti melebihi 55% kuota. Pada saya, ini merupakan *statement of intent* ataupun satu kenyataan dan kalau kita hendak pergi ke arah itu, telah pun kita capai separuh bidang daripada apa yang telah kita lakukan. Jadi, di sinilah kita hendak melihat kalau boleh, kita hendakkan supaya anak-anak Melayu, bumiputera dalam konteks Perhimpunan Agung UMNO itu, kita hendakkan dia boleh masuk ke universiti lebih daripada kuota yang ada, walaupun mengikut meritokrasi. Misalnya, kemasukan bumiputera dalam Sesi Akademik 2004/2005, walaupun bidang permohonan 74% mereka layak, tetapi tawaran diberi kepada mereka hanya 63%.

Kalau kita lihat penuntut Cina, bilangan permohonan 19.2% sahaja tetapi bilangan yang ditawarkan ialah 30.3% lebih daripada bilangan *percentage* permohonan. Kalau kita lihat itu, bumiputera dalam bidang Sains yang layak 24,638 tetapi yang diberi hanya 14,497. Cuma 58.7% sahaja, sedangkan Sastera 10,340 yang ditawarkan walaupun yang layak lebih daripada itu, 28,236 yang layak.

Jadi, cuma ditawarkan 36.6%. Kalau kita lihat Sains bagi penuntut-penuntut orang Cina, yang layak masuk 9,577 tetapi yang ditawarkan dalam bidang Sains 8,047. Di sini, penuntut-penuntut Cina masuk ke IPTA dalam bidang Sains ialah sebanyak 84%. Kalau dilihat daripada segi Sastera juga, yang layak penuntut Cina ialah 5,346 dan yang masuk, ditawarkan ialah 7,731 iaitu sebanyak 69.8% lebih daripada kuota.

Jadi, apabila saya menyatakan saya hendakkan kalau boleh bumiputera akan masuk ke universiti lebih daripada kuota, benda ini pun tidak ada. Penuntut-penuntut Cina pun lebih daripada kuota yang dia dapat.

Jadi perkara ini pada saya sudah terang lagi bersuluh. Jadi, oleh kerana percakapan saya dahulu ialah dalam Perhimpunan Agung UMNO, bersemangat, jadi saya rasakan tidak boleh dikelirukan dengan fakta-fakta yang ada. Jadi Yang Berhormat, saya rasakan kalau dua yang dikatakan dasar tadi diperkatakan, saya telah pun boleh menyangkalnya dengan fakta-fakta yang ada.

Selain daripada itu, Yang Berhormat telah menyatakan tentang *rating* universiti kita yang jauh lebih rendah daripada 50-an, 1989 dan sebagainya. Saya telah pun menyemak perkara ini dan mendapati bahawa angkubah ataupun *variables* yang digunakan oleh mereka diberikan keberatan atau kekuatan, *vintage*, sebanyak 50% daripadanya ialah mengenai *internationalization* iaitu *peer rating*. Kalau seorang profesor daripada Harvard datang menjadi profesor sementara ataupun *visiting lecturers* di Universiti Malaya, apabila dia pulang dan kebetulan dia juga dapat "*bird's nest*" seperti ini, tentulah dia mengatakan Universiti Malaya itu bagus kerana dia baru sahaja pulang ke Universiti Malaya.

Jadi, di sinilah kita melihatkan *biasness* tentang *variables*, satu penangkubah yang ditaruk, ditetapkan kerana 50% daripada angkubah itu *vintage* dia kepada *peer rating*. Maksudnya dia telah pun pergi ke universiti yang berkenaan dan berkenalan dengan *lecturers* yang berkenaan. Oleh kerana itulah, saya sebagai Menteri Pengajian Tinggi dan hasrat kerajaan juga, kita akan perkukuhkan lagi konsep *internationalization* ataupun pengantarabangsaan di mana kita mengharapkan *lecturers* daripada universiti luar negara, *top ten universities* misalnya akan datang ke tempat kita memberikan khidmat mereka dan kita juga akan menghantar *lecturers* kita ke tempat yang demikian.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya memang tertarik dengan hujah Yang Berhormat yang begitu menetapkan martabat yang tinggi kepada IPTA dan IPTS di negara ini dan hendak menjadi, saya harap matlamat itu yang kedua di dalam senarai universiti-universiti yang terkemuka di Asia dan bahkan juga kalau

boleh pada satu hari kelak, di dunia. Tidak mustahil! Walau bagaimanapun, sekarang kita letak UM nombor 12 dan USM nombor 14, kalau tidak silap saya.

Sebagai Menteri Pengajian Tinggi yang begitu penting untuk mewujudkan satu bidang pendidikan dengan cemerlang, adakah Yang Berhormat berfikir bahawa apabila kita keluarkan kenyataan hendak *internationalize* pensyarah-pensyarah di Malaysia ini, memang itu satu perkara yang baik, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa apabila kita buat ucapan ataupun kenyataan, kita mesti fikir dengan cara yang panjang. Kalau kita sentiasa sebutkan kuota, sentiasa sebutkan itu dan ini yang berlanggar dengan prinsip meritokrasi misalnya, adakah mereka di luar negara ini berminat dengan negara kita?

Saya ingat pandangan Menteri itu begitu sempit sahaja. Kita hendak seorang Menteri yang berpendidikan, mempunyai pandangan yang meluas sekali untuk *globalization*, untuk *diversification* dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat boleh jawab soalan ini. Adakah pandangan dan sikap menteri sekarang secocok dengan hasrat untuk mengunggulkan pendidikan di negara kita?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Ini perkataan cocok pun boleh dibincangkan, ya. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: *[Ketawa]* kerana ada orang bertanya kepada jiran kita, kenapa tidak kahwin? Dia kata belum cocok.

Dr. Tan Seng Giaw: Faham itu, Yang Berhormat bagi Kepong?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Yang Berhormat bagi Kepong, saya rasa Yang Berhormat bagi Kepong janganlah terkepung pemikiran ya, kerana apa yang kita harapkan seperti mana yang saya katakan tadi, data telah menunjukkan walaupun apa juga, dengan kekuatan, pemikiran dan kesungguhan anak-anak kita belajar, mereka telah masuk universiti lebih daripada kuota. Fakta-fakta telah pun saya berikan. Apa maksud saya sekarang ini ialah, dengan *internationalization*, kita mengharapkan bahawa dengan pertukaran-pertukaran pensyarah-pensyarah kita, dengan adanya kerjasama ataupun *collaboration*, dari segi *research*, penyelidikan. Sekarang ini saya baru balik dari Cuba, saya lihat ramai pensyarah di sana dan penyelidik di sana membuat vaksin *tropical diseases* yang banyak di sini.

Dahulu kita tidak ada "Tuberculosis" (TB), sekarang sudah datang balik TB. TB di sana dimulakan dengan *sugarcane vacs*, kata dia, iaitu daripada tebu. Kenapa tidak

kita melihat bagaimana vaksin ini boleh dibuat di Malaysia dengan menggunakan *oil palm vacs*, misalnya. Jadi, di sinilah kita melihat supaya dapat, dengan adanya *internationalization* ini, pertukaran-pertukaran penyelidik, pertukaran-pertukaran *lecturers* ini dapat kita gabung jalinkan untuk mempertingkatkan penyelidikan kita dan menaikkan tahap penyelidikan bagi negara kita nanti.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan sekali lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Mr. Bean! *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Saya memang setuju, kalau kita hendak mengantarabangsakan pendidikan di Malaysia, itu memang satu hasrat yang baik, satu tujuan yang murni. Kalau di Cuba, saya setuju, Cuba itu satu-satu negara yang dapat kita wujudkan *Genetic Modification (GM)* dengan tebu dibuat GM dan dia dapat satu vaksin. Sama ada ini dapat digunakan ataupun tidak, saya belum tahu, cuma itu satu usaha untuk menggunakan GM dari tebu. Kalau boleh dibuat dengan kelapa sawit, itu baik juga. Tetapi soalnya, pandangan dan sikap kita, hendak *internationalize* itu memang satu perkara baik sebab di dalam pendidikan itu, *cross-fertilization* memang satu perkara yang terpenting sekali dan inilah mesti dipertimbangkan oleh menteri macam mana dia boleh wujudkan satu konsep *cross-fertilization* dan *Internationalization* yang benar-benar dapat diterima oleh orang-orang di Cuba dan negara-negara yang lain.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang kita akan lakukan ialah untuk menjemput penyelidik-penyelidik daripada Cuba datang berjumpa dengan kita dan kita juga akan menghantar banyak penyelidik kita ke tempat lain....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Ada dua lagi isian tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya saya ingin hendak memperingati keseluruhan ahli-ahli Dewan supaya soal pendidikan dalam negara kita ini tidak harus kita pertikaikan. Saya lihat dalam komponen Barisan Nasional, kita tidak pernah mempertikaikan kuota itu dan ini kerana kita berbincang dan kita mengambil keputusan atas pakatan bersama, tetapi isu-isu ini selalu dibangkitkan oleh pihak DAP. Yang ini tidak dapat dinafikan, saya sudah lama dalam Dewan, saya ikuti.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah penjelasan yang ingin Yang Berhormat ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, maknanya saya hendak katakan di sini, di Malaysia ini, semua bangsa dapat nikmat pendidikan dalam negara kita ini. Dahulu kita mengawal universiti swasta, tetapi sekarang ini kerana kita melihat jauh ke hadapan, kita buka, siapa sahaja yang ada modal, yang ada kemampuan, hendak buka universiti, tulis sahaja surat dan memohon dan kita lihat berselerak universiti-universiti ataupun pusat pengajian tinggi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak minta sama ada Menteri bersetuju atau tidaklah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, bersetuju atau tidak bersetuju?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, perkara ini saya hendak minta sekali, sebagai rakyat Malaysia yang berpendidikan tinggi, yang berpengalaman, yang sayangkan negara kita ini supaya hentikan soal-soal mempertikaikan sesuatu bangsa dalam pusat pengajian tinggi dan sekolah, kita buat ini semua...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, patut tadi Yang Berhormat mohon berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cukup, cuma satu lagi, Yang Berhormat balik dari Cuba, Yang Berhormat dapat vaksin-vaksin banyak, ada atau tidak vaksin yang boleh kita suntik Yang Berhormat bagi Kepong supaya dia jadi macam Mr. Bean? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Jerai. *[Ketawa]* Bukan cocok, yang awal itu, kerana dalam tempoh ini kita telah pun membuka ruang dan lingkup kita dari segi pelajaran dan pembelajaran. Sekarang ini ramai rakyat dari negara China mereka mempunyai seorang anak sahaja dan mereka mahu menghantar anak mereka ke luar negara untuk mendapatkan ilmu yang lebih tinggi lagi. Tujuan utama datang ialah ke Malaysia kerana Malaysia ini nampaknya dia boleh bercakap dalam bahasa Tionghoa ataupun Mandarin, dia juga boleh bercampur gaul dengan rakan-rakan yang lain.

Jadi, di sinilah kita mengharap apa yang kita beri ialah sekarang ini, rakyat China yang mendapat visa pendidikan, kerajaan telah pun memberikan ID dan ID ini

akan menentukan bahawa dia penuntut di sesuatu universiti ataupun pengajian tinggi dan mereka juga boleh bekerja sambilan tetapi bukan kerja sambilan yang 'itulah'. Jadi, ini yang kita harapkan supaya mereka ramai lagi datang ke tempat kita dan kita dapat manfaat daripada *internationalization* itu sendiri.

Mengenai pelan induk, ini pun sedang dijalankan oleh kerana kementerian saya baru 7 bulan lebih, jadi apa sahaja kita hendak buat kita mesti ada dasar induk ini. Dan, apa aktiviti di bawah dasar induk nanti boleh kita sangkutkan kepada pelan induk itu sendiri, kalau tidak nanti ibarat kereta api tanpa rel, jadi dia lebih menjajar ke sana, ke mari, tidak tentu hala. Dengan adanya dasar induk ini nanti, semua aktiviti akan dapat kita sangkutkan kepada dasar yang berkenaan. Ini sedang dijalankan dan kita harapkan dalam masa 6 bulan nanti, kita akan bincangkan perkara ini dengan semua Ahli-ahli Parlimen supaya dapat kita memantapkan lagi dasar pendidikan di negara kita.

Utusan khas yang diperkatakan. Saya telah pun berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Sekarang ini oleh kerana sikap keterbukaan kita, semangat *internationalization* kita ramai ataupun banyak universiti-universiti di luar ingin membuat 2 + 1, 3 + 0 dengan institusi-institusi pengajian tinggi kita. Selain daripada itu, mereka juga ingin menempatkan institusi mereka ke negara kita.

Kalau kita lihat dari segi peruntukan kewangan dan sebagainya, mereka lain daripada kita, kerana mereka mempunyai Presiden iaitu *Vice Chancellor* kita itu, di katakan di sana Presiden. Presiden itu akan mencari duit dan kalau misalnya dia dapat duit banyak, dia bolehlah mengembangkan organisasinya, tetapi kita di Malaysia *Vice Chancellor* akan datang berjumpa saya, hendak minta duit. Jadi, selagi itulah kita akan terkongkong sedikit dengan prosedur-prosedur yang ada.

Jadi, oleh kerana itu, oleh kerana mereka itu lebih bebas dan sebagainya untuk kita jemput mereka datang ke tempat kita, maka perlulah kita mempunyai hubungan, *negotiation*, perbincangan, perbincangan peringkat atas, main golf dan sebagainya, minum, makan malam dan sebagainya, jadi, saya menyatakan bahawa saya tidak mampu berbuat demikian kerana banyak lagi perkara-perkara.. [Disampuk] Saya tidak main golf. [Ketawa] Banyak lagi perkara-perkara dalam rumah, *house-keeping* ini yang perlu dilakukan. Oleh kerana itu, kita rasakan bahawa Yang Berbahagia Dato'

Effendy adalah layak untuk memikul tanggungjawab sebagai utusan khas Kementerian Pengajian Tinggi.

Mengenai penglibatan pelajar dalam Pilihan Raya Umum 2004, yang saya pun telah lihat dan saya melihat bahawa AUKU telah pun menyatakan bahawa penuntut-penuntut kita seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman tadi supaya dapat, kita sayangkan mereka ini, supaya mereka dapat belajar rajin-rajin dan keluar lepas itu bolehlah menentukan *political inclination* mereka, tetapi semasa kita memberi mereka peruntukan kewangan, memberi mereka biasiswa, memberi mereka PTPTN, kita harap mereka dapat menjalankan pengajian mereka dengan penuh minat dan sebagainya.

Oleh kerana itu, apa yang berlaku sekarang ini, seorang daripadanya telah pun dibicarakan oleh Lembaga Disiplin di Universiti Sains Malaysia dan *evidences* tidak dapat disangkal bahawa dia memang mengambil bahagian dengan pakaiannya, dengan lencananya, dengan tempatnya, dengan *timenya* dan sebagainya, tidak dapat disangkal lagi. Oleh kerana itu, di bawah AUKU saya tidak pasti seksyen mana bahawa dia telah pun dikenakan tindakan disiplin. Selagi AUKU tidak ditukar, selagi itulah kita akan mengikut AUKU. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Mungkin AUKU ada satu perundangan yang begitu *repressive* dan kenapa Yang Berhormat Menteri supaya dalam suasana yang baru, selepas penubuhan Kementerian Pengajian Tinggi boleh melonggarkan, kalau tidak boleh sebelum dapat persetujuan daripada Kabinet untuk memansuhkan sekurang-kurangnya untuk melonggarkan pelaksanaan AUKU dan semacam – saya tidak tahu apa kes ini – sama ada terbukti atau tidak, saya tidak tahu, tetapi sungguhpun benar, kalau benar ada pelajar-pelajar yang ambil bahagian di dalam pilihan raya besar. Kenapa kita tidak ada satu fikiran yang lebih luas? Menganggap ia satu *experience*, satu pengalaman yang baik untuk pelajar-pelajar kita untuk ambil bahagian di dalam pilihan raya besar, bukan satu jenayah, tetapi satu pengalaman yang baik, lima tahun sekali, biarkan mereka.

Kalau mereka tidak buat apa-apa kesalahan jenayah, kenapa perlu ambil tindakan. Ini satu, semacam untuk - *intern*, satu *experience* bagi mereka. Bukan jenayah, bukan. Kenapa perlu ambil tindakan? AUKU patut dilonggarkan, bolehkah rela menasihatkan USM, perkara seperti ini tidak perlulah ambil tindakan. Ada perkara-perkara yang lebih mustahak semacam untuk mempertingkatkan keunggulan

pencapaian standard pelajar-pelajar, bukan semacam perkara ini, remeh-temeh. Patutlah hentikan semua *proceeding* ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Yang Berhormat, sebagai *intern* yang dikatakan tadi, memang telah pun ada.

Tuan Lim Kit Siang: Semacam *intern*, semacam *intern*.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Semacam *intern*. Bukan *intern* di *White House*, ya. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Bukanlah.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Sebagai *intern*, kita memang sudah ada iaitu kita mengadakan pilihan raya kampus. Ini kita akan buat sedikit demi sedikit. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah pada Majlis untuk diputuskan.

“Bahawa perbelanjaan diluluskan dengan meminda Maksud B.46 Kementerian Pengajian Tinggi dengan mengurangkan sebanyak RM10 daripada Butiran 010000 – Emolumen iaitu dengan memotong gaji Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi sebanyak RM10 hendaklah disetujui.”

Usul dikemuka bagi diputus dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.49 dan Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi terbuka semula untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Mambong.

4.08 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin terus merujuk kepada Butiran B.040000, yang berkaitan dengan Pengurusan Institusi Pendidikan Tinggi Awam.

Pendidikan tinggi di negara kita berbentuk instrumental yakni bagi memenuhi permintaan tenaga kerja supaya negara kita terus membangun dalam bidang sosioekonomi. Oleh itu, pendidikan tinggi dan pembangunan sosioekonomi adalah

interdependence, dengan izin, iaitu pendidikan tinggi adalah satu *catalyst* bagi pembangunan sosioekonomi.

Di dalam tempoh lebih 40 tahun sehingga kini kadar penubuhan pendidikan tinggi di negara kita amat traumatik. Kini negara mempunyai 17 IPTA, iaitu universiti kerajaan, 21 IPTS bertaraf universiti dan 546 IPTS yang tidak bertaraf universiti.

Usaha ini adalah untuk memenuhi tenaga pekerja yang berpengetahuan bagi dasar k-Ekonomi negara kita. Namun kita masih lagi ada satu lagi masalah iaitu jika negara ingin melahirkan tenaga pekerja untuk memenuhi dasar k-Ekonomi, kita harus meneliti peratusan pelajar yang mengikuti kursus iaitu *the desire courses* dengan izin. Setakat ini saya nampak sangat di bawah *target*. IPTA belum lagi mencapai nisbah pelajar 40:60 di antara sastera dan sains dan teknologi. Ini kita harus mempertingkatkan supaya tenaga pekerja kita lebih lagi bertumpuan kepada k-Ekonomi. Sejak lima tahun sebelum ini ataupun hingga kini berpuluh-puluh ribu calon berebut-rebut untuk mendapat tempat di universiti. Kerajaan juga cuba memenuhi keperluan ini dengan meningkatkan pengambilan pelajar oleh setiap IPTA serta mendirikan universiti baru.

Persoalannya sekarang ialah mestikah negara memberi atau menawarkan pendidikan universiti kepada seramai mungkin penduduk negara ini? Kerajaan harus melihat implikasi dari segi polisi ini. Yang pertama persoalan kualiti; menerima seramai mungkin calon mungkin membolehkan kita mencapai matlamat kuantiti. Mungkin kita akan menjadi negara yang mempunyai nisbah tertinggi graduan di dunia tetapi bagaimanakah dengan kualiti? Terlalu banyak sungutan pada masa ini terhadap kualiti siswazah dari pusat-pusat pengajian tinggi negara ini. Harus kita hadapi kenyataan bahawa sukar untuk kita mengekalkan kualiti yang tinggi sekiranya universiti-universiti kita dipadatkan dengan puluhan ribu pelajar kerana prasarana yang ada sememangnya terhad.

Contohnya latihan di makmal atau apa-apa latihan *hands-on* yang dahulunya mungkin dilakukan secara berkongsi oleh dua orang pelajar. Kini terpaksa dikongsi oleh 6 atau 7 orang pelajar. Pertemuan atau persemukaan atau bimbingan secara langsung oleh pensyarah, umpamanya melalui perbincangan ilmiah atau *tutorial* tidak lagi berlaku secara bermakna, tidak seperti yang pernah berlaku pada masa lepas. Kelemahan sebegini tidak boleh tidak akan menjejaskan kualiti. Menambah atau mewujudkan terlalu banyak IPTA selain mempunyai implikasi kos akan menyerlahkan

ahli-ahli akademik ke merata lokasi sehingga tidak akan wujud satu institusi pengajian yang benar-benar perkasa dari segi kesarjanaannya baik dari segi pengajaran mahupun penyelidikan.

Implikasi yang kedua iaitu faktor di atas tadi yang seterusnya membawa kegagalan kita menghasilkan pemikir ataupun *thinkers* melalui sistem sekarang. Akhirnya universiti di tanah air kita hanya mampu menghasilkan ramai Pak Turut dan tenaga sokongan yang tidak langsung mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan kemahiran berfikir.

Implikasi yang ketiga ialah dari segi *mindset*, *mindset* dan persepsi pelajar, ibu bapa, ahli-ahli politik dan seluruh rakyat Malaysia juga harus ditinjau semula. Apakah pengharapan mereka sebenar dari pendidikan tinggi? Pekerjaan yang setara dengan kelayakan, dapatkah ini kita wujudkan ataupun prestij populariti *the mileage* politik? Adakah perkara-perkara ini wajar dan bertepatan dengan wawasan kita? Jelas sekali bahawa negara amat memerlukan tenaga kerja dengan kemahiran vokasional yang tertinggi seperti *specialist technician* dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dr. James Dawos Mamit: Mengapa bidang-bidang seperti ini tidak kita popularkan dan beri ganjaran yang sama tingginya dengan mereka yang berkelulusan universiti. Saya juga ingin menyarankan agar pendidikan peringkat *post-graduate* di pertingkatkan bagi menangani masalah-masalah dan implikasi yang saya sebutkan tadi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Aman.

5.16 ptg.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 01500 -Universiti Kebangsaan Malaysia dan seterusnya 02100 - Universiti Teknologi Malaysia.

Pertama saya ingin merujuk kepada yang ditulis di rencana *Utusan Malaysia*, Rabu 24 November 2004. Di sana ada seorang bernama PUTERA Malaysia menulis UKM harus berwaspada usaha iktiraf pejuang komunis. Saya ingin membawa ini kepada perhatian Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai kita dan penggubal-penggubal polisi kita iaitu nampaknya di UKM ada sisa-sisa komunis di sana, bekas pegganas komunis di sana. Dalam *Utusan Malaysia* dalam sehari sebuah buku telah tersiar mengenai Shamsiah Fakeh yang merupakan anggota Parti Komunis Malaya

dahulu di Rejimen Ke-10, beliau telah duduk di hutan menjadi pengganas dan selepas itu lari ke China dan selepas itu kembali.

Saya ingin tahu mengapakah UKM menggunakan wang rakyat mengagung-agungkan bekas komunis ini? Dan juga ada sebuah lagi buku Memoir Ibrahim Chik tajuknya dari API ke Rejimen Ke-10 juga diterbitkan oleh UKM dan Ibrahim ini juga telah berkhidmat di Rejiman KE-10 iaitu Sayap Parti Komunis Malaysia dan kata beliau mengikut parti komunis kerana tidak sesuai dengan perjuangan UMNO yang berslogankan Hidup Melayu. Satu sahaja kelayakan Ibrahim Chik ini beliau pandai berpidato dan kalaulah satu sahaja kebolehan mengapa UKM mengagung-agungkan orang ini? Oleh sebab Tuan Pengerusi, di Sarawak dan di Semenanjung begitu ramai orang yang mati kerana komunis.

Saya mempunyai banyak sepupu yang telah mati apabila mereka berkhidmat menjadi anggota Polis Diraja Malaysia, anggota tentera dan juga sebagai orang biasa. Ada yang mati ditembak malam, ada yang mati apabila anak mereka baru berumur satu tahun, dua tahun dan isteri mereka bekerja seorang diri sampai hendak mati untuk menyara anak mereka kerana komunis ini.

Jadi saya rasa UKM ini sudah hilang arah dan saya nampak peruntukan yang diberi kepada UKM itu begitu banyak dan saya hendak tahu adakah UKM akan terus memelihara, melindungi dan mengagung-agungkan orang yang telah menjadi komunis yang telah membunuh anggota polis dan anggota tentera kita.

Seorang kawan saya yang masih hidup sekarang, usus-usus beliau keluar semua, Tuan Pengerusi, beliau terpaksa bawa pergi semua ususnya keluar kerana ditembak oleh komunis. Ada seorang polis, *very young man*, seorang Melayu tetapi namanya Johny Mustafa, masih muda betul, berani, ditembak oleh komunis dengan tidak ada apa-apa perasaan.

Jadi, apakah maksud UKM ini? Apakah hasrat UKM untuk melindungi...
[Telefon bimbit berbunyi] Sorry!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak dengar telefon boleh duduk dahulu. [Ketawa] [Disampuk]

Tuan Jimmy Donald: Tidak apa. Jadi, minta maaf, Tuan Pengerusi. Inilah yang saya hendak bawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini oleh kerana saya rasa Menteri harus mengkaji apa yang dibuat di sana, mengapa duit...

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Jimmy Donald: Ya, begitu ramai orang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mereka hendak minta penjelasankah?

Beberapa Ahli: Tidak, tidak, tidak.

Seorang Ahli: Ingat sudah habis. *[Ketawa]*

Tuan Jimmy Donald: Belum habis, satu lagi. Kerana saya tadi hendak merujuk kepada UiTM, saya memang berterima kasih kepada UiTM...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Tuan Jimmy Donald: Ya. Kerana telah banyak memberi pertolongan kepada kaum bumiputera, tetapi saya rasa pada masa sekarang begitu ramai murid yang telah mendapat diploma tetapi tidak diberi peluang untuk mengikuti kursus ijazah. Saya rasa kursus diploma ini bolehlah diiktiraf sebagai *first year* dalam universiti dan saya rasa kalau mereka lulus, bolehlah ditawarkan tempat untuk mengikuti tahun dua dan tahun tiga di peringkat ijazah.

Yang seterusnya, di Fakulti Undang-undang UiTM, sekarang murid yang lulus pada peringkat *general degree* terpaksa memohon untuk mengikuti kursus *honors*, kepujian, saya rasa murid yang mendapat kursus *general degree* tidak ada masa depan, Tuan Pengerusi, saya rasa mereka haruslah diberi secara automatik kursus kepujian supaya mereka dapat menjadi peguam-peguam yang diiktiraf.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam

5.23 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di bawah Butiran 070000 – PTPTN.

Selama ini PTPTN merupakan satu badan yang memang tidak dapat dinafikan bahawa badan ini memainkan satu peranan yang telah membantu ramai pelajar yang memasuki IPTA dan IPTS, maka sejak 1998 ianya telah berperanan dan berfungsi dengan baik dan akhir-akhir ini kita nampak PTPTN ini menghadapi sedikit masalah dan ada juga ura-ura bahawa cadangan asal daripada PTPTN yang mahukan sistem pembayaran balik itu dapat dipercepatkan.

Kita lihat reaksi daripada orang ramai, rata-rata tidak bersetuju dengan sistem pembayaran cepat yang mahu ibu bapa menanggungnya dan saya rasa itu mungkin

bukanlah satu cara yang baik dan kita masih kekalkan dengan polisi jaminan kerajaan sebelum ini iaitu membenarkan mereka membayar selepas bekerja selama tiga tahun. Saya rasa polisi ini, janjinya perlu kita kekalkan.

Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan kepada PTPTN supaya memantapkan lagi sistem mengutip semula pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan. Kita melihat macam tidak ada aliran tunai dalam PTPTN. Dalam konteks ini saya akan menyokong penuh kementerian untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada Kementerian Kewangan kerana kalau kita tidak membantu PTPTN, saya khuatir dalam tempoh setahun dua, kita tidak ada duit lagi untuk bayar.

Jadi dalam konteks ini saya menyarankan kepada pihak kementerian supaya menyediakan satu kertas kerja, dapatkan bantuan daripada Kerajaan Pusat dan mana-mana badan yang masih mempunyai wang untuk kita hendak buat satu unjuran pelajar-pelajar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Unjuran pelajar-pelajar dan kita dapat menampung pinjaman-pinjaman yang boleh kita bekalkan kepada pelajar. Ini adalah perkara yang penting dan inilah yang menjamin kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya baru-baru ini. Lalu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya. Terima kasih. Yang Berhormat ini bukan sahaja lantang dalam Dewan Rakyat tetapi dalam debat televisyen baru-baru in pun saya memberi penghormatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, keluarkan soalan terus.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kenalah *jack* sedikit kawan-kawan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah *jack*lah. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kawan pun tidak boleh *jack*, susahlah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *Jack* di luarlah nanti.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Dalam Islam pun, kalau kita mengambil pinjaman, kita harus membayar. Jangan ingat kalau kita pinjam duit kerajaan dulu, kita

tidak bayar, tidak boleh. Di akhirat kelak akan dituntut. Tidak begitu ustaz, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, sahabat saya semua?

Jadi saya hendak mencadangkan, saya faham, apabila seseorang itu keluar daripada universiti, dia bekerja, Tuan Pengerusi, dia pun berkahwin. Sudahlah berkahwin, hendak sewa rumah, beli kereta dan sebagainya, itu ini. Ini hidup kita. Kalau kerja tinggi pun, tidak ada isteri, kacau juga, dia boleh pukul orang, dia boleh cekik orang. Tambah pula Yang Berhormat bagi Kepong, dia boleh gigit Yang Berhormat bagi Kepong. *[Ketawa]* Jadi ini masalah.

Hendak menyelesaikan masalah, saya hendak minta Menteri supaya apabila pelajar itu sudah bekerja...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta Menteri atau minta Yang Berhormat bagi Ayer Hitam?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. *[Ketawa]* Mencadangkan melalui Yang Berhormat bagi Ayer Hitam kepada Menteri supaya dipotong gaji mereka macam *income tax* melalui jabatan. Kalau dia bekerja dengan syarikat, tulis kepada syarikat minta potongan dari situ. Tidak banyakkah, potong bagi cukup padan, asalkan niat mereka hendak membayar. Ya?

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya respons.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang tidak kerja, tidak apalah, tunggu dia ada kerja. Kalau dia berniaga, alhamdulillah, dia untung, dia boleh bayar. Jadi kita buat macam itu. Kalau tidak, mereka tidak akan bayar. Maklumlah, komitmen, gaya hendak bayar, tahu-tahu anak pula sakit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah ambil alih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Sila duduklah, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pasal itu saya puji Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya rasa itu cadangan yang perlu diperhalusi dan saya ada lihat apa tindakan yang kita buat jangan membebankan ibu bapa. Sistem yang ada sekarang ini, jaminan yang ada itu memang baik dan kita hendak cari bagaimana

hendak memperbaiki dan memperkukuhkan sistem kewangan yang ada sekarang, khususnya kita hendak memperkuat lagi PTPTN ini.

Dalam satu kes lagi, saya minta pihak kementerian menyemak sama ada pihak kementerian sedar atau tidak Majlis Peperiksaan Malaysia baru-baru ini telah mengadakan satu iklan supaya pelajar-pelajar STPM seramai 4,000 orang dengan pelajar matrikulasi seramai 2,000 orang mengambil satu ujian yang dinamakan Ujian Memasuki Universiti. Saya lihat perkara ini, Jabatan Pengajian Tinggi sepatutnya memainkan peranan ini, tetapi saya nampak Majlis Peperiksaan Malaysia ini telah mengadakan satu *pilot project* yang sudah dimulakan itu dan akan berlangsung pada 15 Februari 2005.

Ini merangkumi ujian bertulis, temu duga dan orientasi dan saya yakin ini adalah kursus bagi mereka yang hendak mengambil kursus-kursus yang berkaitan dengan perubatan. Walaupun pengambilan pelajar untuk mengikuti program tersebut secara sukarela...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah, Yang Berhormat, gulung.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, saya tengah cakap ini. Secara sukarela dan saya lihat saya masih tidak nampak lagi adakah pihak kementerian sedar ataupun itu satu tindakan yang dibuat oleh Majlis Peperiksaan Malaysia dan apakah objektifnya?

Kita lihat dalam ujian objektif itu yang dikatakan ada tiga jam dan setiap jam itu akan dijawab satu seksyen, *critical thinking*, *interpersonal understanding* dan *problem solving*. Setiap itu ada 45 soalan objektif. Tarikh tutup pendaftaran itu adalah pada 3 Disember. Ibu bapa sekarang tertanya-tanya sama ada betulkah ini secara sukarela ataupun bagaimana ianya dapat dijalankan.

Saya minta pihak kementerian supaya memperhalusi, adakah perkara ini telah diperbincangkan ataupun pihak Majlis Peperiksaan Malaysia sendiri yang buat keputusan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah habis?

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Belum lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bagi lagi dua minit sambung.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya. Jadi, saya rasa dalam kes ini bukan sahaja menghadiri ujian. Selepas itu, mengikut apa yang telah disiarkan itu, calon-calon yang sesuai akan dipanggil untuk temu duga dan menghadiri orientasi. Ini sebulat dengan apa yang Menteri kata tetapi macam mana diambil alih pula oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.

Saya mintalah supaya dapat satu penjelasan daripada pihak Menteri dan perkara ini memang ada yang berasa risau, adakah kalau anak mereka tidak ikut secara sukarela akan dinafikan hak. Saya yakin bukan macam itu. Apakah tujuan kita mengadakan *pilot project* dan apakah sebelum ini telah dibuat satu penerangan yang lanjut kerana ibu bapa sekarang ini pun tidak tahu. Apakah objektif utama kita membuat *pilot study* ini? Apa yang kita hendak capai?

Akhir sekali, saya ingin memaklumkan bahawa pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan satu kursus program bahasa asing. Saya rasa ini adalah satu perkara yang baik. Tetapi saya minta Menteri semak buku rujukan dalam bahasa asing yang ada di perpustakaan UPM memang terhad. Ramai penyelidik, mereka membuat aduan bahawa tidak cukup – bahasa Mandarin, bahasa lain, semua. Cuma ada 200 atau 300 sahaja, memang tu cukup. Kita mahu mewujudkan satu IPT yang cemerlang, salah satu faktor ialah untuk mendapatkan bahan rujukan.

Maka dalam konteks ini saya menyeru pihak UPM supaya mengambil tindakan proaktif untuk kita menambah bahan rujukan bahasa asing termasuk juga program bahasa Cina yang telah diajar selama ini. Ini adalah satu program yang baik. Saya mintalah pihak kementerian dapat mengambil tindakan yang selanjutnya untuk mengarahkan pihak UPM untuk berbuat demikian.

Sekian sahaja, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut, esok cakap, esok berucap. Dewan bersidang semula.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.